ڤليتا بروني
Pelita BRUNEI
AKHBAR RASMI KERAJAAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM
*Membudayakan Masyarakat Bermaklumat*

ڤتيقن تيته

*PETIKAN TITAH*

"KITA tidak mahu ilmu ugama itu dibayangi oleh budaya semasa, kerana budaya bukanlah ugama, lebih-lebih lagi jika budaya itu memang bertentangan dengan ugama."

Titah Sempena Majlis Konvokesyen Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan Kali Ke-5, Tahun 1436 Hijrah / 2015 Masihi pada 26 Zulhijjah 1436H / 10 Oktober 2015M.

مانيسڽ ايمان

*MANISNYA IMAN*

"DAN janganlah kamu senghaja mencampakkan diri kamu dengan tangan kamu sendiri ke dalam bahaya kebinasaan. Dan berbuat baiklah kamu kerana sesungguhnya Allah menyukai orang-orang yang berbuat kebaikan."

- (Firman Allah Subhanahu Wata'ala dalam Surah Al Baqarah ayat 195).

TAHUN 60 / BILANGAN 125 | 19 OKTOBER 2015 / 1437 محرم 6 | JABATAN PENERANGAN | *EDISI ISNIN / PERCUMA*



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, Canselor Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA) berkenan menyempurnakan pengurniaan ijazah kepada graduan Hafl Al-Takharruj Ke-5 UNISSA. - Foto : Mohamad Azmi Awang Damit *(Lihat muka 16 dan 17)*.

# Pakai kaedah ulama muktabar

**Oleh :**
**Dk. Vivy Malessa Pg. Ibrahim**

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Sabtu, 17 Oktober. - Semua pihak perlu berwaspada, khasnya Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA), selaku tonggak ketamadunan Islam di negara ini, agar jangan mengabaikan setiap perkembangan yang menyentuh hal-hal ugama, baik ia berlaku di dalam mahupun yang datang daripada luar.

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, Canselor UNISSA bertitah menekankan perkara itu pada Majlis Hafl Al-Takharruj Ke-5 UNISSA yang berlangsung di Pusat Persidangan Antarabangsa, Berakas, di sini.

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam bertitah, atas nama ugama, orang suka membawa isu-isu baru, misalnya untuk menyangkal sesuatu perkara itu sebagai tidak ada dalam ugama atau ianya tidak pernah disebut dan dibuat oleh Nabi, maka disarankanlah supaya ianya dibuang atau tidak payah dipakai lagi.

"Beta melihat, pendapat seperti ini datangnya daripada orang-orang baru, yang kadang-kadang imej mereka adalah imej ulama, tetapi tidak beretika dengan etika ulama. Ulama muktabar tidaklah secelupar itu," titah baginda.

Mereka, titah baginda, masih saja terikat untuk menghargai apa-apa yang baik, walaupun bukan dari hadis.

Kerana itu, titah baginda, mereka menyediakan dua kaedah atau sistem nilai: pertama, mana-mana perkara buruk yang tidak ada dalam hadis, perkara tersebut akan dikategorikan sebagai *bid'ah sayyi'ah* (perkara baru yang buruk yang sayugia jangan dilakukan), dan kedua, mana-mana perkara baik walaupun ia bukan dari hadis, maka perkara itu akan dikategorikan sebagai *bid'ah hasanah* (perkara baru yang baik dan malah jika dibuat boleh mendatangkan pahala).

**Ke muka 32**

# Utamakan faktor *marketability*

**Oleh : Dk. Vivy Malessa Pg. Ibrahim**
**Foto : Mohamad Azmi Awang Damit, Haji Ariffin Mohd. Noor, Hernie Suliana Haji Othman, Azmah Haji Ahad**

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Sabtu, 17 Oktober. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, Canselor Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA) bertitah, menyarankan agar para graduan UNISSA mengambil kira faktor kebolehpasaran atau *marketability* sehingga mereka mampu bersaing dalam dunia pekerjaan yang semakin kompetitif.

Sehubungan dengan itu, baginda ingin mengetahui sejauh mana pihak UNISSA ada menjalankan kaji selidik untuk mengetahui kebolehpasaran atau *marketability* untuk para graduannya. Di samping di manakah mereka itu sedang berkhidmat dan apakah maklum balas dari para majikan mengenainya.

Demikian titah baginda pada Majlis Hafl Al-Takharruj Ke-5 UNISSA yang berlangsung di Pusat Persidangan Antarabangsa, Berakas, di sini.

Menyentuh mengenai kegemilangan Islam, baginda percaya UNISSA mempunyai potensi untuk menjadi institusi pengajian tinggi Islam tulen yang unggul di arena antarabangsa.

Bagi tujuan itu, baginda ingin melihat UNISSA bergerak cepat dalam memantapkan profil penyelidikannya. Baginda percaya jika kedua-dua aspek, pengajaran dan penyelidikan dimantapkan, UNISSA akan melonjak selaku sebuah universiti Islam ternama di dunia.

**Ke muka 16 dan 17**



**Muka 3**

NFABD miliki padang bola sepak bertaraf dunia



**Muka 31**

BRUNEI DPMM FC kekal berada di tangga teratas Liga S

# Jangan memilih atlet kebangsaan secara 'E-Referendum'

**SEBELUM** kita berpindah ke agenda seterusnya, kaola / saya sukacita menarik perhatian kepada semua pihak, terutama sekali pihak urusetia bahawa pemilihan atlet-atlet kebangsaan untuk mewakili negara ke sukan-sukan serantau dan antarabangsa hendaklah melalui proses pemilihan yang lazim dibuat oleh Jawatankuasa Tertinggi Penilaian dan Pemilihan Atlet Kebangsaan dan bukannya dibuat secara 'E-Referendum', yang dikelilingkan kepada ahli-ahli jawatankuasa tertinggi melalui e-mel, seperti yang dibuat ke atas pemilihan atlet Sukan Remaja Komanwel 2015.

Perlu kaola / saya tekankan di sini, bahawa cara 'E-Referendum' ini bukanlah satu cara yang betul, ianya seolah-alah *hanya melepaskan bantuk di tangga*, dan memaksa kita untuk membuat keputusan secara persendirian tanpa hujah-hujah yang kukuh. Kaola / saya berharap ianya tidak akan dijadikan budaya di masa-masa akan datang.

Kesuntukan masa, atau tidak ada masa yang bersesuaian, untuk bermesyuarat itu tidak sepatutnya dijadikan alasan, memandangkan tarikh-tarikh temasya sukan serantau dan antarabangsa itu, memang sudah diketahui sedari awal-awal lagi. Perancangan dan persediaan awal itu sangat penting demi memastikan keberkesanan pelaksanaannya.

Proses penilaian dan pemilihan yang lazim dibuat oleh jawatankuasa tertinggi, mesti dipertahankan. Kerana dalam mesyuarat itu kita dapat berbincang dan bertukar-tukar pandangan secara terbuka, terutama sekali dalam menilai sama ada atlet yang dicalonkan memenuhi enam syarat yang telah ditetapkan. Selain dari itu, di mesyuarat itu juga, kita akan dapat mendengar perubahan-perubahan dasar kerajaan, jika ada dan penerangan dari pihak BDNOC mengenai perkara-perkara yang perlu diambil perhatian, di samping penjelasan-penjelasan dari jurulatih-jurulatih, iaitu jika diperlukan.

Walaupun BDNOC mempunyai 'Exclusive Right' dalam menentukan atlet yang akan mewakili negara, namun 'Exclusive Right' itu hanya akan digunakan setelah atlet-atlet yang disokong melalui proses penilaian dan pemilihan yang betul.



SABDA Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Bendahara Seri Maharaja Permaisuara Pengiran Muda Haji Sufri Bolkiah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Presiden Majlis Olimpik Kebangsaan Negara Brunei Darussalam (BDNOC) semasa Sesi Postmortem Sukan Belia Komanwel Ke-5 2015, Apia, Samoa di Bilik Persidangan Stadium Negara Hassanal Bolkiah, Berakas pada hari Khamis 8 Oktober 2015 Masihi / 24 Zulhijjah 1436 Masihi.

***PERLU kaola / saya tekankan di sini, bahawa cara 'E-Referendum' ini bukanlah satu cara yang betul, ianya seolah-alah 'hanya melepaskan bantuk di tangga', dan memaksa kita untuk membuat keputusan secara persendirian tanpa hujah-hujah yang kukuh. Kaola / saya berharap ianya tidak akan dijadikan budaya di masa-masa akan datang. Kesuntukan masa, atau tidak ada masa yang bersesuaian, untuk bermesyuarat itu tidak sepatutnya dijadikan alasan, memandangkan tarikh-tarikh temasya sukan serantau dan antarabangsa itu, memang sudah diketahui sedari awal-awal lagi. Perancangan dan persediaan awal itu sangat penting demi memastikan keberkesanan pelaksanaannya.***

## Dari Sidang Pengarang.

19 OKTOBER 2015 BERSAMAAN 1437 محرم 6

### UNISSA PENUHI KEPERLUAN PEMBANGUNAN NEGARA

**BAGI** menjadikan Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA) sebagai sebuah universiti Islam tulen yang terunggul di arena antarabangsa, pelbagai usaha sedang giat dilaksanakan oleh universiti berkenaan bagi meningkatkan kualiti akademik dengan menawarkan program-program akademik yang lebih dinamik dan 'marketable' berasaskan Al-Qur'an dan As-Sunnah untuk memenuhi keperluan dan pembangunan Negara Brunei Darussalam selaras dengan hasratnya untuk melahirkan 'Generasi Berugama dan Progresif' menjelang 2035.

Dalam perkembangan ini, UNISSA telah memperkenalkan beberapa program akademik bagi memenuhi perkembangan semasa negara dan global, antaranya menawarkan Ijazah Doktor Falsafah Undang-Undang dan Sijil Sistem Keadilan Jenayah Syar'iah, yang juga sebagai pemangkin ke arah memantapkan lagi usaha negara dalam pelaksanaan Perintah Kanun Hukuman Jenayah Syar'iah 2013. Di samping itu, pengiktirafan ke atas kelulusan Program Dwi-Ijazah, iaitu Sarjana Muda Undang-Undang dan Sarjana Muda Syariah yang ditawarkan UNISSA juga telah membuka peluang bagi graduan UNISSA untuk memilih kerjaya sebagai Peguambela dan Peguamcara. Hal ini kerana Sarjana Muda Undang-Undang telah diwartakan sebagai kelayakan alternatif di bawah Akta Ikhtisas Peguam (Penggal 132) dan aturan Ikhtisas Peguam (Kelayakan Lain) pada 17 Disember 2014.

Di samping itu, dalam mengembangkan UNISSA sebagai sebuah pusat penyelidikan, program lepasan ijazah, iaitu Ijazah Sarjana Mazhab Shafi'i dan Ijazah Doktor Falsafah Mazhab Shafi'i telah ditawarkan bagi sesi pengajian 2015 / 2016. Program diperkenalkan adalah bagi mengembangkan dan mendalami lagi pengajian Mazhab Shafi'i, di samping mazhab-mazhab lain bagi memenuhi keperluan ummah khususnya di rantau sebelah sini yang menjadikan Mazhab Shafi'i sebagai pegangan dalam melaksanakan ibadah.

Usaha-usaha yang giat dilaksanakan UNISSA ini adalah selaras dengan hasrat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam semasa berkenan mengurniakan titah sempena Majlis Hafl Al-Takharruj Ke-5 UNISSA :

"Menyentuh mengenai kegemilangan Islam, UNISSA mempunyai potensi untuk menjadi institusi pengajian tinggi Islam yang unggul di arena antarabangsa. Beta ingin melihat UNISSA bergerak cepat dalam memantapkan profil penyelidikannya. Beta percaya jika kedua-dua aspek pengajaran dan penyelidikan dimantapkan, UNISSA akan melonjak selaku sebuah universiti Islam ternama di dunia."

Sesuai dengan peranannya sebagai sebuah universiti, yang mana kegiatan penyelidikan adalah agenda utamanya, kegiatan penyelidikan di UNISSA telah dipergiatkan sehingga pada tahun ini sahaja, UNISSA telah berjaya melancarkan sebanyak 32 buku ilmiah yang dilancarkan pada Majlis Mahrajan Hafl Al-Takharruj Ke-5 baru-baru ini. Kejayaan ini telah dipacu oleh UNISSA Press melalui Pusat Penyelidikan dan Penerbitan, UNISSA, yang bersungguh-sungguh menanamkan budaya mengkaji dan menghasilkan penulisan ilmiah dalam kalangan warga akademiknya.

Dengan adanya graduan lepasan UNISSA ini, sumbangan khidmat bakti mereka amat diperlukan oleh masyarakat apatah lagi pada era globalisasi yang serba mencabar dengan kehadiran 'Ulama Internet', yang membangkitkan fahaman baru untuk memesongkan akidah dan syiar Islam. Di sinilah pelajar mahupun pensyarah UNISSA diperlukan untuk memberikan fahaman yang betul dalam amalan beragama dan menjadi pakar rujuk dalam isu semasa berkaitan agama serta memberikan khidmat kepada masyarakat.

Alhamdulillah, tahniah diucapkan kepada 120 graduan yang telah berjaya menerima ijazah mereka pada Hafl Al-Takharruj Ke-5 UNISSA. Kejayaan para graduan ini secara tidak langsung telah menyumbang kepada pembangunan ummah sejagat, dengan kepakaran masing-masing dalam bidang keagamaan. Diharap para graduan ini akan memanfaatkan segala ilmu yang telah ditimba sepanjang pengajian untuk dicurahkan kepada masyarakat. - **Ketua Penyuntingan (Rd).**




SIDANG PENGARANG PELITA BRUNEI, JABATAN PENERANGAN

**Pemberitaan/Rencana**
Pg. Hajah Fatimah Pg. Haji Md. Noor,
Norliah Md. Zain,
Hezlinawati Haji Abdul Karim,
Ak. Jefferi Pg. Durahman,
Haniza Abdul Latif,
Abu Bakar Haji Abdul Rahman,
Wan Mohamad Sahran Wan Ahmadi
Dk. Siti Redzaimi Pg. Haji Ahmad,
Hajah Siti Zuraihah Haji Awang Sulaiman,
Dk. Vivy Malessa Pg. Ibrahim,
Rohani Haji Abdul Hamid,
Nooratini Haji Abas,
Khartini Hamir,
Saerah Haji Abdul Ghani,
Aimi Sani,
Noraisah Muhammed,
Haji Mahhmud Hafidzie Haji Ali Mashod,
Dk. Nur Effa Ryina Pg. Haji Hamdani

**Ketua Bahagian Pelita Brunei**
Mohammad Rainie Haji Durani

**Ketua Penyuntingan**
Musa Mohidin,
Hajah Zabaidah Haji Salat,
Mohammad Rainie Haji Durani,
Dk. Nasibahanim Pg. Haji Bakar

**Penyemakan**
Abdul Hadi Haji Suhaili,
Haji Besar Haji Mamit,
Hajah Norliha Haji Salleh,
Ramlah Md. Nor,
Nurul Hazwani Abu Omar,
Siti Faizahanisah Awang Mahani,
Dk. Nur Ridzwana Pg. Abd. Aziz

**Juruteknik Foto**
Hatral Hazmi Abdul Hamid,
Nornasyirah Nordin,
Sylvina Hon Zae Leena

**Penyuntingan**
Samle Haji Jait,
Nor Hanizah Haji Abd. Halim,
Siti Muslihat Haji Salleh,
Bolhassan Haji Abu Bakar,
Abdullah Asgar,
Hajah Siti Zuraihah Haji Awang Sulaiman

**Penterjemahan**
Hajah Musmariani Haji Mohammad

**Pereka Letak**
Khairul Shaharim Haji Abdul Ghafor,
Haji Ahmad Haji Salim,
Mohammad Ike Iqrami Haji Suhaimi,
Muhammad Hamdanajib Haji Domeng,
Mohammad bin Kahar

AMBULANS 991 | POLIS 993 | BOMBA 995 | PENYELAMAT 998 | (Talian Darussalam) JABATAN PERKHIDMATAN ELEKTRIK, JABATAN PENGANGKUTAN DARAT, KEMENTERIAN PEMBANGUNAN DAN e-darussalam 123 | NDMC 2380214

# NFABD miliki padang bola sepak bertaraf dunia



DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Bendahara Seri Maharaja Permaisuara Pengiran Muda Haji Sufri Bolkiah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Presiden Persatuan Bola Sepak Kebangsaan Negara Brunei Darussalam (NFABD) berkenan menerima padang Astro Turf NFABD pada Majlis Serah Terima di NFABD House.

**BANDAR SERI BEGAWAN,** Sabtu, 17 Oktober. - Persatuan Bola Sepak Kebangsaan Negara Brunei Darussalam (NFABD) mencatatkan satu lagi sejarah dalam mencapai kecemerlangan sukan bola sepak di negara ini dengan mempunyai padang bola sepak 'World Cup Standard Artificial Turf' yang terletak di NFABD House di Jalan Persidangan, Berakas, di sini.

Pembinaan padang tersebut merupakan hasil inisiatif Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Bendahara Seri Maharaja Permaisuara Pengiran Muda Haji Sufri Bolkiah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Presiden NFABD.

Padang bola sepak yang berkualiti tinggi tersebut telah dibina dengan bantuan kewangan dari FIFA bernilai USD874,483, iaitu USD500,000 datangnya dari FIFA dan selebihnya USD374,483 dari sumber kewangan NFABD.

Majlis serah terima padang tersebut telah diadakan pagi tadi oleh pihak kontraktor kepada Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Bendahara Seri Maharaja Permaisuara Pengiran Muda Haji Sufri Bolkiah sejurus Kongres Biasa NFABD diadakan di Bangunan NFABD, di sini.

FIFA telah melantik Limonta Sports SPA, iaitu sebuah syarikat dari Itali untuk menyelia dan melaksanakan pembinaan projek berkenaan.

Kerja awal pembinaan telah bermula pada bulan September 2014 iaitu bagi kerja-kerja melapangkan tanah dan diikuti pembinaan sebenar bermula Mac 2015 bagi tempoh projek selama lapan bulan.

Kualiti padang yang dibina ini adalah sama seperti yang digunakan semasa FIFA World Youth Cup di Peru 2007 dan FIFA Women World Cup 2015 yang berlangsung di Kanada.

Keputusan pembinaan jenis padang seperti ini adalah berdasarkan iklim kering dan hujan lebat yang bermusim di negara ini.

Dengan terbinanya padang tersebut, setentunya akan dapat dimanfaatkan dengan sebaiknya sebagai satu *legacy* untuk bola sepak di Negara Brunei Darussalam.

Objektif utama padang tersebut adalah untuk menyediakan kualiti permainan yang baik untuk pembangunan bola sepak peringkat kebangsaan (National Team A), pasukan-pasukan belia di semua peringkat umur dan kegiatan-kegiatan bola sepak akar umbi di negara ini.

NFABD akan membuka tempahan kepada peminat-peminat bola sepak dan kelab-kelab bola sepak yang berminat untuk menggunakan padang Artificial Turf yang baru dibina ini pada kadar harga BND100 bagi setiap tiga jam. Penempahan hanya akan diberikan di luar masa latihan pasukan bola sepak NFABD.

Untuk keterangan lanjut, sila hubungi NFABD House melalui talian telefon 2380047 (Jabatan Teknikal) pada waktu pejabat, iaitu Isnin hingga Jumaat, pukul 9.00 pagi hingga 12.00 tengah hari dan 2.00 petang hingga 5.00 petang.

**Oleh : Abu Bakar Haji Abdul Rahman**
**Foto : Ihsan NFABD**

# Jalin hubungan bersama FIFA, AFC, AFF

**BANDAR SERI BEGAWAN,** Sabtu, 17 Oktober. - Dalam usianya yang masih muda Persatuan Bola Sepak Kebangsaan Negara Brunei Darussalam (NFABD) telah berjaya menjalinkan hubungan yang sangat baik dengan FIFA, AFC dan AFF.

Hubungan yang sangat baik itu telah banyak membantu NFABD ke tahap yang ada sekarang, selain menerima Program Bantuan Kewangan dari FIFA dan AFC dan Bantuan Pentadbiran dari AFF, di samping banyak menerima bantuan-bantuan teknikal, tenaga mahir dan peralatan dari program-program pembangunan bola sepak FIFA dan AFC.

Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Bendahara Seri Maharaja Permaisuara Pengiran Muda Haji Sufri Bolkiah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Presiden NFABD bersabda semasa Kongres Biasa NFABD yang diadakan di NFABD House di Jalan Persidangan, di sini.

Menurut Duli Yang Teramat Mulia, dengan adanya hubungan yang baik itu pihak FIFA dan AFC sentiasa membantu dan menaruh keyakinan bahawa NFABD sememangnya berdaya maju dan berkebolehan untuk mengangkat sukan bola sepak di negara ini dan kerana itu pihak AFC telah memberi kepercayaan kepada NFABD untuk menjadi tuan rumah kepada AFC U14 Festival 2015 dan 2016.

"Pihak AFC berpendapat AFC U14 Festival 2015 yang telah kita adakan pada bulan Ogos yang lalu, di antara yang terbaik, yang pernah diadakan. InsyaaAllah dengan pengalaman ini, saya berharap AFC U14 Festival 2016 akan dapat diadakan dengan lebih cemerlang," DYTM bersabda.

Ketika bersabda pada kongres tersebut, DYTM juga menjelaskan tentang bantuan FIFA mengenai Padang Astro Turf NFABD, iaitu di bawah FIFA Goal Project 2 yang bernilai USD874,483, iaitu USD500,000 datangnya dari FIFA dan selebihnya USD374,483 dari sumber kewangan NFABD.

Jelas DYTM, padang tersebut akan dimanfaatkan oleh pasukan-pasukan kebangsaan Negara Brunei Darussalam di pelbagai peringkat umur dalam usaha mereka memantapkan persediaan pasukan negara bagi penyertaan kejohanan di peringkat serantau dan antarabangsa, selain bagi kegunaan orang awam dan kelab-kelab bola sepak secara sewa dengan kadar bayaran yang berpatutan.

DYTM bersabda, baru-baru ini NFABD juga telah menerima pengesahan dari pihak FIFA mengenai kesediaan badan induk pertubuhan bola sepak dunia itu untuk membiayai pembinaan sebuah padang bola sepak (rumput asli), iaitu di bawah FIFA Challenge Program bernilai USD600,000, yang mana proses pembinaannya akan diusahakan secepat mungkin, iaitu berhampiran dengan Padang Astro Turf, kawasan belakang NFABD House.

Turut disentuh dalam sabda tersebut, termasuklah mengenai FIFA Goal Project 3 iaitu bagi cadangan pembinaan *grandstand* bagi Padang Astro Turf, di samping permohonan bagi membina padang bola sepak kecil di bawah program AFC President's Initiative.

DYTM bersabda, dengan bantuan kewangan dari FIFA dan AFC, NFABD juga dapat membukakan peluang pekerjaan kepada yang berkelayakan untuk mengisikan jawatan-jawatan yang berkenaan dalam NFABD.

Pelaburan dalam modal insan ini terang DYTM, sangat penting demi memastikan kesinambungan dan kelangsungan masa depan NFABD sebagai badan induk sukan bola sepak.

"Bercakap mengenai masa depan NFABD, teruja juga saya menyentuh, mengenai peranan EXCO. Mengetahui dan memahami peranan masing-masing sama ada sebagai EXCO sahaja atau EXCO yang mempunyai jawatan dalam Jawatankuasa Tetap NFABD (Standing Committee), adalah sangat penting. Tanpa mengetahui dan memahaminya sudah tentu kita tidak akan dapat membawa NFABD ke tahap yang lebih cemerlang, sekali gus akan membiarkan bola sepak negara ini jauh tertinggal di belakang dari negara-negara jiran kita," sabda Presiden NFABD.

Sebagai usaha ke arah itu, terang DYTM, pihak FIFA telah bersetuju untuk mengadakan satu bengkel pada Januari 2016 khusus untuk ahli-ahli EXCO NFABD yang baru sebagai nilai tambah.

Pada kongres tersebut telah menetapkan bagi Ahli-ahli Jawatankuasa Eksekutif NFABD untuk sesi 2015 - 2019 yang terdiri jawatan Presiden NFABD dipegang oleh DYTM Paduka Seri Pengiran Bendahara Seri Maharaja Permaisuara Pengiran Muda Haji Sufri Bolkiah.

Sementara jawatan Timbalan Presiden NFABD, akan diputuskan dalam kongres luar biasa yang seterusnya, manakala ahli-ahli EXCO terdiri daripada Awang Haji Abd. Razak bin Haji Ibrahim (Persatuan Bola Sepak Daerah Brunei Muara); Awang Morni bin Haji Zakaria (Persatuan Bola Sepak Amatur Daerah Belait); Awang Matussin bin Sumpong (Persatuan Bola Sepak Amatur Daerah Tutong); Awang Haji Miramit bin Haji Damit (Persatuan Bola Sepak Daerah Temburong); Awang Zulkifili bin Haji Duraman (Persatuan Pengadil); Awang Haji Mohd. Noor bin Haji Hamid (Daerah / Super League Association); Awang Bujang bin Haji Japar (Daerah / Super League Association); Awang Ah Chua bin Bangau (Daerah / Super League Association); Awang Rosdin bin Haji Abd. Aziz (Daerah / Super League Association) dan Awang Haji Madli bin Haji Md. Yusof (Daerah / Super League Association).

# UNISSA meterai MoU bersama UIN SUSKA, KUISAS

Oleh : Dk. Nur Effa Ryina Pg. Haji Hamdani
Foto : Pg. Amirulnizam Pg. Haji Mohd. Ali



MENTERI Pendidikan, selaku Pengerusi Majlis Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA), Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Kerna Dato Seri Setia (Dr.) Haji Awang Abu Bakar bin Haji Apong menyampaikan Sijil Penghargaan kepada Menteri Kewangan II (Kedua) di Jabatan Perdana Menteri, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Dato Seri Setia Awang Haji Abdul Rahman bin Haji Ibrahim yang menyumbang Pingat-pingat dan Hadiah-hadiah Buku Universiti sempena Hafl Al-Takharruj Ke-5 UNISSA.



MENTERI Pendidikan, selaku Pengerusi Majlis UNISSA, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Kerna Dato Seri Setia (Dr.) Haji Awang Abu Bakar hadir selaku tetamu kehormat pada Majlis Malam Graduan sempena Hafl Al-Takharruj Ke-5 UNISSA.



MENTERI Pendidikan, selaku Pengerusi Majlis UNISSA menyaksikan penandatanganan MoU di antara UNISSA yang diwakili oleh Rektor UNISSA, Dr. Haji Norarfan dengan UIN SUSKA yang diwakili oleh Rektor UIN SUSKA, Profesor Dr. H. Munzir Hitami.



YANG Berhormat Menteri Pendidikan menyaksikan pertukaran dokumen Memorandum Persefahaman (MoU) di antara UNISSA yang diwakili oleh Rektor UNISSA, Dr. Haji Norarfan bin Haji Zainal dengan Universitas Islam Negeri Sultan Syarif Kasim, Riau (UIN SUSKA) yang diwakili oleh Rektor UIN SUSKA, Profesor Dr. H. Munzir Hitami.



MENTERI Pendidikan, selaku Pengerusi Majlis UNISSA menyaksikan penandatanganan MoU di antara UNISSA yang diwakili oleh Dr. Haji Norarfan dengan KUISAS yang diwakili oleh Yang Berbahagia Tan Sri Profesor Dr. Nordin Kardi (atas), sementara gambar bawah, antara yang hadir pada majlis tersebut ialah Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama dan Yang Berhormat Menteri Perhubungan.



YANG Berhormat Menteri Pendidikan menyaksikan pertukaran dokumen MoU di antara UNISSA yang diwakili oleh Rektor UNISSA dengan Kolej Universiti Islam Sultan Syarif Azlan Shah (KUISAS), Perak yang diwakili oleh Rektor KUISAS, Yang Berbahagia Tan Sri Profesor Dr. Nordin Kardi.





PENOLONG Rektor UNISSA, Dr. Arman bin Haji Asmad semasa menyampaikan ucapan alu-aluan pada majlis tersebut.

**BANDAR SERI BEGAWAN,** Sabtu, 17 Oktober. - Dalam usaha melebarkan jaringan strategik untuk saling mendapat manfaat bersama institusi lain, Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA) mengharapkan lebih banyak kerjasama dalam bidang akademik dapat dilaksanakan.

Begitu juga dalam program mobiliti pelajar, penyelidikan, penyeliaan khususnya antara universiti pengajian Islam di rantau Asia Tenggara.

Sehubungan itu, pada Majlis Malam Graduan Sempena Hafl Al-Takharruj Ke-5 UNISSA telah melakar satu lagi sejarah apabila memeterai penandatanganan Memorandum Persefahaman (MoU) dengan dua buah institusi iaitu Universitas Islam Negeri Sultan Syarif Kasim (UIN SUSKA) Riau yang diwakili oleh Rektor, Profesor Dr. H. Munzir Hitami dan Kolej Universiti Islam Sultan Azlan Shah (KUISAS), Perak diwakili oleh Rektor, Yang Berbahagia Tan Sri Profesor Dr. Nordin Kardi dan bagi pihak UNISSA ditandatangani oleh Rektor UNISSA, Dr. Haji Norarfan bin Haji Zainal.

Penandatanganan telah berlangsung di hadapan Menteri Pendidikan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Kerna Dato Seri Setia (Dr.) Haji Awang Abu Bakar bin Haji Apong juga selaku Pengerusi Majlis UNISSA.

KUISAS dulunya dikenali dengan Kolej Islam Darul Ridzuan (KISDAR). Ia adalah hasil cetusan idea Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Sultan Perak Darul Ridzuan, Sultan Azlan Muhibuddin Shah pada tahun 1986. KISDAR telah dinaiktarafkan sebagai KUISAS pada tahun 2013. KUISAS kini menawarkan program di peringkat lepas ijazah, sarjana muda dan diploma.

UIN SUSKA Riau pula merupakan salah institusi pengajian tinggi bertaraf universiti negeri dengan berasaskan ilmu Islam dan menjadikan integrasi ilmu sebagai karakter mereka.

Pada Majlis Makan Malam yang berlangsung di Tarindak d'Seni, Pusat Latihan Kesenian dan Pertukangan Tangan Brunei, seramai 36 graduan UNISSA telah menerima anugerah pingat-pingat dan hadiah-hadiah buku universiti.

Tetamu kehormat majlis itu ialah Menteri Pendidikan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Kerna Dato Seri Setia (Dr.) Haji Awang Abu Bakar.

Penolong Rektor UNISSA, Dr. Arman bin Haji Asmad juga selaku Pengerusi Jawatankuasa Kerja Majlis Malam Graduan dalam ucapan alu-aluan beliau mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada graduan UNISSA yang telah menerima ijazah mereka pada sebelah pagi.

Majlis Malam Graduan ini pula adalah sebagai penganugerahan kepada graduan setelah bertungkus lumus dan bersengkang mata berjuang dalam medan akademik.

Tujuan penganugerahan itu adalah untuk memberi pengiktirafan dan penghargaan kepada para pelajar atas kecemerlangan mereka sepanjang pengajian di UNISSA.

Dr. Arman juga menyatakan penghargaan terima kasih kepada para penyumbang pingat dan buku-buku yang mencerminkan sokongan dan sikap pemedulian para penyumbang terhadap perkembangan ilmu di negara ini serta kepada mereka mengungkayahkan Majlis Hafl Al-Takharuj Ke-5.

Pada majlis itu, Dayang Siti Ramizah binti Matussin, graduan Ijazah Sarjana Muda Usuluddin (Aqidah dan Dakwah) telah menerima Pingat Rektor.

Manakala tiga graduan terpilih menerima Pingat Universiti iaitu Dayang Fatin Nor Afifah binti Haji Abdul Ghani, graduan Ijazah Sarjana Muda Syariah (Fiqh dan Usul), Dayang Za'iematul Asywaq binti Haji Marsidi, graduan Ijazah Sarjana Muda Sejarah Islam dan Tamadun dan Shobrina Suili, graduan Ijazah Sarjana Muda Sains Dalam Kewangan Islam.

Terdahulu, majlis dimulakan dengan bacaan ayat-ayat suci Al-Qur'an oleh Awang Muhammad Arif bin Haji Johari.

Turut hadir pada majlis itu ialah ahli-ahli Majlis UNISSA, ahli-ahli Jawatankuasa Tertinggi Hafl Al-Takharruj Ke-5 UNISSA, Duta-Duta dan wakil daripada Kedutaan Besar dan perwakilan asing di Negara Brunei Darussalam dan naib-naib canselor, rektor-rektor serta perwakilan institusi pengajian tinggi luar negara.

# Meningkatkan pengeluaran kualiti padi



MENTERI Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Utama Dato Seri Setia Awang Haji Yahya bin Begawan Mudim Dato Paduka Haji Bakar menyertai aktiviti mengatam Padi Laila bersama Ahli-ahli Ladang Majlis Perundingan Kampung (MPK) Limau Manis di Lot 10 ladang milik Awang Tarsim bin Haji Malok yang berlangsung di Kawasan Kemajuan Pertanian (KKP) Limau Manis.

**Oleh : Khartini Hamir**
**Foto : Mohd Sahrizal Haji Said**

**MUKIM PENGKALAN BATU,** Sabtu, 17 Oktober. - Aktiviti mengatam Padi Laila bersama Ahli-ahli Ladang Majlis Perundingan Kampung (MPK) Limau Manis diadakan di Lot 10 ladang milik Awang Tarsim bin Haji Malok yang berlangsung di Kawasan Kemajuan Pertanian (KKP) Limau Manis.

Menteri Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Utama Dato Seri Setia Awang Haji Yahya bin Begawan Mudim Dato Paduka Haji Bakar selaku tetamu kehormat menyertai aktiviti tersebut.

Ladang Padi KKP Limau Manis telah diusahakan oleh 21 orang pengusaha padi MPK Limau Manis, Mukim Pengkalan Batu yang berkeluasan 50 hektar.

Pengusaha kawasan itu telah menanam sebanyak empat musim sejak musim utama 2013 / 2014 yang bertahap komersial dan mampu meningkatkan sumber perekonomian ahli-ahli MPK Limau Manis dan padi yang dikatam ini ialah padi luar musim penanaman 2015.




MENTERI Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Utama Dato Seri Setia Awang Haji Yahya semasa mengendalikan mesin mengatam padi.



MENTERI Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama meninjau lebih dekat hasil padi yang telah dituai.

Peladang di kawasan berkenaan begitu aktif dan komited serta mampu mengeluarkan hasil padi yang sangat baik, yang mana mereka telah pun diberikan kursus asas pengurusan penanaman padi yang sempurna melalui Sekolah Perladangan Padi (Rice Farmers Field School - RFFS) yang dianjurkan oleh pihak Jabatan Pertanian dan Agrimakanan.

Dengan mengaplikasikan ilmu pengetahuan dan pengalaman yang diperolehi daripada kursus tersebut, pengusaha MPK Limau Manis telah berjaya menghasilkan padi pada musim 2013 / 2014 yang berjumlah 143mt, yang mana hasil per hektar adalah sangat menggalakkan kira-kira 3mt sehektar.

Kerja-kerja pengurusan ladang di kawasan ini adalah menggunakan kaedah moden, iaitu dengan menggunakan mekanisasi bermula dari peringkat penyediaan kawasan, penanaman hinggalah ke peringkat penuaian hasil.

Selain itu, Jabatan Pertanian dan Agrimakanan juga telah meningkatkan sistem pengairan dengan membina saliran konkrit bagi meningkatkan lagi kapasiti dan efisiensi sistem saliran bagi menampung keperluan tanaman padi di kawasan berkenaan.

Jabatan Pertanian dan Agrimakanan secara berterusan membuat pemantauan ke atas kegiatan-kegiatan ladang padi di seluruh negara ini termasuklah di KKP Limau Manis.

Para peladang padi telah menikmati berbagai-bagai insentif daripada Jabatan Pertanian dan Agrimakanan demi untuk menggalakkan dan meningkatkan pengeluaran serta kualiti padi di negara ini.

Ini termasuklah mengikuti latihan serta program pembangunan kapasiti yang dijalankan, skim pembelian semula padi, di samping penyediaan kemudahan asas infrastruktur, perkhidmatan khidmat nasihat, penjualan bahan input, benih tanaman, peralatan dan jentera ladang pada kadar harga bantuan kepada para peladang yang berdaftar dan mengikuti syarat-syarat yang telah ditetapkan oleh pihak Jabatan Pertanian dan Agrimakanan.

Atas sebab inilah, Jabatan Pertanian dan Agrimakanan sangat berharap agar setiap pengusaha padi akan memanfaatkan segala bantuan dan insentif yang disediakan oleh Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia bagi mendukung usaha jaminan sekuriti makanan negara.



PENGUSAHA kawasan tersebut telah menanam sebanyak empat musim sejak Musim Utama 2013 / 2014 yang bertahap komersial dan mampu meningkatkan sumber perekonomian Ahli-ahli MPK Limau Manis dan padi yang dikatam ini ialah padi luar musim penanaman 2015.

## Bilangan pencari kerja Ogos 2015 menurun

**BANDAR SERI BEGAWAN,** Sabtu, 17 Oktober. - Jabatan Perancangan dan Kemajuan Ekonomi (JPKE) menyediakan Laporan Bulanan Perangkaan Pencari Kerja Tempatan yang bertujuan untuk memberikan anggaran terkini bilangan peserta profil mengenai penduduk tempatan (rakyat Brunei dan penduduk tetap) yang berumur di antara 18 hingga 59 tahun yang menganggur.

Pencari kerja yang menganggur adalah merujuk kepada mereka y ang tidak mempunyai pekerjaan dan sedang aktif mencari pekerjaan.

Manakala pencari kerja yang sedang bekerja tetapi aktif mencari pekerjaan lain dan mereka yang masih menuntut tidak diistilahkan sebagai menganggur.

Sehingga penghujung bulan Ogos 2015, bilangan pencari kerja yang menganggur dalam kalangan penduduk tempatan (rakyat Brunei dan penduduk tetap) yang berumur 18 hingga 59 tahun telah menurun dari 14,257 orang pada bulan Julai 2015 kepada 12,524 orang pada bulan Ogos 2015.

Daripada jumlah tersebut seramai 8,253 orang (66 peratus) tinggal di Daerah Brunei dan Muara; 7,015 orang (56 peratus) adalah terdiri daripada perempuan; 6,661 orang (53 peratus) berumur di antara 20 hingga 29 tahun dan 8,064 orang (64 peratus) mempunyai taraf pendidikan tertinggi di peringkat menengah.

Perubahan ini adalah disebabkan oleh tambahan seramai 216 orang yang baru mendaftar sebagai pencari kerja. Pengurangan seramai 1,949 orang adalah terdiri daripada 484 orang yang sudah mendapat pekerjaan, 183 orang yang melanjutkan pengajian dan 1,282 orang tidak lagi berminat mencari pekerjaan dan sebagainya.

Sebarang pertanyaan mengenai Perangkaan Pencari Kerja Tempatan ini boleh dirujuk ke JPKE dengan menghubungi talian : 2230250 atau 2233344 (waktu bekerja) atau melayari laman sesawang : *www.depd.gov.bn* atau e-mel : *info.statistics@jpke.gov.bn*.

# TASKA YSHHB sambut awal tahun Hijrah



CUCUNDA-CUCUNDA Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Yang Amat Mulia Pengiran Anak Raqeeqah Raayatul Bolqiah binti Pengiran Maharaja Setia Laila Diraja Sahibul Irshad Pengiran Anak Haji Abdul Rahim, Yang Amat Mulia Pengiran Anak Raihaanah Hanaa-Ul Bolqiah binti Pengiran Anak Khairul Khalil dan cucunda Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Digadong Sahibul Mal Pengiran Muda Haji Jefri Bolkiah, Yang Mulia Pengiran Anak Adriana Haziqah Jaida Bulqiah binti Pengiran Anak Haji Abdul Ali Yil Kabier antara kerabat diraja yang berangkat pada Majlis Sambutan Awal Tahun Hijrah 1437 Taman Asuhan Kanak-Kanak Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah (TASKA YSHHB).

**Oleh : Dk. Siti Redzaimi Pg. Haji Ahmad**
**Foto : Ampuan Haji Mahmud Ampuan Haji Tengah**

**BANDAR SERI BEGAWAN,** Sabtu, 17 Oktober. - Penghijrahan Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam dari Mekah ke Madinah adalah antara isi ceramah yang disampaikan pada Majlis Sambutan Awal Tahun Hijrah Taman Asuhan Kanak-Kanak Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah (TASKA YSHHB).

Berangkat ke majlis sambutan tersebut ialah cucunda-cucunda Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam iaitu Yang Amat Mulia Pengiran Anak Raqeeqah Raayatul Bolqiah binti Pengiran Maharaja Setia Laila Diraja Sahibul Irshad Pengiran Anak Haji Abdul Rahim, Yang Amat Mulia Pengiran Anak Raihaanah Hanaa-Ul Bolqiah binti Pengiran Anak Khairul Khalil dan cucunda Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Digadong Sahibul Mal Pengiran Muda Haji Jefri Bolkiah, Yang Mulia Pengiran Anak Adriana Haziqah Jaida Bulqiah binti Pengiran Anak Haji Abdul Ali Yil Kabier.

Ceramah disampaikan oleh Guru Agama TASKA YSHHB, Dayang Nurashimah binti Haji Mohd. Yassin.

Aktiviti taman asuhan berkenaan antara lain bertujuan memperkenalkan sambutan hari-hari kebesaran Islam di negara ini.



GURU Agama TASKA YSHHB, Dayang Nurashimah binti Haji Mohd. Yassin ketika menyampaikan ceramah pada Majlis Awal Tahun Hijrah 1437.



KANAK-KANAK dari TASKA YSHHB sama-sama membaca Surah Al Faatihah sebagai memulakan majlis.

# Ceramah khas semarak Sambutan Awal Tahun Hijrah



ISTERI Timbalan Menteri Hal Ehwal Ugama, Datin Hajah Jamiah binti Haji Abd. Manap (enam dari kanan), selaku tetamu kehormat pada Majlis Sambutan Awal Tahun Baharu 1437 Hijrah yang berlangsung di Masjid Sultan Sharif Ali, Sengkurong.

**Oleh : Haniza Abdul Latif**
**Foto : Mohd. Zul-Izzi Haji Duraman**

**SENGKURONG,** Sabtu, 17 Oktober. - Bagi menyemarakkan lagi Sambutan Awal Tahun Baharu 1437 Hijrah, Bahagian Hal Ehwal Muslimah, Jabatan Hal Ehwal Masjid (JHEM) mengadakan Majlis Sambutan Awal Tahun Hijrah yang berlangsung di Masjid Sultan Sharif Ali, Sengkurong.

Hadir selaku tetamu kehormat pada majlis tersebut ialah isteri Timbalan Menteri Hal Ehwal Ugama, Datin Hajah Jamiah binti Haji Abd. Manap.

Majlis tersebut dimulakan dengan bacaan Surah Al Faatihah yang dibacakan oleh Tenaga Pembimbing Kelas Muslimah, Masjid Sultan Sharif Ali, Dayang Hajah Khidah binti Haji Salat.

Dalam ucapan alu-aluan Ketua Bahagian Hal Ehwal Muslimah, Pengiran Alizah binti Pengiran Haji Mohammad Tahir antara lain berkata, majlis tersebut adalah salah satu aktiviti keugamaan yang dikendalikan oleh Bahagian Hal Ehwal Muslimah yang diungkayahkan dengan kerjasama Jemaah Muslimah Masjid Sultan Sharif Ali, Sengkurong.

Tambahnya, ia juga bertujuan agar mereka dapat bersama-sama berpartisipasi dalam mengembangkan syiar Islam, di samping itu dapat lagi mengukuhkan hubungan silaturahim dan persaudaraan yang sudah terjalin dalam kalangan Muslimah masjid.

Majlis turut diserikan dengan Ceramah Khas yang disampaikan oleh Pegawai Hal Ehwal Masjid, JHEM, Awang Haji Suhaimi bin Haji Mohd. Noor dan diikuti dengan persembahan tausyeh oleh Kelas Bimbingan Muslimah, Masjid Sultan Sharif Ali, Sengkurong.

Tema Sambutan Awal Tahun Hijrah Peringkat Negara bagi Tahun 1437H ialah 'Berhijrah Untuk Membangun', iaitu bagi menghargai pengorbanan Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam di dalam menegakkan kalimah Allah, menyebarkan agama Islam, mempertahankan akidah umat Islam dan menyerapkan akhlak Islam akan dapat diteruskan sehingga ke hari ini.



CERAMAH Khas disampaikan oleh Pegawai Hal Ehwal Masjid, Jabatan Hal Ehwal Masjid, Awang Haji Suhaimi bin Haji Mohd. Noor.

# Buku teks mahal setimpal kualiti, spesifikasi

Oleh : Khartini Hamir
Foto : Mohd Sahrizal Haji Said

**BERAKAS,** Sabtu, 17 Oktober. - Jabatan Perkembangan Kurikulum memang tidak menafikan bahawa harga buku-buku teks yang telah dihasilkan adalah mahal setimpal dengan kualiti dan spesifikasi buku tersebut.

Menurut Pengarah Perkembangan Kurikulum, Awang Haji Abdul Rahman bin Haji Nawi, Kementerian Pendidikan melalui jabatan berkenaan telah melantik 10 orang pegawai yang diamanahkan untuk membuat kawalan harga bagi buku-buku terbitan usaha sama dan buku-buku di bawah kawalan jabatan, pemantau dan harga pasaran di kedai-kedai buku juga telah dilaksanakan dari semasa ke semasa.

Beliau menjelaskan perkara itu semasa mempengerusikan sesi muzakarah bersama pengurus-pengurus, pembekal, penjual dan guru-guru pengawas buku-buku teks sekolah menengah / maktab dan sekolah rendah kerajaan bertempat di Dewan Utama, Bangunan Baharu Kementerian Pendidikan.

Terdahulu beliau berkata, Kementerian Pendidikan telah bekerjasama dengan beberapa buah jabatan dan institusi lain seperti dari Jabatan Sekolah-Sekolah, Bahagian Sekolah-Sekolah Kerajaan dan Bukan Kerajaan, Jabatan Pengajian Islam, Majlis Tertinggi Melayu Islam Beraja, Universiti Brunei Darussalam, Jabatan Biro Mencegah Rasuah, Dewan Bahasa dan Pustaka, Pejabat Peguam Negara, Pusat Sejarah dan sebagainya terutama dalam tugas-tugas penilaian kandungan buku.

Bagi melancarkan lagi pengurusan pembekalan, penjualan dan pembelian buku-buku teks dan buku-buku aktiviti, pihak jabatan telah pun menyusun beberapa rancangan kerja tahunan dengan terperinci bagi menangani pembekalan dan pemasaran buku-buku tersebut.

Di samping pihak jabatan juga tambahnya, telah membuat perundingan dengan penerbit-penerbit luar negara dan berusaha bagi memastikan bekalan dan penghantaran buku-buku berkenaan adalah mencukupi untuk keperluan pelajar, guru, ibu bapa atau penjaga di negara ini.

Manakala pihak penerbit luar negara dan pengedar tempatan katanya, telah memberi jaminan bahawa buku-buku berkenaan akan berada di pasaran selewat-lewatnya pada minggu kedua bulan Disember 2015 untuk kegunaan pelajar tahun 2016.

Pada sesi muzakarah itu taklimat mengenai status buku-buku yang diguna pakai pada tahun 2016 telah disampaikan oleh Pegawai Penyelaras Kanan, Unit Penerbitan, Kementerian Pendidikan, Dayang Hajah Norsah binti Haji Musa.

Tujuan muzakarah itu adalah untuk memberikan maklumat mengenai status buku-buku yang akan dibekalkan pada tahun 2016, di samping memberi saranan kepada para guru pengawas buku teks dan juga *vendors* agar sentiasa bekerjasama dalam membantu menangani masalah yang berkaitan dengan bahan-bahan terbitan Jabatan Perkembangan Kurikulum.

Selain itu ia juga diharap akan dapat memberi maklumat jelas tentang peranan *vendors* sebagai pengurus, pembekal, penjual dan guru-guru pengawas buku-buku teks, aktiviti asas dan buku-buku tambahan.

Seramai 160 guru pengawas buku-buku teks sekolah menengah / maktab dan rendah kerajaan serta 25 orang *vendors* telah menghadiri majlis muzakarah tersebut.

Turut hadir pada majlis tersebut ialah Pengarah Dewan Bahasa dan Pustaka, Pegawai Jabatan Pengajian Islam, Pengarah Jabatan Sekolah-Sekolah, Pegawai Tugas-tugas Khas / Ketua Pendidikan Swasta, Pegawai Bahagian Pendidikan Pencegahan Rasuah, dan Ketua-ketua Kluster, Jabatan Sekolah-Sekolah.



**PENGARAH Perkembangan Kurikulum, Awang Haji Abdul Rahman bin Haji Nawi berucap pada sesi muzakarah bersama pengurus-pengurus, pembekal, penjual dan guru-guru pengawas buku-buku teks sekolah menengah / maktab dan sekolah rendah kerajaan bertempat di Dewan Utama, Bangunan Baharu Kementerian Pendidikan.**



**TAKLIMAT mengenai status buku-buku yang diguna pakai pada tahun 2016 telah disampaikan oleh Pegawai Penyelaras Kanan, Unit Penerbitan, Kementerian Pendidikan, Dayang Hajah Norsah binti Haji Musa.**





**ANTARA yang hadir pada sesi muzakarah di antara Jabatan Perkembangan Kurikulum bersama pengurus-pengurus, pembekal, penjual dan guru-guru pengawas buku-buku teks sekolah menengah / maktab dan sekolah rendah kerajaan bertempat di Dewan Utama, Bangunan Baharu Kementerian Pendidikan.**

# 140 pelajar terima sijil tamat program latihan

Oleh : Mariani Haji Abd Ghani
Foto : Dk. Nur Hafilah Pg. Osman

**TUNGKU LINK,** Sabtu, 17 Oktober. - Lebih 140 pelajar dari Tahun 3 dan Tahun 4 dari Fakulti Kejuruteraan, Institut Teknologi Brunei (ITB) School of Business dan School of Computing & Informatics yang mengikuti Program Latihan AMEC Foster Wheeler menerima sijil mereka selepas menamatkan program di Dewan Kuliah 2 Fasa 3, ITB, di sini.

Hadir selaku tetamu kehormat dan seterusnya menyampaikan sijil-sijil kepada para pelajar ialah Naib Canselor ITB, Profesor Madya Dr. Hajah Zohrah binti Haji Sulaiman.

Dalam ucapan penutup Pensyarah Fakulti Kejuruteraan ITB, Dr. Haji Faqir Gul menyatakan, program tersebut menyediakan pelajar dengan contoh-contoh kehidupan sebenar dan aplikasi teori yang mereka belajar di dalam kelas.

Terangnya, ia juga membolehkan para pelajar belajar mengenai amalan industri kontemporari dan membimbing mereka pada pilihan kerjaya dan peluang yang ada untuk mereka dalam industri minyak dan gas ini.

Program Latihan AMEC Foster Wheeler ITB ini dikendalikan oleh pakar dalam industri dan memfokuskan kepada industri minyak dan gas.

Pogram ini mempunyai enam modul khas yang dijalankan dalam dua blok, iaitu 'Engineering', 'Project Finance', 'Procurement & Contracting', 'Project Control', 'Quality Assurance & Control' dan 'Project Management'.

Selain itu, program latihan ini juga memfokuskan kepada salah satu kerjasama aktiviti dalam Memorandum Persefahaman yang ditandatangani antara ITB dan Foster Wheeler pada November 2013 dengan matlamat yang lebih luas untuk menyokong pembangunan bakat tempatan dalam Industri Minyak dan Gas dan juga menarik serta melengkapkan graduan peluang pekerjaan dalam industri.

ITB telah mewujudkan hubungan rapat dengan industri tempatan dan pihak-pihak berkepentingan antarabangsa, di samping mengukuhkan hubungan yang berterusan serta memastikan program sentiasa relevan dengan keperluan semasa dan masa depan industri.

Turut hadir ialah Pengarah Perhubungan Awam dan Pengurus Pembangunan Perniagaan, AMEC Foster Wheeler Asia Pacific, Mr. Ravish Maqsood; pegawai-pegawai kanan dan pensyarah-pensyarah ITB, fasilitator program latihan dan peserta-peserta.



**NAIB Canselor Institut Teknologi Brunei (ITB), Professor Madya Dr. Hajah Zohrah binti Haji Sulaiman semasa hadir selaku tetamu kehormat pada penutup Program Latihan AMEC Foster Wheeler .**







**NAIB Canselor ITB, Professor Madya Dr. Hajah Zohrah menyampaikan sijil kepada para peserta Program Latihan AMEC Foster Wheeler (kiri, tengah dan kanan).**

# BKN giat usaha tangani penyalahgunaan dadah

Oleh : Nooratini Haji Abas
Foto : Ampuan Haji Mahmud Ampuan Haji Tengah



TIMBALAN Setiausaha Tetap Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri (KHEDN), Awang Haji Idris bin Haji Mohd. Ali semasa menyaksikan pameran sejurus selepas perasmian (atas dan bawah).




TIMBALAN Setiausaha Tetap KHEDN, Awang Haji Idris bin Haji Mohd.Ali ketika merasmikan buku pada Majlis Sambutan sempena Memperingati Hari Antarabangsa Menentang Penyalahgunaan dan Pengedaran Dadah Haram 2015, bertempat di Kawasan Atrium, Airport Mall, Berakas.



**BANDAR SERI BEGAWAN,** Sabtu, 17 Oktober. - Bagi memberikan kesedaran kepada masyarakat tentang kesan-kesan dan bahaya dadah, Biro Kawalan Narkotik (BKN) mengadakan Majlis Sambutan sempena Memperingati Hari Antarabangsa Menentang Penyalahgunaan dan Pengedaran Dadah Haram 2015 bertempat di Atrium Airport Mall, Berakas, di sini.

Hadir selaku tetamu kehormat ialah Timbalan Setiausaha Tetap Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri, Awang Haji Idris bin Haji Mohd. Ali hadir yang kemudiannya merasmikan tiga buah buku, iaitu Panduan Perkhidmatan Rawatan dan Pemulihan, Panduan dan Etika Rakan Harmoni BKN 2015 serta Amalan Nilai Murni di Kalangan Kaunselor BKN.

Pengarah BKN, Awang Haji Jasmin bin Haji Jamudin dalam ucapannya pada majlis tersebut antara lain menyatakan, BKN melalui Pusat Al-Islah dan Cawangan Pengawasan telah menambah baik program-program yang berorientasikan perubahan, ke arah mencapai kehidupan yang lebih positif.

Menurutnya, BKN dari semasa ke semasa mempelajari dan mengamal kaedah-kaedah terbaik yang berasaskan bukti, iaitu e*videnced-based practices*.

Pada tahun ini, sambutan bertemakan 'Journey to Recovery' atau 'Perjalanan Menuju Kepulihan' yang mana ia menumpukan kepada perkhidmatan rawatan dan pemulihan yang diberikan oleh BKN kepada pengguna dadah.

Objektifnya pula adalah untuk memberikan pengetahuan kepada masyarakat tentang fungsi dan peranan Pusat Al-Islah dan Cawangan Pengawasan, BKN di dalam menangani masalah penyalahgunaan dadah di Negara Brunei Darussalam.

Ia juga adalah untuk memberikan pendidikan kepada masyarakat tentang profil, sub-budaya serta cara-cara mengenal pasti seorang pengguna dadah, di samping mengurangkan stigma, stereotaip untuk mengubah persepsi masyarakat terhadap bekas pengguna dadah.

Pada majlis tersebut, turut dimuatkan dengan pameran-pameran yang berkaitan dengan Pusat Al-Islah dan Cawangan Pengawasan BKN.

Para pengunjung berpeluang untuk bertanya terus kepada pegawai-pegawai dan kakitangan BKN yang memberikan khidmat di Pusat Al-Islah dan Cawangan Pengawasan, selain para pengunjung berpeluang untuk menjawab soalan kuiz.

Pondok konsultasi juga disediakan bagi kemudahan orang ramai yang berhajat untuk mengetahui lebih lanjut mengenai perkhidmatan yang disediakan.

## Komited banteras, basmi penyalahgunaan dadah

**BANDAR SERI BEGAWAN,** Sabtu, 17 Oktober. - Gejala penyalahgunaan dan pengedaran dadah haram merupakan salah satu ancaman yang boleh menggugat kehidupan, keharmonian dan keamanan sesebuah keluarga, masyarakat dan negara.

Penyalahgunaan dadah juga sudah pastinya akan membawa kemudaratan dan kerosakan kepada kesihatan mental dan fizikal diri seseorang.

Pengarah Biro Kawalan Narkotik (BKN), Awang Haji Jasmin bin Haji Jamudin menekankan demikian pada Majlis Sambutan sempena Memperingati Hari Antarabangsa Menentang Penyalahgunaan dan Pengedaran Dadah Haram 2015 di Atrium Airport Mall, Berakas.

Katanya, BKN selaku agensi utama penguat kuasa undang-undang dadah mempunyai tanggungjawab yang berat dalam menangani isu penyalahgunaan dadah di Negara Brunei Darussalam.

Usaha pembanterasan dan pembasmian dadah tegasnya, memerlukan komitmen, kesungguhan dan penyertaan sepenuhnya oleh semua sektor masyarakat di negara ini.

Maka beliau menyeru penglibatan agensi-agensi kerajaan yang lain, agensi bukan kerajaan, badan-badan sukarela, pertubuhan-pertubuhan, institusi keluarga dan orang ramai untuk bekerjasama ke arah pembanterasan segala bentuk kegiatan penyalahgunaan dadah.

Ini, jelasnya, adalah selaras dengan titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam sempena Sambutan Hari Ulang Tahun Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam Ke-31, yang mana dalam petikan titah baginda :

"Salah satu anasir yang boleh menggugat keamanan dan keselamatan ialah penyalahgunaan dadah. Dalam konteks ini, agensi-agensi kerajaan, orang ramai, ibu bapa, pihak sekolah, organisasi bukan kerajaan dan pemimpin akar umbi hendaklah bersatu tujuan memupuk kesedaran dan menggandakan lagi usaha memerangi penyalahgunaan dadah ini."

Oleh yang demikian, BKN telah menggunakan pendekatan melalui pengurangan bekalan dan permintaan dadah (*drug supply reduction and demand reduction*) agar ia dapat membantu BKN dalam menangani isu dadah di negara ini.

Tambahnya, BKN juga menguatkuasakan peraturan-peraturan dan Akta Penyalahgunaan Dadah, di samping meningkatkan keupayaan kawalan pos-pos di kawalan dan teknik pengesanan dadah.

"Sehingga bulan September 2015, seramai 184 orang residen sedang menjalani rawatan dan pemulihan di Pusat Al-Islah yang terdiri dari 165 orang lelaki dan 19 perempuan. Daripada jumlah tersebut, seramai 39 orang residen adalah kemasukan atas perintah mahkamah, 97 orang melalui perintah Menteri dan 48 orang adalah kemasukan secara sukarela," terangnya.



**PENGARAH Biro Kawalan Narkotik, Awang Haji Jasmin bin Haji Jamudin ketika memberi ucapan alu-aluan pada majlis perasmian tersebut.**

Beliau seterusnya menyatakan seramai 82 orang residen telah berjaya menjalani rawatan dan pemulihan pada tahun ini sehingga bulan September.

Menurutnya, statistik juga menunjukkan penurunan dalam kes-kes kemasukan berulang dalam kalangan residen Pusat Al-Islah, yang mana pada tahun 2013, 2014 dan sehingga September 2015 purata hanya 10 peratus sahaja.

Justeru itu, beliau menyarankan agar semua lapisan masyarakat akan sentiasa berperanan dan memberikan komitmen secara berterusan dalam usaha menangani isu-isu penyalahgunaan dadah di negara ini.







ANTARA pameran-pameran berkaitan dengan Pusat Al-Islah dan Cawangan Pengawasan Biro Kawalan Narkotik yang dipamerkan pada Majlis Sambutan sempena Memperingati Hari Antarabangsa Menentang Penyalahgunaan dan Pengedaran Dadah Haram 2015 bertempat di Atrium Airport Mall, Berakas (kiri, tengah dan kanan).

**BERIKUT adalah esei-esei yang telah menyertai pertandingan Peraduan Menulis Artikel 2013 anjuran Cawangan Pendidikan Pencegahan Dadah Biro Kawalan Narkotik. Esei ini dibahagikan kepada dua kategori, iaitu Kategori Awam dan Penuntut.**

# Cara menangani masalah penagih dadah




Oleh :
Awang Chong Yung Tuck
(Kategori Awam)

**DADAH** ialah bahan yang digunakan untuk tujuan-tujuan tertentu dalam bidang perubatan. Walau bagaimanapun, terdapat segelintir orang yang sering menyalahgunakan bahan dadah ini. Daripada paparan di media massa, jelas menunjukkan bahawa masalah penagihan dadah terus meningkat setiap tahun. Isu ini tidak dipandang ringan oleh masyarakat kerana kesan-kesan dadah boleh menghancurkan sesebuah negara.

Sikap individu merupakan penyebab kepada penagih dadah. Terdapat individu yang mempunyai perasaan yang ingin tahu lalu mencubanya. Walau bagaimanapun, sikap ini membawa kesan kerana individu akan menjadi ketagih dan tidak dapat berhenti daripada menagih dadah. Dalam sesetengah kes, jika seseorang penagih itu tidak menagih dadah, dalam jangka masa tertentu, individu tersebut akan berasa tidak tenteram dan sentiasa gelisah.

Sikap ibu bapa menjadi penyebab kepada aktiviti penagih dadah. Terdapat ibu bapa yang tidak memberikan kasih sayang dan pendidikan agama yang secukupnya kepada anak-anak. Terdapat juga ibu bapa yang terlalu mementingkan kerjaya sehingga mengabaikan tanggungjawab terhadap anak-anak. Keadaaan ini menyebabkan anak-anak berasa sunyi tinggal di rumah. Oleh itu, mereka cuba mencari ketenangan dan keseronokan di pusat-pusat hiburan dan akhirnya terjebak dalam kancah dadah.

Antara langkah-langkah yang boleh mengatasi masalah ini adalah peranan ibu bapa. Hal ini kerana ibu bapa boleh menasihati anak-anak mereka agar menjauhi najis dadah. Ibu bapa juga boleh menjelaskan kepada anak-anak tentang keburukan penyakit berbahaya yang bakal dibawa, seperti AIDS. Selain itu, ibu bapa juga mestilah memantau pergerakan dan pergaulan anak-anak mereka pada setiap masa.

Pihak kerajaan juga boleh memainkan peranan untuk mengatasi masalah penagihan. Hal ini kerana pihak kerajaan mempunyai kuasa untuk menggubal undang-undang bagi membendung gejala penagihan dadah. Pihak kerajaan juga mempunyai sumber kewangan bagi melaksanakan pelbagai program kesedaran tentang penyalahgunaan dadah. Program-program kesedaran ini boleh dilaksanakan melalui media massa seperti stesen televisyen dan radio yang dimiliki oleh pihak kerajaan.

Masalah penagihan dadah ini mesti diatasi sebelum menjadi parah. Semua pihak mesti berganding bahu dalam menangani masalah penagihan dadah ini. Dengan terdapatnya kerjasama daripada semua pihak, sudah pasti masalah penagihan dadah akan dapat diatasi.






# Dadah musuh negara

Oleh :
Hiew Yin Zken (Kategori Awam)

**DADAH** adalah sesuatu barang yang sangat dibenci orang ramai tetapi masih ada orang yang suka iaitu penagih dadah. Dadah adalah sejenis bahan rangsangan yang boleh mendatangkan kemudaratan serta bahaya kepada kesihatan seorang dari segi mental, fizikal dan emosi serta tingkah lakunya apabila disalahgunakan. Ada pelbagai dadah seperti Ecstacy, Syabu, Candu, Morfin, Heroin, Ganja, Kokain dan sebagainya. Jumlah penagihan dadah didapati semakin bertambah dari setahun ke setahun. Banyak keburukan akan meningkat jika masalah penyalahgunaan dadah ini terus menjadi-jadi di negara kita. Perbuatan penagihan dadah boleh membawa bahaya kepada individu, keluarga, masyarakat dan negara.

Dadah akan mendatangkan banyak kesan khayal dan boleh merosakkan sistem saraf iaitu otak. Penagih akan menjauhkan diri daripada masyarakat umum dan hanya bergaul dengan kumpulan penagih-penagih dadah, penipu dan lain-lainnya. Mereka tidak akan bertanggungjawab kepada kerjanya, ini menyebabkan prestasi kerja mereka lemah. Penagih akan menjadi kurus, lemah tenaga, malas dan kelihatan berada dalam khayalan. Perasaan mereka mudah menjadi ganas, mereka juga mudah mendapat penyakit AIDS kerana berkongsi jarum suntikan dikalangan penagih. Mereka mudah dijangkiti penyakit kerana badan mereka akan menjadi lemah.

Sesiapa yang menagih dadah akan menyusahkan keluarga mereka. Jika mereka tidak bekerja, mereka akan meminta wang daripada ibu bapa atau ahli keluarga untuk membeli dadah. Jika mereka tidak diberi wang, penagih pun akan mengamuk. Kadang-kadang mereka juga akan menjual barang-barang yang berharga kepunyaan ahli keluarga. Ada penagih yang sanggup mencederakan ahli keluarga jika tidak diberi wang. Keharmonian keluarga pun akan terganggu kerana keadaan ini akan menyebabkan sesebuah keluarga porak-peranda.

Penagih dadah akan ketagih dan terus bergantung hidup kepada dadah. Jika keinginan mereka untuk menghisap dadah tidak dapat dipenuhi, mereka akan mengalami gangguan jiwa yang hebat. Oleh sebab itu, mereka tidak dapat mengawal perasaan dan tingkah laku mereka dan akan melakukan jenayah seperti mencuri, merompak dan membunuh hanya untuk dapatkan dadah. Keadaan yang begitu buruk ini akan menggangu ketenteraman hidup bermasyarakat.

Pihak kerajaan harus menyelasaikan masalah dan terpaksa membelanjakan berjuta-juta ringgit bagi memulihkan penagih dadah. Pihak kerajaan juga terpaksa menangkap para pengedar-pengedar yang berani melanggar undang-undang negara. Penagih dadah akan merosakkan imej negara serta menyebabkan pelancong asing berasa serik untuk datang ke negara kita sekiranya masalah penyalahgunaan dadah makin bertambah.

Dadah adalah musuh negara dan dapat juga memusnahkan sesebuah negara. Semua pihak haruslah bekerjasama untuk menyelesaikan masalah penyalahgunaan dadah. Undang-undang perlu diketatkan oleh pihak kerajaan agar dapat menakutkan penagih dadah dan pengedar dadah berani melakukan perbuatan yang salah.

# Jangan sesekali mencuba dadah

Oleh :
Dayang Alysha Lo Sing Yee (Kategori Penuntut)

**DADAH** merupakan satu istilah kata yang merujuk kepada sejenis bahan yang mendatangkan kemudaratan kepada kesihatan seseorang baik dari segi fizikal, mental dan emosi serta tingkah laku pengguna apabila digunakan. Dadah ini boleh terbahagi kepada dua kategori iaitu dadah baik dan dadah jahat.

Maksud dadah baik ialah dadah yang sering digunakan oleh doktor-doktor di Negara Brunei Darussalam ataupun di negara lain untuk merawat pesakit iaitu ubat-ubatan. Sebagai contoh, antibiotik digunakan untuk membantu mengurangkan kesakitan yang dialami. Akan tetapi jika dadah ini disalah guna, ia akan membawa padah kepada si pengguna.

Dadah jahat pula ialah dadah yang dilarang pengambilannya kerana dadah tersebut boleh mengakibatkan ketagihan dan masalah-masalah kesihatan dan sebagainya. Sebagai contoh, apabila seseorang itu mengambil Kokain secara berlebihan dia akan mendapat gangguan mental.

Pada masa kini, ada segelintir remaja yang mulai berjinak-jinak dengan dadah seperti rokok. Walaupun perbuatan ini membahayakan kesihatan, namun masih ramai yang terus merokok. Merokok boleh menyebabkan seseorang itu ketagihan sama seperti dadah. Keadaan ini mungkin mengejutkan kerana kita mempercayai bahawa tembakau tidak mengandungi *dadah*. Kenyataan ini tidak benar. Walaupun di sisi undang-undang tembakau dalam rokok bebas digunakan, namun kita tidak dapat lari daripada hakikat yang sebenarnya. Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) telah mengenal pasti bahawa dadah nikotin merupakan bahan utama dalam tembakau yang boleh menyebabkan ketagihan. Daun tembakau mengandungi satu hingga tiga peratus nikotin. Menteri Kesihatan pernah menyatakan bahawa tabiat merokok adalah satu punca yang menyebabkan penagihan dadah.

Sekarang ini sesiapa yang terlibat dalam penjualan atau membeli dadah yang dilarang dia akan didenda atau dipenjarakan ataupun kedua-duanya sekali. Ingatlah jangan sekali-kali mencuba untuk mengambil dadah, ingatlah pada orang yang awda sayangi dan katakan 'NDA' kepada dadah.

# Kesan menggunakan dadah

Oleh :
Dayang Natasha Ng Jhiahui (Kategori Penuntut)

**SEMUA** orang tahu bahawa dadah boleh mendatangkan banyak keburukan kepada kita. Tetapi masalah penyalahgunaan dadah masih bertambah setiap tahun. Pada Abad Ke-21 ini, kita sentiasa boleh melihat di surat khabar ataupun di televisyen tentang kes-kes orang ditangkap kerana menggunakan dadah. Perbuatan penyalahgunaan dadah boleh membawa keburukan kepada diri sendiri, keluarga, masyarakat dan negara.

Dadah boleh mendatangkan banyak keburukan kepada diri sendiri. Terutamanya, penagih dadah akan dijangkiti pelbagai jenis penyakit yang berbahaya seperti AIDS. Dadah akan menyebabkan sistem otak saraf akan menjadi lemah. Seseorang penagih dadah akan berperasaan geram, kelihatan kurus, lemah dan malas.

Individu yang menagih dadah juga akan membawa banyak keburukan kepada keluarga. Penagih dadah yang tidak mempunyai pekerjaan, biasanya akan meminta wang daripada keluarga mereka untuk membeli dadah. Terdapat beberapa orang penagih dadah yang akan mencederakan ahli keluarganya untuk mendapatkan wang. Terdapat juga beberapa kes tentang penagih dadah yang membunuh ahli keluarga mereka hanya untuk mendapatkan dadah.

Penagih dadah juga boleh membawa banyak masalah kepada masyarakat. Hal ini kerana penagih dadah yang tidak mempunyai pekerjaan akan melakukan berbagai-bagai jenayah untuk mendapatkan wang seperti mencuri. Terdapat kes-kes bahawa penagih dadah yang membunuh orang untuk mendapatkan wang. Keadaan ini pastinya akan mengganggu ketenteraman hidup masyarakat di sebuah negara.

Penagih dadah tidak sahaja membawa masalah kepada keluarga mereka dan masyarakat-masyarakat sebuah negara tetapi juga pihak kerajaan. Pihak kerajaan telah bertungkus lumus untuk mengatasi masalah penyalahgunaan dadah tetapi usaha-usaha mereka sia-sia sahaja. Masih terdapat orang yang tidak mengikuti peraturan. Penagih dadah boleh merosakkan imej sesebuah negara. Kerana ini pelancong asing akan berasa serik untuk datang melawat negara kita. Ekonomi negara turut terjejas.

Kesimpulannya, dadah membawa banyak keburukan kepada diri sendiri, keluarga, masyarakat dan sesebuah negara. Dadah juga merupakan musuh utama sesebuah negara. Jadi marilah kita semua berkata 'Tidak' kepada dadah.

# Guru TASKA YSHHB jalani Kursus Fonik

**Oleh : Nooratini Haji Abas**
**Foto : Pg. Amirulnizam Pg. Haji Mohd. Ali**



KONSULTAN Fonik untuk buku teks English Tahun 1 dan 2, Awang Othman bin Ahmad semasa menyampaikan taklimat Kursus Intensif Fonik Taman Asuhan Kanak-Kanak Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah (TASKA YSHHB) kepada guru-guru serta pembantu-pembantu guru TASKA YSHHB dan guru-guru Sekolah Rendah YSHHB.

**BANDAR SERI BEGAWAN,** Jumaat, 16 Oktober. - Seramai 50 guru serta pembantu-pembantu guru Taman Asuhan Kanak-Kanak Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah (TASKA YSHHB) dan guru-guru dari Sekolah Rendah YSHHB menghadiri Kursus Intensif Fonik di Dewan Kuliah, Sekolah Menengah YSHHB, di sini.

Kursus yang dikendalikan oleh Islamic Management Services Sendirian Berhad itu disampaikan oleh Awang Othman bin Ahmad, iaitu seorang penulis 'Siri Cepat Membaca Bacalah Anakku' dan 'Read Easy Consultant Fonik Text Book Year 1 dan Year 2'.

Ia bertujuan untuk memberi pengetahuan secara teori dan praktikal tentang kaedah mengajar membaca melalui pendekatan fonik gabungan bunyi Bacalah Anakku dan Ready Easy Read Network, Malaysia.

Selain itu, Kursus Intensif Fonik yang dikendalikan selama sehari itu juga merupakan salah satu dari program perkembangan Tenaga Manusia YSHHB bagi meningkatkan kemahiran para guru di sekolah berkenaan.

# Pembelajaran ilmu ikhtiar hidup



AHLI Pengakap Kelana semasa memberikan taklimat kepada ahli-ahli pengakap yang menyertai latihan pembelajaran asas ilmu ikhtiar hidup di Pusat Latihan dan Kegiatan Pengakap Kebangsaan, Jalan Gadong.

**Oleh : Hamdanajib Haji Domeng**
**Foto : PPNBD**

**BANDAR SERI BEGAWAN,** Jumaat, 16 Oktober. - Pembelajaran sesuatu ilmu yang berguna dapat dimanfaatkan semasa menghadapi situasi kecemasan sebagai satu kelebihan di dalam langkah persediaan menghadapi suasana sebenar.

Ilmu ikhtiar hidup merupakan keupayaan atau keadaan sesuatu untuk meneruskan kehidupan yang perlu diketahui oleh setiap individu yang ingin menceburkan diri di dalam kegiatan luar. Pengetahuan dan kemahiran dalam bidang ikhtiar hidup sangat penting kerana kegiatan luar itu sentiasa terdedah kepada pelbagai cabaran dan risiko.

Di dalam konteks kegiatan luar, ikhtiar hidup ialah usaha atau ikhtiar yang harus dilakukan oleh seseorang itu supaya dia terus hidup ketika menghadapi sebarang ancaman.

Situasi ikhtiar hidup boleh berlaku semasa kita mengadakan kegiatan luar iaitu aktiviti berkhemah di dalam hutan sekiranya kehabisan bekalan makanan dan minuman yang dibawa, ancaman binatang, masalah perlindungan dan lain-lain kejadian yang di luar jangkaan kita.

Selain itu, situasi tersebut dapat diatasi dan dicegah daripada berlaku melalui perancangan dan persiapan dengan teliti dan menyeluruh sama ada dari segi ketahanan mental, fizikal, teknikal dan material.

Sehubungan itu, seramai 15 orang ahli Pengakap Kelana dari Pasukan 1033 Pengakap Kelana Terbuka Gadong dari Persekutuan Pengakap Negara Brunei Darussalam (PPNBD) telah mengadakan latihan pembelajaran asas ilmu ikhtiar hidup iaitu memasak cara hutan.

Dalam latihan yang berlangsung di Pusat Latihan dan Kegiatan Pengakap Kebangsaan, Jalan Gadong, seramai 20 orang ahli Pengakap Muda dan Pengakap Remaja daripada Pasukan Pengakap Sekolah Menengah Rimba bersama empat orang Pemimpin Pasukan Pengakap sekolah berkenaan menyertai pembelajaran tersebut.

Ahli-ahli pengakap telah diberikan penerangan dan tunjuk ajar mengenai kaedah dan teknik untuk menyalakan api menggunakan bahan-bahan alami dan memadamkan selepas menggunakannya, memasak nasi menggunakan bekas kotak minuman, membuat roti lilit daripada tepung gandum, memanggang ubi kentang menggunakan aluminium foil dan memanggang ayam secara langsung menggunakan bara dan menggunakan aluminium foil.

Seterusnya mereka membuat masakan tersebut dan memakan hasil masakan yang telah dibuat hasil tangan mereka sendiri.

Melalui pendedahan dan latihan praktikal di dalam ilmu ikhtiar hidup memasak cara hutan tanpa menggunakan sebarang peralatan memasak yang serba moden seperti menggunakan dapur gas, kuali dan minyak yang dilalui oleh ahli-ahli pengakap diharapkan telah dapat memberi pengalaman yang sangat berguna sebagai persediaan ketika mengadakan kegiatan luar.



AHLI Pengakap Kelana menunjukkan cara memasak nasi menggunakan bekas kotak minuman.

# Alvin Hii terima hidayah

**Oleh : Dk. Vivy Malessa Pg. Ibrahim**
**Foto : Haji Masmaleh Haji Mohd. Ali**

**BANDAR SERI BEGAWAN,** Jumaat, 16 Oktober. - Negara Brunei Darussalam telah diisytihar sebagai sebuah Negara Zikir yang menjadikan Islam sebagai agama rasminya dengan berpegang kepada Ahli Sunnah Waljamaah.

Dengan pengislaman seorang lagi saudara baharu akan menambah jumlah umat Islam di negara ini yang sentiasa mengamalkan nilai-nilai akhlak mulia dan meninggikan syiar Islam.

Pada majlis yang berlangsung di kediaman Awang Haji Mohd. Nornisiah bin Abdullah di Rancangan Perumahan Negara Lambak Kanan, Berakas, seorang lelaki berbangsa Cina telah melafazkan ikrar pengislamannya di hadapan Pegawai Unit Pengislaman Pusat Da'wah Islamiah, Daerah Brunei dan Muara (DBM).

Alvin Hii @ Wui Ing, 21, kini dikenali sebagai Awang Dihyah bin Abdullah Al-Hii.

Menurut Awang Dihyah, hasrat untuk memeluk agama Islam ini lahir dari hidayah dan petunjuk Allah Subhanahu Wata'ala.

Beliau merupakan pelajar di salah sebuah kolej swasta di negara ini, Kolej Laksamana dan merupakan anak bongsu dari empat adik-beradik.

Menurutnya, ibu dan kakak serta abang beliau telah lama memeluk Islam dan ini mendorong beliau untuk memilih agama Islam sebagai agama anutannya.

Majlis Pengislaman diserikan dengan bacaan Dikir Marhaban dan menabur bunga rampai kepada saudara baharu yang diraikan.

Mengikut catatan keramaian masuk Islam seluruh negara dari bulan Januari hingga Ogos 2015 mencatatkan seramai 314 orang, manakala menurut catatan keramaian masuk Islam bagi DBM dari bulan Januari hingga September 2015 mencatatkan seramai 174 orang.



ALVIN Hii @ Wui Ing, 21, kini dikenali sebagai Awang Dihyah bin Abdullah Al-Hii melafazkan ikrar pengislamannya di hadapan Pegawai Unit Pengislaman Pusat Da'wah Islamiah, Daerah Brunei dan Muara.

# Awang Zakaria pejuang seni lukis sambil berdakwah

Rencana dan Foto : Ak. Jefferi Pg. Durahman

**KARIER** seni lukis mampu menjadikan seorang insan seni menjadi terkenal di persada antarabangsa, sekali gus mengangkat martabat penggiat seni lukis negara. Bagi seni lukis, kita sedia maklum seni ini boleh membawa perubahan dari segi bagaimana mereka melihat perkara-perkara dalam kehidupan, juga dapat meningkatkan kesabaran dan kemahiran berkomunikasi dengan orang lain sama ada secara langsung atau tidak langsung. Bahkan seni lukis boleh menjadikannya satu karier yang mampu mengangkat martabat mereka menjadi insan yang dikagumi melalui hasil karya seninya.

Bermula sebagai seorang guru Lukisan di Sekolah Menengah Sultan Muhammad Jamalul Alam (SMJA) di ibu negara dan seterusnya bergiat secara aktif sebagai pelukis pada tahun 1984 menjadikan seni lukis sebagai salah satu karier bagi mengisi masa lapang dan secara tidak langsung juga sebagai mata pencariannya.

Awang Zakaria bin Omar, 48, dilahirkan di Daerah Temburong dan kini menetap di Tanah Jambu, Jalan Muara yang menjadikan seni lukis sebagai salah satu hobi kekal dan sepenuh masa beliau bersyukur kerana sokongan padu daripada keluarga dan rakan-rakan seni merealisasikan impiannya untuk bergelar anak seni.

"Saya terlibat dengan bidang seni lukis semenjak di bangku sekolah lagi. Pada masa itu, saya berminat untuk melukis alam semula jadi kerana saya dikelilingi oleh flora dan fauna yang indah. Rumah saya sendiri dikelilingi oleh hutan tebal yang dihuni oleh pelbagai jenis unggas dan burung-burung.

"Sepanjang bergelar anak seni, pelbagai suka dan duka dilalui tetapi itu semua tidak mematahkan semangat saya. Ia adalah lumrah kepada kita, tidak kira dalam apa jua bidang yang diceburi," katanya.

Saat ditanya apakah istimewanya seni lukis atau sesebuah lukisan yang dihasilkan oleh seseorang pelukis tersebut?

Menurut Awang Zakaria sebuah karya seni lukis merupakan suatu gambaran atau ungkapan ekspresi daripada seorang pelukis. Kebanyakan pelukis biasanya akan menemukan kepuasan tersendiri dengan karya yang ia hasilkan.

"Melalui lukisan juga merupakan salah satu cara bagaimana seseorang boleh memberitahu orang lain tentang isi hati atau perasaannya. Jika hasil lukisan itu mendamaikan maka begitulah juga damainya perasaan pelukis itu dan jika ia berkecamuk maka demikianlah juga bergeloranya perasaan pelukisnya dan di mana para seniman dapat secara bebas mengekspresikan diri dalam lukisan sehingga dihasilkan suatu karya yang memiliki nilai estetika yang tinggi," jelasnya.

"Saya amat berharap ibu bapa dan masyarakat di negara ini terus memberi ruang dan dorongan terutama sekali pada belia-belia kita untuk memanfaatkan bakat mereka ke tahap yang lebih tinggi lagi dan memberi manfaat kepada semua orang khususnya dalam bidang seni lukis negara," katanya.

Cerita Awang Zakaria lagi, sepanjang pengalaman lebih 30 tahun melibatkan diri dengan seni lukis, pahit dan manis sememangnya telah banyak dilalui antaranya ada kalanya kekeringan idea dan ini adalah perkara lumrah orang seni seperti yang hadapi dan untuk mengatasinya selalunya ia akan keluar rumah sambil berjalan-jalan untuk mencari idea.

Menyentuh hasilnya pula, Awang Zakaria kebanyakan hasil yang dibuat adalah untuk dijual kerana ini adalah salah satu cara beliau untuk berkongsi keindahan kesenian kepada masyarakat dan hasil karyanya ini pula boleh mereka saksikan melalui pameran-pameran beliau yang beliau sertai dari semasa ke semasa.

Sepanjang menjadi seorang pelukis, jelasnya, beliau juga sering mengikuti peraduan seni lukis dalam dan luar negara dan pencapaian terbesar yang beliau kecapi apabila berjaya sebanyak lima kali juara dalam Peraduan Seni Lukis anjuran Philip Morris and Company yang menawarkan hadiah lumayan yang mana sepanjang lima kali meraih juara, beliau telah mampu mengumpul sebanyak BND40,000 hasil dari kemenangan yang dicapai.

Jelas Awang Zakaria lagi, semenjak melibatkan diri dengan seni lukis, ia telah memilih seni kaligrafi Islam sebagai salah satu aliran seni lukis yang ingin dikembangkan dari semasa ke semasa.

"Pada dasarnya saya tidak pernah mengikuti kursus atau pelajaran formal tentang seni kaligrafi Islam. Saya hanya belajar melalui pembacaan dan mencuba sendiri," ujarnya.

Menurut Awang Zakaria lagi, selain menjadikan seni lukis sebagai salah satu cabang karier beliau, melalui seni ini juga ia boleh dimanfaatkan untuk kita membawa orang ramai khasnya saudara-saudara Islam kita untuk beramal ibadah menuju keredaan Allah.

Untuk melaksanakan perkara ini, Awang Zakaria pada masa ini juga sedang menjalankan satu projek yang dinamakan Projek Sejuta Kalimah Allah tulisan tangan. Dan ini merupakan sesuatu yang baru yang dibuat oleh artis-artis atau para seni lukis kita di negara ini.

"Idea ini lahir semata-mata dari hidayah Allah Subhanahu Wata'ala. Sebenarnya pada mulanya hasil dari beberapa pertemuan kami dalam *lepak lepak seni*, saya dan Tuan Haji Mohd. Firdaus sempat berbincang untuk membuat projek lukisan dan tulisan kaligrafi Islam kontemporari. Dalam perbincangan berkenaan maka tercetusnya idea Projek Sejuta Kalimah Allah tulisan tangan," jelasnya.

Tujuan utama projek ini diadakan, tambahnya, adalah bertujuan untuk menyahut titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia, apabila baginda membarigakan negara yang kita cintai ini sebagai Negara Zikir.

Ujarnya lagi, projek ini sangat signifikan dengan pengisian Negara Zikir itu sendiri kerana inti patinya merupakan empat dalam satu, menulis kalimah, sambil berzikir dalam hati, membaca apa yang sudah tertulis di kanvas dan berdakwah melalui media elektronik dan menjadikan projek ini *viral* bagi mengajak masyarakat Islam lainnya terutama sekali belia-belia agar dapat turut serta.

"Projek ini sangat *simple*, akan tetapi mampu memberikan impak yang berkesan terhadap *spiritual* yang menyertainya. Seperti yang saya utarakan tadi iaitu projek yang merupakan empat dalam satu," ceritanya.



AWANG Zakaria bin Omar, 48, dilahirkan di Daerah Temburong dan kini menetap di Tanah Jambu, Jalan Muara yang menjadikan seni lukis sebagai salah satu hobi kekal dan sepenuh masa beliau.

Tujuan projek ini pula, terangnya, yang mana projek ini dikategorikan sebagai seni yang dipanggil sebagai seni masyarakat (Community Art) dan seperti di negara-negara maju ia adalah aliran seni yang lumrah dilakukan, ia melibatkan masyarakat sekeliling yang mungkin sebahagian besarnya kurang arif dengan seni, akan tetapi ia dapat menyatukan dan menyedarkan masyarakat itu sendiri tentang inti pati mesej yang disampaikan melalui seninya.

Ujarnya lagi, dalam konteks Negara Brunei Darussalam, seni masyarakat ini bercalakan MIB. Yang uniknya tentang konsep MIB kitani adalah elemen-elemen seninya yang tersendiri, berbeza dari negara-negara yang lain.

Selain itu juga, projek ini tambahnya, diungkayahkan bersukut baik dengan tiga perayaan besar untuk negara kitani, iaitu Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Ke-69 Tahun (tahun Projek Sejuta Kalimah Allah dimulakan) dan sempena Hari Keputeraan Kebawah DYMM Ke-70 Tahun (dijangka Projek Sejuta Kalimah Allah mampu diselesaikan), sempena 50 Tahun Kebawah DYMM Menaiki Takhta (dijangka Projek Sejuta Kalimah Allah ini akan dipersembahkan ke hadapan majlis Kebawah DYMM).

Saat ditanya bagaimana dengan sambutan daripada orang ramai sepanjang projek ini dilaksanakan pada hari pertama ia diletakkan di Stadium Tertutup Kompleks Sukan Negara Hassanal Bolkiah, Berakas sempena Sambutan Hari Belia Kebangsaan baru-baru ini sebelum ia dilaratkan ke tempat-tempat lain.

"Sama sekali kami tidak menyangka yang Projek Sejuta Kalimah Allah menjadi fenomena pada masyarakat kitani, dan sambutan orang ramai adalah sangat-sangat memberangsangkan ia di luar jangkaan kami, dalam masa 32 jam saja masyarakat kitani sudah berhasil menulis lebih 30,000 kalimah suci Allah pada empat panel yang berasingan.

"Kalimah ditulis oleh pelbagai lapisan masyarakat daripada kanak-kanak hinggalah warga emas yang berumur 82 tahun. Dari ustaz-ustaz yang mahir dengan tulisan Jawi sehinggalah ada seorang individu yang sudah lama tidak lagi menulis Jawi (katanya lebih 30 tahun)," cerita Awang Zakaria dengan rasa syukur.

Turut Awang Zakaria lagi, rata-rata orang ramai amat bersetuju dan berterima kasih dengan adanya projek ini kerana dapat memberi peluang kepada pelbagai lapisan masyarakat untuk ikut serta walau apa jua latar belakang mereka dan beberapa individu intelek turut memberikan *compliment* untuk projek ini.

"Dan untuk perancangan saya lima tahun ke depan, saya juga berazam ingin melestarikan seni lukis ini agar masyarakat kitani lebih memahami dan menghargai seni lukis kitani," jelasnya mengakhiri perbualan.



KALIMAH Allah yang ditulis oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.



LUKISAN Jawi ciptaan Awang Zakaria bin Omar.



KANVAS Projek Sejuta Kalimah Allah.



KEDUA-DUA anak Awang Zakaria yang juga meminati seni lukis.

# Esok belum nampak sinarnya



**Oleh : Utusukushii_tsuki**

MAK, kita tak boleh buat tuduhan melulu. Kita kena siasat dengan lebih terperinci. Mungkin yang mak tengok itu sepupu Aril," lirih suara Ayu memujuk ibunya supaya tidak membuat tindakan terburu-buru. Kelak memakan diri sendiri.

"Apa sangat yang nak disiasat ni Ayu. Dah terang dan nyata lagi bersuluh mak nampak dia berdua-duaan dengan perempuan lain di belakang Ayu. Takkan perkara ni pun Ayu tetap nak diamkan. Dah puas Ayu bersabar. Mak tak nak Ayu menyesal kemudian hari. Mak sayang kat Ayu.." panjang lebar Hajah Fatimah mempertahankan hujahnya sebagai titian buat anak kesayangannya, Ayu untuk berfikir tentang masa depannya apatah lagi tentang perkara yang bersangkut paut dengan hubungan Ayu dan tunangnya, Aril.

"Mak, Ayu percaya Aril jujur dengan hubungan kami. Kalau dia tak jujur dah lama dia putuskan hubungan kami lagi pun kita belum dapat pastikan siapa perempuan tu dalam hidup Aril. Mak pun bukan tengok mereka berdua-duaan di tempat yang sunyi. Mak jangan risaulah, nanti Ayu cuba tanya dengan Aril sendiri ya mak. Sekarang ni mak pergilah rehat dulu," Ayu pula bijak membidas hujah emaknya. Ayu berpura-pura tenang di hadapan ibunya sedang dihati ada rasa gelisah yang rancak menari. Tapi demi ibu tercinta dia tidak mahu ibunya turut khuatir dengan hubungannya dan Aril yang seperti retak menunggu belah.

Hajah Fatimah menggelengkan kepalanya sebelum berangkat masuk ke dalam biliknya. Hati keibuannya tersentuh melihat anak tunggal kesayangannya seperti boneka, dipermainkan seolah tidak punya perasaan. Meskipun hati tuanya berenang di kolam kesedihan tapi tetap terselit perasaan bangga dengan sifat tegar anaknya. Kalau dilihat dari sudut rupa, Ayu memang cantik, seayu namanya Nur Arissa Ayuni. Dilihat dari segi tingkah laku memang penuh dengan sopan santun dan berbicara dengan selembut bahasa. Bercakap mengenai amalan. memang tidak pernah tinggal satu rakaat sembahyang dalam sehari. Kalau ada masa lapang dihabiskan dengan membaca Al-Qur'an apatah lagi di saat hati Ayu dirundung rasa gelisah. Hajah Fatimah sudah arif dengan sifat dan perangai Ayu yang tidak pernah meluahkan perasaan kepadanya melainkan kepada sesuci kitab Al-Qur'an. Kerja dapur, memang Hajah Fatimah tidak perlu mengupah orang gaji semuanya beres dengan tangan lembut anak gadisnya yang bernama Ayu. Entah di mana kurangnya Ayu di mata Aril sehingga sanggup mengabaikan Ayu. Dulu bukan main cepat nak masuk meminang Ayu. Konon takut disambar orang. Tapi lihatlah sekarang Ayu dia dah sambar tapi masih mahu nak menyembar anak orang yang entah baikkah tidaknya. Sempat hati tua Hajah Fatimah berbicara sendiri mengenang nasib anak tunggalnya. Entah pukul berapa Hajah Fatimah terlelap sendiri.

Ayu di biliknya sudah siap duduk bersila menghadap sebuah Al-Qur'an yang bisu tetapi penuh dengan kenikmatan dan mampu meluruhkan daun-daun sedih dari ranting jika yang tidak keruan. Ayu tidak pernah mengeluh andai ditimpa sebarang musibah. Seandainya silap datangnya dari dirinya sendiri dia akan cuba untuk memperbaikinya dan jika berlaku sebarang masalah yang dikerjakan oleh orang lain untuk mengenakan batang hidungnya, Ayu akan cepat-cepat memohon keampunan ke hadrat Ilahi kerana telah menyebabkan orang lain berniat jahat hingga berani membuat perkara yang tidak elok. Ayu terlalu mudah memaafkan orang lain dan tidak pernah menyimpan dendam terhadap orang lain. Bagi Ayu setiap yang bernafas di muka bumi ini melakukan kesilapan. Begitu jua dirinya dan tidak kurang juga orang yang dicintainya, Mohd. Aril Bahzi yang sudah hampir tiga tahun menjadi tunangnya. Tapi apakah kali ini dia akan memaafkan kesalahan yang dilakukan oleh tunangnya sendiri. Entah..dia sendiri pun kurang pasti. Hanya masa yang akan menjawab soalan itu.

Jam sudah menunjukkan pukul 2 pagi entah sudah berapa lama Ayu menghabiskan waktunya dengan bermunajat minta dihapus segala rasa gelisah, sedih dan pilu yang mula merantai perasaannya. Setelah puas dengan bacaannya Ayu bingkas dan menuju arah katil bujangya tempatnya beradu. Sebelum tidur Ayu menatap seketika gambar Aril yang tampan. Seketika fikirannya belayar jauh ke Paris. Di situlah mulanya perkenalan Ayu dengan Aril. Ketika itu Ayu bercuti selama tiga hari dua malam di negeri idamannya yang menjadi igauan mimpi oleh semua orang kerana Paris terkenal dengan sebuah negeri yang penuh dengan warna-warna keromantisan. Memang benar apa yang dikata orang, di situlah mulanya bibit cinta yang kian menyubur di taman hati. Tapi kenapa di saat hati penuh dengan sewangi harumnya kasih terhadap Aril. Aril seakan menjauhkan diri. Sudah dua minggu Aril tidak menghubunginya ketika di rumah mahupun ketika di pejabat. Ayu sendiri pun tidak pernah meringankan tangannya untuk menghubungi Aril. Mungkinkan Ayu merajuk. Apakah yang terjadi sebenarnya. Siapa pula perempuan yang dilihat ibu bersamanya dan esok dapatkah ku temui jawapannya Akhirnya Ayu terlelap dengan sekalung soalan yang belum terjawab.

Jam kecil yang sudah dikunci Ayu sebelum tidur semalam menjalankan tanggungjawab mengejutkan tuan nya untuk bangun tepat jam 5 pagi agar segera mengerjakan suruhan Allah. Selesai menunaikan Solat Subuh dan berdoa panjang di penghujungnya Ayu bergegas masuk ke dapur untuk menyediakan sarapan pagi khas untuk ibu dan ayah kesayangannya. Sudah menjadi rutin hariannya begitu. Bukan tidak mampu untuk menggaji pembantu rumah tapi bagi keluarga kecil itu adalah lebih baik sekiranya dapat melakukan kerja rumah dengan tangan sendiri selain daripada dapat mengelakkan sifat malas, bekerja dengan tangan sendiri juga tidak perlu menyalahkan sesiapa seandainya berlaku sebarang kesilapan.

"Mak..abah.. duduklah kita makan sama-sama. nanti lewat pulak nak pergi kerja," sambut Ayu ketika melihat kedua orang tuanya berjalan beriringan menuju ke arahnya.

"Yalah nak duduk lah ni.. takkan nak baring kut.. ha Ayu pun makan sekalilah..tentu sedap ni kalau Ayu yang masak. Sampai menjilat jarilah katakan," ujar Haji Kasim berseloroh mengajuk sebaris ayat yang sering ditutur dalam iklan makanan segera, KFC.

"Alah abang ni..anak siapa kalau bukan anak Timah...” ibunya Hajah Fatimah pula mengambil tempat. Mendepakan tangannya ke arah dada angkat bakul naik sendiri.

"Sudah-sudahlah tu mak.. abah... dah Ayu memang pandai masak esok-esok nak juga Ayu masuk uji bakat jadi tukang masak terhormat. Sekarang ni kita makan dulu jangan asyik berbual saja nanti nasi lemak Ayu masak tidak habis perut mak abah kosong!," panjang lebar ayu berhujah dan akhirnya mereka sama-sama ketawa.

Nasi lemak sambal ikan pusu yang disediakan Ayu pagi itu memang membangkitkan selera kedua orana tuanya tambahan lagi turut disediakannya seteko kopi pekat yang sudah menjadi kegemaran dan menu harian mereka setiap pagi lebih-lebih kopi yang dibancuh dengan tangannya sendiri. Memang terangkat! Selesai makan dua pinggan nasi lemak sambal pusu ketiga-tiga mereka bergerak keluar dari dapur untuk bertolak pergi ke pejabat. Hari ini Ayu ingin pergi ke tempat kerjanya dengan menggunakan khidmat keretanya sendiri, manakala kedua orang tuanya dibiarkan pergi bersama dengan kereta ayahnya.

"Elok-elok memandu ya Ayu jumpa nanti di pejabat," sempat Hajah Fatimah menasihatkan anak kesayangannya supaya berhati-hati ketika memandu walaupun tahu anaknya itu sentiasa berdisiplin ketika memandu.

"Yalah mak.. abah pun jangan pandu laju sangat ya..," balas Ayu sambil menyalami tangan Haji Kasim sebelum melangkah masuk ke dalam keretanya.

Sepanjang pemanduan Ayu ke pejabat fikiran Ayu sedikit tersasar memikirkan tunang kesayangannya. Kalau boleh Ayu ingin menyelamatkan hubungan mereka tapi andai sekiranya sudah kritikal benar. Ayu pasrahkan saja ke hadrat Ilahi. Mungkin tiada jodoh antara mereka berdua.

"Selamat pagi Ayu..," sapa beberapa pekerja bawahan ayahnya. Ayu memang sudah berpesan kepada semua orang di tempat kerjanya untuk memanggilnya dengan nama Ayu saja. Tidak perlu ber encik-encik jauh sekali untuk dipanggil puan. Bagi Ayu pangkat bukanlah satu perkara yang boleh membezakan diri seseorang itu dengan yang lainnya. Baginya lagi semua manusia itu sama tarafnya di mata Tuhan. Kita hanya peminjam di dunia ini tiada yang kekal melainkan Allah jua. Begitulah pesan kedua orang tuanya.

"Selamat pagi," balas Ayu sambil melemparkan senyuman paling manisnya. Berhasil membuang jauh masalah hubungannya dengan Aril.

"Ibu dan ayah Ayu dah sampai awal tadi..Ayu tak satu kereta ke?," tanya Midah teman paling rapat Ayu.

"Ya.. hari ini Ayu malas nak kacau daun nak biar mak dan ayah beromantik..," seloroh Ayu sebelum meninggalkan Midah dan Aisyah dan bergerak masuk ke biliknya. Selebihnya Midah dan Aisyah yang mendengar suara nakal Ayu hanya tertawa.

"Nakal betul Ayu tu ya... ehe kalau lah semua orang macam mereka sekeluarga tu aman dunia kan Syah," ujar Midah setelah menghabiskan tawanya.

"Betul tu.. tak sombong dan sering menitikberatkan hal ehwal pekerja. Syukurlah kita tak dapat bos ganas macam singa..."

"Kenapa dengan singa Aisyah?," sampuk Hajah Fatimah (lebih mesra dipanggil Mak Mah) yang mendengar perbualan dua orang sahabat anaknya sambil memegang dua cawan koko panas. Tentu baru keluar dari *pantry*. Sudah menjadi tabiat Hajah Fatimah untuk menyediakan minuman sendiri ketika dipejabat tak perlu minta tolong orang lain buat. Sendiri buat baru lah *best!*

"Tak adalah Mak Mah... saja berbual pasal singa yang terlepas di zoo hari tu," seloroh Midah pula membuatkan ketiga-tiga mereka tergelak.

"Macam-macamlah awak berdua ni. Nanti tak pasal-pasal kamu berdua ni diurat singa jantan. Nahaslah kamu dapat laki singa!," balas Hajah Fatimah sambil membeliakkan sedikit matanya seolah-olah sedang menakutkan dua orang budak kecil. Sudahnya mereka ketawa lagi.

"Eh..melarat pulak saya ni..kalau macam tu saya masuk dululah.. nanti tertunggu-tunggu pula singa yang nak minum koko panas ni," sempat lagi Hajah Fatimah bergurau sebelum berlalu masuk ke dalam biliknya. Sebenarnya bukan biliknya saja tapi bilik suami dan jaga anaknya Ayu.

Bilik itu dipecahkan kepada tiga bahagian.. beraja di bilik pertama adalah Haji Kasim sebagai ketua, manakala permaisurinya Hajah Fatimah melakukan tugasnya dalam bilik nombor dua dan setentuya bilik nombor tiga didiami oleh si puteri Ayu yang cantik jelita.

"Nah bang minumlah...," Hajah Fatimah segera meletakkan secawan koko panas di atas meja kerja suaminya.

"Eh Timah yang awak sengih-sengih ne apa halnya. Kena sampuk ke?," soal Haji Kasim kehairanan melihat isterinya seolah-olah ada perkara lucu yang menggeletek hati isterinya.

"Tak da lah bang.. tu ha.. budak berdua Midah dan Aisyah tu macam-macam ceritanya siap bawa cerita singa lah apa lah..," balas Hajah Fatimah menghabiskan sisa tawanya.

Tanpa menunggu suaminya membalas Hajah Fatimah terus meluahkan perasaan tidak puas hatinya tentang Ayu dan Aril. "Ni ha... sebenarnya Timah ni risau bang tentang hal anak kita Ayu tu. Semalam waktu pulang dari pasar beli sayur. Timah singgah sekejap dekat mall tu ha. Abang tahu.. apa timah nampak?," sengaja Hajah Fatimah menyoal suaminya.

"Tak tahu lah..kan awak yang nampak bukan saya. Habis tu apa yang awak nampak?," soal Haji Kasim kembali. Kelihatan berminat untuk mendengar cerita lanjut dari mulut isterinya.

"Timah jumpa Aril bang.. berkepit dengan perempuan. Tak taulah nak kata apa. Ayu tak nak besar-besarkan hal ni bang. Ayu cakap mungkin sepupu Aril. Tapi takkan begitu mesra bang," suara Hajah Fatimah sedikit mengecil takut didengar dek anak kesayangannya.

"Betul lah tu.. entah-entah sepupu dia ke.. kita tak boleh nak ikut campur biar Ayu aja yang selesaikan masalahnya. Mereka tu bukan budak-budak lagi. Tahulah mereka nak buat apa," Haji Kasim juga mengikut rentak Hajah Fatimah mengecilkan sedikit suaranya.

"Sekarang ni kita siapkan kerja kita nanti tak pasal-pasal pulak projek penting ni tergendala," ujar Haji Kasim memberi arahan.

“"aik lah bang. Timah masuk bilik dulu lah. Timah pun ada kerja yang belum selesai," balas Haji Fatimah segera bergerak masuk kedalam biliknya yang terletak disebelah kanan bilik Haji Kasim. Setelah pintu bilik Hajah Fatimah tertutup pintu bilik sebelah kiri pula terbuka dan Ayu keluar dengan beg kecil yang tersangkut dibahu kirinya. Haji Kasim yang melihat terus menegur.

"Nak kemana ni Ayu..?," soal Haji Kasim pendek, "Ayu keluar kejap abah...nak jumpa balak kalau ada apa-apa abah suruh aja Aisyah kat luar tu. Dia boleh tolong ambilkan barang-barang yang abah berkehendak," balas Ayu pula seolah majikan bercakap dengan pembantu lagaknya.

**Ke muka 13**

**Dari muka 12**

"Amboi.. bukan main lawa lagi nak suruh anak orang.. Hmmm oklah demi anak abah. Ayu pergilah jumpa balak. Jangan balik lambat pulak. Call abah kalau balak tu pandai buat macam-macam," gurau Haji Kasim bila melihat muncung Ayu. Takut-takut nanti sedepa muncungnya tu. Lagipun aku sudah tahu benar ni mesti nak jumpa balak Aril. Rindu kut.. Bisik Haji Kasim sendiri sambil tersenyum.

"Thanks abah...sayang abah..," lantas Ayu mencium pipi tua ayahnya dan berlenggok keluar dari bilik ayahya.

Setelah menelefon Aril sebentar tadi mereka akhirnya setuju untuk berjumpa di sebuah restoran berdekatan dengan pejabat ayah Ayu. Malas nak pandu jauh-jauh nanti kalau pandu dalam keadaan tengah *hot* takut-takut emosi yang jadi pemandu. Tak kah naya tu!

Setelah sampai Ayu memakir kereta Honda nya di sisi 'Restoran Hajah Napisah dan anak-anak' antara restoran makan kegemaran Ayu untuk melayan liurnya. Masakan yang disediakan sedap belaka dan harganya berpatutan. kalau sehari tidak terpacak dekat restoran itu akibatnya boleh meleleh liur. Bukan sahaja Ayu yang sering bertandang ke sana malahan hampir keseluruhan penduduk tetap yang bekerja di pejabat ayahnya juga selalu melunaskan perut yang lapar di sana. Lebih-lebih lagi restoran makan itu dikendalikan sendiri oleh keluarga Hajah Napisah yang semuanya peramah dan cepat mesra tak hairanlah restoran itu tidak pernah sunyi. Ada saja cerita sensasi sampai yang tak sensasi pun diperjajakan. Bukan apa saja nak menghidupkan suasana. Seluruh isi restoran tau cerita kan best!

Memang benar. Ketika Ayu melangkah masuk sudah kelihatan pelanggan tetap restoran itu dan kedengaran juga mereka berbual-bual mesra antara satu sama lain. Ayu yang kurang berminat untuk turut sama berbual terus mengambil tempat duduk yang sedikit terpencil. Bukan tidak mahu berbual sama tapi tidak berminat. Ayu cuma ingin menunggu ketibaan putera rajanya.

"Ayu...*sorry* lah lambat sikit.. bukan senang nak cari *parking* dekat restoran ni. Siap pusing tujuh keliling. Tawaf tak berihramlah Aril," Aril terus membuka mulut sambil melabuhkan punggungnya di ataskerusi kuyu yang berkusyen biru tua itu. Tepat di hadapan Ayu.

"Tidak mengapa..Ayu paham tadi nasiblah masa Ayu sampai ada kereta yang nak keluar kalau tidak Ayu pun samalah macam Aril juga. Tawaf tidak berihram," balas Ayu sambil tergelak kecil. Sebenarnya cuba untuk menyembunyikan kegusaran hatinya. Sabar Ayu..tarik nafas dalam-dalam.. dan hembuskan...

Setelah memesan beberapa jenis makanan mereka terus berbual panjang. Maklumlah sudah hampir dua mingu tak jumpa. Call pun tak. Ha inilah waktunya untuk melepaskan rindu resah yang sudah bermukim didalam hati masing-masing. Hmm masing-masing?

Aril rindu ke dekat Ayu atau...

"Jemputlah makar Ayo, Aril..ha Aril dah dua minggu tidak timbul-timbul Aril pergi mana?," soal Hajah Napisah kepada Aril setelah selesai meletakkan makanan yang dipesan oleh Aril dan Ayu.

"Tidak pergi mana-mana Kak Jah...cuma sibuk sikit. Tidak ada masa nak singgah sini. Ni barulah kurang sikit kerja kak," balas Aril membela diri sambil matanya sesekali menatap wajah manis di hadapannya.

"Ha! Sibuk kerja ke sibuk berkepit dengan perempuan lain..." sempat hati kecil Ayu berbisik. "eloklah tu ada juga teman si Ayu ni ha.. dua minggu ni Kak Jah tengok asyik makan dengan Midah dan Aisyah saja.. kesian pulak Kak Jah tengok muka Ayu ni...asyik ingat buah hati je waktu makan," panjang lebar Hajah Napisah menceritakan babak lakonan Ayu ketika ketiadaan Aril di sampingnya.

" Macam-macamlah Kak Jah ni..mana ada...," tersekat-sekat suara Ayu ketika menidakkan penerangan panjang lebar dari Hajah Napisah. Malu lah tu...

"Alamak..Kak Jah ni kacau daun lah pulak.. panjang cerita kita ya.. mengamuklah nanti pelanggan Kak Jah tu ha...kalau macam tu Kak Jah pergi dululah..elok-elok makan fu.. awas tercekik!," sempat lagi Hajah Napisah meninggalkan sindiran nipis sebelum berlalu meninggalkan pasangan kekasih yang entah bila hendak kahwin nya. Bertunang bukan main lama.

"Ha Ayu..apa yang Ayu nak bincangkan ni. Ada masaalah ke?," soal Aril setelah menyudahkan suapannya yang ketiga.

"Tidak adalah penting sangat. Tapi *important*..," aik penting dan *important* tak sama ke..ah hentam sajalah.

"Sebenarnya macam ni.. Ayu tak nak besarkan perkara yang kecil. Ayu pun bukan juga nak cemburu membabi buta..."

"Sebenarnya Ayu nak tanya siapa dengan Aril keluar hari tu..siap berkepit-kepit macam tak ingat dunia," suara Ayu semakin mengendur dan cuba beranikan diri untuk menikam anak mata Aril dengan setajam panahan mata kecil yang menyepet itu.

" Perempuan mana pulak ni...Ayu salah orang tak?," soal Aril kembali.Dah habis modal lah tu. Sampai tak tau nak cakap apa.

Hai kita tanya dia, dia tanya kita balik. Siapa yang nak jawab dulu ni.

"Er..er..sebenarnya itu....," Aril tidak menghabiskan ayatnya sebaliknya menghirup *orange juice*nya yang masih bersisa. Sebenarnya dia sedikit terkejut bila melihat wajah Ayu yang semakin kelat. Kalau dapat dimakan tentu macam pisang mentah! Tapi sebenarnya wajah di depannya itu tetap tenang saja. Mungkin perasaannya saja kut…

"Itu sepupu Aril yang baru balik *overseas*... dia ajak Aril untuk temankan dia membeli-belah."

Aril cuba menyejukkan hati tunangnya yang mungkin sedang ingin meledakkan lahar api amarah dihatinya. Meskipun wajah itu sebenarnya sering kelihatan tenang sahaja. Ya lah. jangan sangka yang tenang itu tidak akan berkocak.

"Tapi takkan sampai siap berpegangan tangan. Sepupu awak tu baru masuk usia lima tahun ke. Ya lah baru balik *overseas* takut tersesat pulak ya," suara Ayu masih lembut seayu orangnya. Wajahnya juga masih tenang seperti biasa tapi...setiap ayat yang terpacul keluar dari bibir munggilnya bukan main pedas.. kalau kena mata tentu buta!

Aril yang sedang menyudahkan suapan yang terakhir hampir tersedak mendengar ayat-ayat yang terasa amat keramat ditelinganya. Cepat-cepat dia menghabisnya *orange juice* yang sedikit manis itu semanis wajah tunang tercinta yang duduk di hadapannya. Cinta ke? Aril sudah arif dengan fiil tunangnya itu hanya ayat-ayat yang dipertuturkan saja dia boleh membezakan sama ada Ayu tengah marah atau tidak. Selebihnya memang tidak boleh bertindak memberikan amaran. Wajahnya yang selamba dan bersahaja memang sukar ditafsirkan. Kalau berapi-api pun riak di wajahnya tidak berubah sedikitpun. Untunglah aku...walaupun hampir seratus pelanggan yang silih berganti keluar masuk di restoran ini. seorang pun tidak mengendahkan pertarungan bicara antara kami berdua. Bertuah badan.. sempat Aril berceloteh pendek di dalam hatinya.

"Ha kenapa diam..kalau Aril dah tak sayang dengan hubungan kita. Ayu tak boleh buat apa. Ayu serahkan saja kepada Aril untuk buat keputusan. Segala surat-menyurat tidak diterima jauh sekali bunga-bunga semahal harga sebuah banglo pun akan di*reject*!," sekali lagi Ayu menghumbankan sebaris ayat yang menikam jiwa Aril. Kalau kena lagi sekali alamatnya matilah aku dekat restoran 'Hajah Napisah dan anak-anak'. Tak sempat kahwin aku dibuat Ayu ni. jangan kan Ayu aku tak dapat Wena pun aku tak dapat sekali. Alahai rugi aku!. ujar Aril di dalam hati sambil meleretkan senyumnya. Sah macam kera sumbang!

Ayu yang sudah tidak dapat menahan marahnya terus berlalu meninggalkan Aril termangu-mangu dan terus menghadap kaunter untuk melunaskan bayarannya. Tengok..nak bayar bil pun beratur macam nak *order* makan gamatnya. nasib tak sampai berbaris keluar restoran kalau tak aku dah pecut ni. Alamak nak pecut? Maknanya tak payah bayar? Er... tak larat lah aku. dah lah nanti tunang tak dapat nanti tak pasal-pasal pulak aku berumah dalam penjara. eysh....taubat-taubat! control sikit marah tu Ayu. Nanti qada ya...akhirnya Ayu tersenyum sendiri meskipun sekelumit rasa kecewa masih bergayut dijiwa.

Setelah selesai melunaskan bayaran Ayu bergegas keluar dari restoran tersebut sebelum sempat dikejar oleh Aril yang masih ketinggalan dalam berisan yang kelima daripada belakang Ayu sebentar tadi. Ha tak pasal-pasalnya aku main kejar-kejar dengan monyet kesayangan aku tu. Alahai Ayu..tak baik tau kutuk tunang sendiri. Yalah dikutuk! tak kan disanjung-sanjung, puji-puji pulak perangai buruk macam tu. Ayu berperang dengan perasaannya sendiri solah-olah sedang bedebat dengan seseorang.

Ayu yang sempat melarikan diri dari Aril terus memecut keretanya kembali pulang ke pejabat untuk menyiapkan sedikit lagi kerja yang tertunggak. Setibanya melangkah masuk ke ruangan pejabat telefon bimbitnya bersuara nyaring menunjukkan ada mesej masuk. Ayu yang sebenarnya sedikit terkejut terus membelek beg kecilnya dan mengeluarkan telefon bimbitnya untuk membaca mesej yang tidak diketahui daripada siapa. Tapi setelah membuka peti mesej tahulah sudah dirinya. Mesej itu dari tunangnya Aril. Yalah surat-surat menyurat tak diterima tapi mesej tetap terima. Lupa pulak nak pesan tadi.

Ayu..Aril minta maaf... dia tu benar-benar sepupu Aril. Semua tu salah faham saia. Dia aja yang menggedek! Nanti malam Aril jemput ya. Kita keluar. O.k bye sayang I love you.

Setelah membaca mesej dari tunangnya itu hati Ayu sedikit sejuk. Sedikit saja belum sejuk seluruhnya. Apa pun yang terjadi Ayu perlu bergegas masuk kebiliknya nanti kerja tak siap adalah mulut yang bising membebel. Maklumlah projek besar. Kalau tak siap mahu mampus nanti. Ayu tersenyum simpul ketika melintas di hadapan rakan-rakan yang lain sebelum masuk ke perut bilik ayahnya. Midah dan Aisyah pula sempat berpandangan antara satu sama lain sebelum meneruskan kembali kerja yang bersisa. Mereka sedikit pelik melihat senyuman Ayu tapi malas hendak menegur kalau tak tentu pen yang di tangan berlimpang malas di atas kertas-kertas kerja kalau dilayan sangat untuk berbual.Bukan berbual pendek tapi panjang berjela-jela. Sudahnya nanti kerja juga yang tak siap.

Jam menunjukkan pukul 5 petang, Waktu pejabat pun berakhir dan masing-masing sibuk mengemas barang lalu beransur-ansur para pekerja meninggalkan perkarangan pejabat kecuali beberapa orang sekuriti. Ada yang balik menggunakan bas. Ada juga yang menggunakan taxi. Tidak kurang jnga yang balik diambil suami bagi perempuan yang sudah berkahwin dan ada pula segelintir pekerja yang berjalan kaki. Maklumlah ada yang tinggal menetap tidak jauh dari pejabat. Ayu juga seperti pekerja-pekerja yang lain terus pergi ke tempat letak kereta. Dia memegang segugus anak kunci dan apabila dia sudah pasti anak kunci kereta yang dipegangnya terus dia memasukkan kepada lubang kecil di tepi tingkap pintu kereta. Apapun dia mesti segera meninggalkan pejabat dan terus pulang kerumah kerana mengingatkan dia ada temu janji dengan tunang kesayangannya Aril. Sepanjang pemanduannya sekali lagi dia diusik untuk memikirkan hubungannya dengan Aril. Apakah malam ini semuanya akan kembali seperti sedia kala atau malam ini kali terakhir Ayu menjadi tunang Aril. Entah Ayu sendiri tidak dapat mengesahkan. Biarlah malam nanti yang menjadi penentu bagi hubungan Ayu dengan Aril. Pastinya tidak lama lagi malam akan berlabuh dan kegelapan pula akan datang melamar.

Seteleh sampai di pekarangan rumah Ayu bergegas masuk ke dalam rumah. Dalam fikirannya hanya ada makan, mandi, solat dan terus bersiap untuk bertemu dengan Aril.

Yang lain-lain sudah tidak ada dalam kotak fikirannya, biarlah apa pun yang terjadi Ayu tidak peduli dan tidak akan ambil peduli. Setelah selasai mengisi perut dengan masakan lazat ibunya iaitu sayur kangkung goreng ditumis dengan sedikit belacan, ikan patin masak merah serta sedikit ikan gulama masak tempoyak. Ayu memang keberatan untuk meninggalkan masakan lazat ibunya tetapi Ayu teringat lagi temu janjinya dengan Aril, Ayu hanya makan sedikit saja. Kalau nanti sama Aril dia tidak punya selera dia akan mengisi tong perutnya yang kecil dengan masakan ibunya yang ditinggalkan. Biar ibu tahu masakkan ibu malam itu sunguh menyelerakan. Hmm meyelerakan atau saja nak buang *stress*? Entah...tak pasti. sempat Ayu menjungkitkan bahunya sebelum keluar dari dapur.

"Hai cepat Ayu makan..tak larat nak makan ke diet?," soal Hj. Kasim apabila melihat Ayu keluar dari dapur tidak sampai lima minit. Selalunya lima puluh minit pun dia tahan duduk dekat dapur.

"Bukan tak larat abah..Ayu nak keluar dengan Aril kejap lagi nanti tak muat pula perut ni ha..," balas Ayu sambil mengusap lembut perut kempisnya. Hairan, makan bukan main berlambak-lambak tapi badan maintain kecil saja. Makan nasi ke makan hati?

"Oh. Patutlah...kalau macam tu pergilah naik cepat. Jangan lama-lama bersiap nanti lama pula Aril tunggu," sempat Hj. Kasim berpesan pada anak tunggalnya.

Ayu terus menapak satu persatu anak tangga hingga sampai ketingkat atas dan terus menuju kedalam biliknya. Sesekali kedeng aran orang tuanya berbual ditingkat bawah. Tentu ibunya baru selesai solat. Tadi ketika keluar dari dapur tak nampak pun batang hidungnya. Ayu yang kelihatan semacam keletihan berjalan sedikit longlai dan menuju ke kamar mandi untuk menyegarkan kembali tubuh yang nampak sedikit lesu. Sambil mandi sempat pula Ayu bernyanyi kecil. Haa belum lagi ambil uji bakat memasak. Ni nak masuk uji bakat menyanyi lah pulak. Tapi tak pasti pulak dia nyanyi apa dan untuk apa. Apakah untuk menghiburkan hati atau...

Tiba-tiba pintu bilik Ayu diketuk kejap. Ayu yang cepat mendengar terus berucap. "Ya.. kenapa? Ayu tengah mandi ni ha!" sedikit terjerit suara Ayu apabila merasakan airpancut lebih bersuara nyaring.

"Ni ha...Aril dah tunggu kat bawah..cepat lah bersiap tu. Tak baik buat orang tunggu-tunggu," suara Hjh. Fatimah kedengaran sayup-sayup ditelan suara air pancut yang seakan-akan sengaja berteriak nyaring. Seolah-olah ingin menyatakan bahawa dia tengah memandikan tuannya. Namun pun begitu suara Hjh. Fatimah sampai kependengaran Ayu.Ayu terus mematikan air pancut dan bergegas keluar untuk bersiap. Sebelum itu terlebih dahulu dilunaskan satu tanggungjawab yang wajib. Setelah selesai solat asar dan berdoa, Ayu bingkas dari sejadahnya dan meluru ketempat almari bajunya. Ayu tidak mengambil masa yang terlalu lama untuk memilih baju yang sesuai. Cukup sekadar mengenakan blaus merah jambu panjang hingga ke buku lali dan berlengan panjang. Bibir tipisnya pula tiba-tiba melukiskan sebuah senyuman bila mengingatkan itulah baju hadiah ulang tahun yang ke-23 dari tunang Aril baru-baru ini. setelah mengenakan sehelai tudung yang selari dengan warna blausnya dan mengenakan sedikit solekan tipis. Ayu berdiri mahu keluar dari kamar tidurnya. Pastinya ingin cepat keluar berhadapan dengan tunangnya Aril. Tapi sebelum membuka tombol pintu. Ayu terpandang sebuah Al-Qur'an yang sering dibacanya di satu sudut tempatnya bersembahyang. Apakah malam ini Al-Qur'an itu akan menenemani malamnya? Apakah Al-Qur'an itu akan meredakan resahnya seandainya ini malam terakhir dengan Aril. Entah...hati Ayu tiba-tiba sayu namun dikuatkan hatinya untuk keluar bertemu Aril. Mungkin sudah sebaldi air liur Aril tumpah untuk berbual dengan orang tuanya.hmm campur air liur orang tuanya cukup tiga baldi! Buat simbah api tentu boleh padam.

"Wah cantik Ayu malam ni," puji Aril sejurus melihat Ayu yang telah tiba sampai keruangan tamu. Entah puji ikhlas kepuji saja-saja tu. Maklum lah depan bakal mertua. Aik bakal..entah j adi entah tidak.

"Banyaklah Aril punya cantik. Jomlah kita keluar nanti lewat pulak baliknya. Tak pasal-pasal mak dan abah susah payah nak hubungi pihak polis buat laporan. Anak gadisnya diculik tunang sendiri," berjela-jela Ayu berhujah sambil memandang kedua orang tuanya yang juga turut sama memandang keatasnya dengan secalit senyuman mesra.

"Alahai Ayu... mak tak kisah pun. Kalau Aril culik pun tak pe. Boleh kahwin cepat kan bang" Hjh. Fatimah membalas omelan Ayu sambil menepuk lembut paha suaminya yang dilapiki dengan kain pelikat.

"Ha ah dapat cucu pun cepat!," seloroh Hj. Kasim pula membuatkan Ayu membesarkan matanya. tanda proteslah tu.

"Er..kalau macam tu kami pergi dulu lah," Aril mengambil kesempatan bersuara untuk meminta diri. Kalau dibiar sampai tak jadi keluar jawabnya.

Setelah mencium tangan Hj. Kasim dan isterinya Hjh. Fatimah kedua pasangan itu pun melangkah keluar dan masuk ke perut kereta Aril. Cadang Aril malam itu mahu membawa Ayu jauh dari pandangan orang ramai. Dia tahu malam ini mungkin malam berduka buat Ayu. Meskipun sukar untuk membuat keputusan tapi dia sedar kalau pun diteruskan hubungan itu tak kan lari kemana. Awal dan akhir pastinya akan terlerai jua. Bukan Aril tidak sayang dengan hubungan itu. Malah Aril juga cukup sedih untuk menyuarakannya. Bukan tidak cinta pada Ayu tapi dia terlalu mencintai tunangnya itu lebih dari segalanya. Lagipun ikatan pertunangan itu adalah tergantung pada dua hati yang sarat dengan cinta. Tapi malam ini semuanya akan berakhir. Entah bagaimana Ayu esok. Bagaimana dirinya. Dia sendiri belum dapat memastikan. Kerana esok belum menampakkan sinarnya.

Memang malam itu sepanjang pejalanan menuju kedestinasi yang dituju merpati dua sejoli itu tidak banyak berbual. Mungkin masing-masing mahu melayan perasaan. Ayu dengan sejuta macam soalan. Manakala Aril mencari sejuta cara yang terbaik untuk meleraikan ikatan perfunangan yang sudah terjalin hampir tiga tahun itu. Bukannya satu jangka waktu yang singkat. Terlalu banyak kenangan yang terlukis. Berbagai macam bentuk rupa kenangan yang telah disulam. Baik yang manis mahupun sebaliknya. Sungguh sebak rasa hati. Tapi untuk satu permintaan yang tidak dapat ditolak. Aril terpaksa jua. Aril sendiri tidak akan menyatakan sebab sebenar kenapa perfungangan ini harus di akhiri. Biarlah Ayu terkapai-kapai mencari jawapannya. Bukan hendak bertindak kejam tapi sekadar ingin menjaga hati Ayu dan tidak mahu Ayu merasa terluka. Aril juga semacam rasa tersepit kerana menghormati keputusan orang disayang perasaan orang dicinta terpaksa digores. Inikah namanya dugaan. Pasrahkan saja kepada Tuhan yang menentukan. Tapi dapat kah Ayu menerima keputusan ini. Keputusan yang mungkin tidak pemah dirangka dalam benaknya.

**Ke muka 14**

Dari muka 13

Entah...ku harap semuanya akan disambut Ayu dengan tabah. Semoga...sempat Aril berdoa sebelum keluar dari keratanya.

"Ayu...jom kita makan. Lepas tu kita pergi taman kat hujung tu. Tengok bintang berkelipan didada langit. Ayu suka bintang kan?," soal Aril seolah menyoal seorang budak kecil berusia empat tahun. Sebenarnya sebak didada yang cuba ditahan tiada yang tahu. Mungkin inilah malam terakhir bersama Ayu kerna tidak lama lagi dia akan bertunang dengan orang lain pula. Ya bertunang...

Ayu pula seakan budak kecil mangangguk kepala perlahan seolah termakan pujuk seorang ayah. Ayu sebenarnya dipalit rasa hairan. Kenapa ganjil perilaku Aril. Kenapa semacam terlalu memanjakan dirinya. Kenapa begitu sayu pandangannya dan mengapa terlalu dingin tangan Aril yang memegang kejap tangan kecilnya. Terlalu banyak pertanyaan mengapa berlayar di kolam fikiran Ayu. Mungkin ditaman hujung sana bakal menjawab segala soalan mengapa Ayu. Mungkin... hati Ayu seakan berharap.

Menghadap hidangan ala-ala turki pilihan kegemaran Aril itu seolah berada didalam gua yang penuh dengan kesepian Cuma terdengar gesekkan violin yang dimainkan oleh seorang pemain viola yang cantik jelita. Manis orangnya dan sepet matanya persis mata Ayu. Tapi bunyi gesekkan viola ifu seakan bunyi burung merbuk yang bernyanyi nun jauh didalam hutan. Masing-masing Aril dan Ayu tidak banyak bicara sesakali sama-sama menikam anak mata seolah-olah memberi kekuatan untuk bertahan diam didalam gua yang penuh dengan kebisuan dan kegelapan itu. Jadah apakah renungan itu seolah renungan itu sampai menikam dinding hati yang seakan roboh ini. memang hati Ayu ketika itu seakan lemah kerna terlalu lemas untuk terus duduk dihadapan Aril. Ayu yang sudah tidak tahan dengan renungan berbisa itu lantas bangun dan meninggalkan Aril sendirian. Ayu mengatur langkah kehujung taman seolah mahu mendengar suara Aril yang semenjak tadi membisu. Aril pula segera melunaskan bayaran dan bergegas mendekati Ayu yang sudah duduk menyandarkan tubuhnya pada kerusi panjang dekat dengan pasu bunga orkid yang besar itu. Kalau Ayu bersembunyi dibalik pasu itu memang langsung tidak boleh dikesan. Kerana pasu itu tersangat sangat besar bunganya juga cantik secantik Ayu Ah.lantak lah dengan pasu dan bunga-bunganya sekali yang penting hati Ayu. Tapi akan kah kuat hati Ayu mendengar keputusan ini. . .

"Ayu..." lembut suara Aril masuk menyeludup ke kuping Ayu dan Ayu seakan terpesoana dengan suara itu terus memandang wajah orang yang menyebut namanya dengan selembut suara itu. Dan bila anak matanya meratah wajah putih bersih milik Aril seakan ada rasa sebak mengitari hati perempuannya. Apakah semua ini. Ayu kurang pasti.

"Ada benda yang Aril nak Ayu tahu..,." Aril terus bersuara bila melihat Ayu seakan tenganga.

"Debuk!" sepantas kilat dirasakan Ayu seolah ada beban batu berat menghempap hatinya. Dan jantungnya tiba-tiba dipalu dengan serancak debaran. Seolah mengerti apa maksud bicara Aril. Seolah tahu apa yang hendak disampaikan oleh Aril. Tapi mengapa mesti hari ini. saat diri ini masihperlu akan kasih sayang dari seorang tunang yang dicintai sepenuh hati. Tapi tunggu dulu. Mungkin ada perkara lain yang hendak disampaikannya. Jangan cepat membuat spekulasi. Ayu membentangkan kekuatan buat sekecil hatinya. Memberi sedikit ruang buatnya bernafas lega.

"Aril pertama sekali nak minta maaf.. tak kira lah secara sengaja mahupun sebaliknya.

Dari hujung rambut sampai hujung kaki. Aril benar-benar minta maaf. Aril harap Ayu tidak simpan dalam hati," Aril memulakan ucapan nya dengan memohon kemaafan namun jauh disudut hati masih ada rasa gusar yang menganggu gugat kedamaian jiwanya.

"Tak apa lah Aril. Ayu maafkan. Ayu tak pernah simpan dalam hati pun. Sepatutnya Ayu lah yang harus memohon maaf kalau Aril merasa bersalah pasal petang tadi. Maaf kalau Ayu mencurigai kesetiaan Aril," balas Ayu sambil menikam anak mata Aril dengan segenap pandangan yang dirasakan semakin sayu. Perasaan apakah ini. mengapa aku pula yang nak minta maaf sedangkan aku belum dapat kepastian tentang hubungan nya dengan perempuan yang mak jumpa semalam. Apakah aku akan selalu sedia memaafkan kesilapan Aril hanya kerana sekeping cinta. Mengapa aku lemah kerana cinta padanya... Ayu sedar kerunsingan semakin berani menular untuk melumpuhkan akal fikirannya.

"Tak..tak Ayu tak pernah buat salah pun. Ayu memang wanita yang terpilih untuk mengisi ruang hati Aril. Ayu sudah menepati 99% ciri-ciri wanita pilihan Aril. Tinggal 1% lagi kerna Ayu belum kahwin dengan Aril," Aril pula menumpahkan seteguh keyakinan buat Ayu agar tidak melihat dirinya rendah untuk berdiri dimata Aril.

Ayu yang mendengar pengakuan Aril terlopong seketika. Apakah malam ini Aril akan melamarnya untuk menjadikan suri hidupnya. Tapi kenapa mesti meminta maaf. Kenapa tidak melamarnya sebelum keluar makan. Kan bagus depan mak dan abah. Kenapa mesti di sini ditempat tidak ramai orang yang mendengar berita yang boleh menggembirakan hatinya. Apakah Aril melihat tempat ini sebuah tempat yang paling romantis untuk melamarnya menjadi seorang isteri. Kalau dilihat tempat ini dengan bersungguh-sunguh tempat ini bukan sesuai untuk dijadikan saksi ketika sesi pelamaran berlaku tapi tempat ini lebih sesuai untuk orang-orang yang putus cinta. Kan tak ramai orang jadi boleh lah nangis sepuas-puasnya. Hah!!! Putus? Apakah Aril hendak memutuskan hubungan ini. apakah aku yang akan menangis? Tidak ..dan tiba-tiba kolam mata Ayu terasa seakan mahu pecah. Tahan dan tahan... namun gagal mutiara jernih yang tadinya Cuma bermain ditubir mata kini sudah mengalir hangat dan turun membasahi pipi. Memang benar dia yang akan menangis dan telah pun menangis.

Aril yang sedari tadi bisu kini membuat mimik muka terkejut apa tidak nya belum lagi diberitahu hal yang sebenar Ayu sudah menangis sedih. Apakah Ayu sudah dapat menebak apa yang ada dikamar hati ini. apakah dia tidak bersedia. Mana nak sedia..dalam keadaan yang mengejut seperti ini. kalau aku pun. Aku terkejut tak pun lenyap terus! Tapi ini benar-benar pelik. Aku belum beritahu lagi tapi dia sudah awal menangis. Aku tahu ini bukan tangisan minta simpati tapi yang sedang aku lihat ini adalah air mata sedih. Aw maafkan Aril. Aril terpaksa...

Malam ini adalah malam bisu sedunia bagi mereka berdua. seolah mereka sedang berbicara melalui hati. Tidak pernah mereka melalui malam yang paling sepi itu berdua. Tapi melihat Ayu yang semakin asyik melayan tangisnya membuatkan Aril serba tidak kena. Rasa bersalah yang paling banyak bersarang didalam hatinya tapi dia tidak mampu berbuat apa-apa. Dia juga turut merasa sebak melihat sejernih air mata Ayu yang menitis kepipi. Aril menyapu air mata yang bergayut ditubir mata sepet Ayu dengan jari nya. Di lurutnya dengan lembut seraya berkata.

"Ayu maafkan Aril... Aril memang cintakan Ayu tapi Aril terpaksa buat satu keputusun bahawa hubungan kita tidak dapat diteruskan lagi"

Hancur luluh hati Ayu mendengar penjelasan tergempar Aril. Sah dia tidak salah dengar.

Jaraknya dengan Aril bukan bukan lima puluh batu tetapi terlalu dekat tak sampai pun lima inci. Memang Aril yang mengucapkannya. Bukan orang lain. Bukan jua khayalannya. Ayu tidak lagi mampu menyembunyikan tangisannya. Tangisan ini bukan tangisan meminta simpati tapi ini tangisan sebuah kesedihan yang teramat sangat. Sedih dan tersangat sedih. Tidak disangka sama sekali kehilangan Aril selama dua minggu dan bertemu kembali pada petang tadi akan berakhir dengan babak setragis ini. air mata kesedihan pun turun laju bercucuran kepipi dan Aril yang terasa lemah melihat keadaan Ayu turut menitiskan air mata lelakinya. Akhirnya egonya sebagai seorang lelaki tumbang didepan perempuan yang teramat dicintainya. perempuan itu adalah tunangnya sendiri. Ooopz...tidak lagi tapi Cuma bekas tunang sahaja. Tidak lebih dan tidak akan pernah lebih dari itu. Tapi hati mana yang tidak hancur bila keputusan terpaksa dibuat tanpa persetujuan rasmi darinya apatah lagi hati Ayu tentu hancur lumat seperti daging cincang. Aril sendiri sedar dia telah melukakan hati perempuan yang dicintainya tapi terlajak kata tidak boleh diundur melainkan mengharup agar Ayu dapat menelan sepahit keyataan itu. Aril hanya mampu mendoakan kebahagiaan Ayu. Aril pasti perempuan sebaik dan secantik Ayu ini tetap ramai jejaka lain yang berkehendak. Meskipun berat rasa hati bukan saja berat malahan tidak hendak untuk melepaskan Ayu tetapi Aril terpaksa. Terpaksa...

"Ayu..kini antara kita sudah tidak adaapa-apalagi. Tapi saya harap kita masih dapat saling berkawan. Kalau boleh tidak ada bencrantarakita. Sekali lagi saya ingin memohon maaf. Tapi kalau Ayu tidak dapat maafkan. Saya redha..kerana saya yang membuat keputusan ini. saya akan terima segalanya," hilang sudah nama Aril Cuma digantikan dengan saya. Memang terlalu formal seperti bicara dengan seorang kawan baru lagaknya.

Ayu masih diam tetap tidak bersuara walau sepatah pun. Ayu tidak tahu hendak bercakap apa. Seolah-seolah Ayu seorang pesalah yang malu untuk mengakui kesalahannya. Ayu bingung. Ayu sedih. Ayu pilu. semua macam perisa yang Ayu rasakan malam itu. Apa yang penting Ayu tidak akan bersuara untuk merayu dan Ayu seakan tidak peraaya orang yang duduk dihadapannya itu adalah Aril, tunangnya. Tidak..bukan tunang tapi bekas tunang. Ah kalau boleh rasanya hendak diputar kembali waktu yang telah berlalu ini. sepatutnya dia tidak mahu berjumpa dengan Aril malam ini.

Biar lah berjumpa pada hari lain biar sampai Ayu bersedia untuk mendengar keputusan muktamad meskipun sebenarnya Ayu tidak pernah akan bersedia. Ataukah sebenarnya kalau malam ini mereka tidak berjumpa, Aril tidak akan memutuskan hubungan ini. apakah Aril benar-benar terasa hati. Sungguh beratkah kesalahan yang Ayu lakukan sampai kan Aril membuat keputusan diluar jangkaan ini. Sama sekali Ayu tidak pernah terfikir sejauh ini. tidak pernah. Mungkin Ayu terlalu memberikan kepercayaan terhadap kesetiaan Aril yang tidak pernah teruji sedangkan hakikat sebenarnya Aril kini sedang mempersembahkan dirinya dengan secetik-cetik kesetiaan. Ah! Betapa sukar hendak dipercaya bahawa malam ini akan tinggal sebagai sejarah buat Ayu dan Aril. Malam 6th April 2007.

Sesungguhnya Ayu hanya mampu menangisi nasibnya. Menangis dan terus menangis dia tidak mahu nanti kepulangannya akan disambut dengan sejuta macam soalan yang tidak mampu untuk Ayu jawab. Ayu menghabiskan malamnya dengan air mata. Mungkin inilah pertama dan terakhir kalinya Ayu menangis di depan Aril. Mungkin! Kerna selepas ini entah bila hendak berjumpa lagi. Entah siapa pula akan berdiri menggantikan tempatnya nanti. Bukan saja dimata Aril malahan juga dihatinya. Apakah Ayu akan tersingkir habis dari hidup Aril seperti keluarnyapelajar Akedemi Fantasia. Atau mungkin kah Ayu berpeluang akan memiliki Aril kembali seandainya Ayu mampu meraih semula cinta Aril dan menjadi juara dihatinya seperti Mawi yang diserap masuk kembali kedalam konsert Akedemi Fantasiayang akhirnya membawa kejuaraan buatnya. Mungkinkah Ayu kan seperti Mawi. Ya Allah berikan lah aku kekuatan-Mu sesungguhnya kau jua yang Maha Mengetahui akan apayangterjadi ini. Ayu berdoa didalam hati bersama linangan air mata yang bisu sama bisu sepertinya kerna yang mampu bercakap ketika itu hanya hatinya. Ah sakit benar perasaan ini tiada mampu diucap dengan lidah. Apatah lagi bila mengenangkan banyak waktu yang telah diisikan bersama Aril. Esok akan adakah hari-hari yang pernah dilalui itu. Mungkin dengan lelaki lain? Ah tidak mungkin. aku bukan perempuan yang sesuka hati menukar cinta. Cinta bukan plaster pembalut luka. Mula-mula pakai satu. Lepas itu pakai satu lagi kerna luka lama belum berhenti. Ah tidak!!! Aku benar-benar menyayangi lelaki disamping ku ini. aku yakin ini bukan perasaan ku semata-mata.

"Ayu..." setelah lama membiarkan Ayu melayan perasaan sedihnya Aril bersuara memanggil sayu nama seoramg perempuan yang amat dicintainya.

"lepas ni..lepas apayangte{adi ini Ayu jangan lah buat perkara yarug tidak senonoh jangan buat perkara bodoh yang boleh membinasakan cita-cita Ayu. Masa masih terlalu panjang. Kalau ada jodoh yang kuat mungkin kita akan bersama kembali," Aril seakan menebarkan sebuah harapan yang belum pasti lagi.

Dan Ayu pula masih tertunduk lesu tidak mahu menatap wajah yang tampan itu. Itu bukan miliknya lagi. Itu mungkin akan jadi milik seorang wanita yang belum diketahui lagi.tunggu saja biar mas a yang menjawab segalanya. seandainya benar Aril cinta akan dirinya tidak mungkin Aril memutuskan perfunangan ini. tapi tidak apalah mungkin perpisahan ini sekadar untuk menguji kekuatan cinta nya. Andai sebenarnya Aril cinta akan diri ini Aril tidak akan mencari pengganti dan melupakanku dengan secepatnya. Tapi bagaimana kalau Aril cari wanita lain seba gai cara untuk melupakan aku. Ah tidak sanggup rasanya membayangkan drama yang belum dipertontonkan itu. Seandainya benar. Maka hancur berkecailah hati ini hancur berderai jadi seperhihan halus. Sakitnya nanti tidak tahu hendak dirawat dengan apa. Hendak cari ubat dimana. Apa yang penting dia cuma ada satu iaitu Tuhan yang Maha Pengasih lagi Maha Penyayang. Mungkin selama ini cintanya terhadap Maha pencipta masih belum teguh sehingga dia diuji sebegini.

Ah biarlah esok yang menentukan segalanya. Biar esok yang menjawab segala kekusutan ini. semoga perpisahan ini Aril akan bahagia dengan hidupnya. Biarlah Ayu tidak tahu akan sebab mengapa Aril tega untuk memutuskan hubungan ini. biarlah perpisahan ini dilabelkan dengan perpisahan misteri. Biarpun ada ruang untuk bertanya Ayu tidak akan meringankan lidahnya yang tidak berfulang itu untuk membantu mulutnya supaya mengeluarkan suara dan bertanya akan apakah sebab musababnya. Biarlah... seandainya Aril bahagia dengan semua ini Ayu redha. Untuk kebahagiaan Aril apa salahnya berkorban. bukan kah cinta itu sering menagih pengorbanan? Meskipun pengorbanan itu sendiri membuatkan dia merasa bahawa dia adalah korban dalam sesuci percintaan itu dan yang pastinya pengorbanan itu tidak akan pernah mendatangkan sebuah makna andainya tidak pernah dihargai. Tahukah Aril untuk menghargai pengorbanan ini. mungkin ya mungkin jua tidak. Biarlah hari esok yang mendatang merungkai segalanya. Ayu tidak mampu unfuk meneka kerana esok masih belum menampakkan sinarnya. Biarlah esok yang menjawab segala persoalan itu dan apa yang penting seandainya Aril akan berkahwin dengan orang lain dalam masa yangterdekat ini Ayu be{anji dengan dirinya sendiri tidak akan menghadiri majlis yangpenuh keramat itu. Tidak akan Ayu hadiri selagi cinta masih untuk seorang lelaki yang bernama Aril itu. Cuma sekalung doa Ayu kirimkan semoga perkahwinannya nanti itu akan kekal bahagia hingga keakhir hayat. Ayu tidak menyalahkan Aril atas apayang telah terjadi kerana Ayu redha dengan ketentuan Illahi. Mungkin jua Aril ada sebab yang tersendiri mengapa semua ini terjadi.

Aril tidak mampu untuk menyatakan kenyataan bahawa dia akan menjadi tunangan orang. Bukan orang sebenarnya, tetapi keluarganya sendiri iaitu Wena. Nurin Jalina Bte Hj. Marsud, iaitu anak bongsu kepada adik ibunya. Wena baru saja balik dari luar Negara

setelah dua tahun bertungkus lumus untuk mencapai cita-citanya didalam bidang architecture. Aril memang rapat dengan sepupunyayang satu itu kerana Wena adalah satu-satunya sepupu perempuan Aril yang lain semuanya lelaki. Tapi tidak pula disangka bahawa Wena yang satu itu akan menjadi isterinya. Sehingga Aril benar-benar tidak sanggup untuk menyatakan kebenaran itu kepada Ayu. Tindakkan memutuskan hubungan pertunangan itu sudah terlalu amat melukakan hati orang yang amat dicintainya apatah lagi kalau dia memberitahu Ayu bahawa dia akan dikahwinkan dengan orang lain. Orang yang tidak pernah dicintainya. Yang tidak pernah datang dalam mimpinya untuk dijadikan suri dalam hidupnya. Tapi yang paling tepat Aril sebenarnya malu untuk menyatakan kenyataan itu kerana itu menunjukkan bahawa dia adalah seorang lelaki yang tidak mempunyai pendirian hidup sendiri. Segala keputusan masih juga di tentukan oleh orang tua walaupun dia sudah layak untuk membentuk sendiri corak hidupnya. Tetapi Aril yakin samaada awal atau akhir Ayu pasti akan tahu jua. Entah bagaimana rasa sakit hati Ayu yang terpaksa dirawat sendiri olehnya. Aril juga tidak tahu apayang akan dijawab nanti bila Aril datang kerumah Ayu untuk menyatakan hasrat untuk mengakhiri hubungannya dengan Ayu.Aril tidak dapat membayangkannya kerana Aril tidak pernah merasakannya. Sudah berkali-kali Aril membantah keputusan ibunya yang dianggapnya sudah ketelaluan benar itu. Sebab itulah dia tidak mahu berjumpa jauh sekali untuk menghubungi Ayu sejak dua minggu yang lalu. Bukan tidak mahu sebenarnya tapi dia tidak mahu Ayu dapat menghidu akan keremukkan hati dan jiwanya. Hatinya benar-benar galau memikirkan hari perkahwinannya yang akan berlangsung kurang dari dua bulan ini. ketika ibu Ayu melihat Aril keluar dengan Wena itupun adalah untuk membeli barang hantaran. Aril kini tidak mampu menghalang keputusan ibunya yang berkeras untuk mengahwininya dengan Wena. Kalau boleh Aril tidak mahu kehilangan kedua-duanya. Dia masih mahu ibunya dan dalam masa yang sama dia juga mahu hidup bersama orang yang amat dicintainya iaitu Nur Arissa Ayuni. tapi itu Cuma kalau, kerana segalanya telah hancur ditangan ibunya. Hancur!

Apapun Aril tidak pula sanggup untuk menderhaka kepada ibunya. Dia tahu Ayu menderita tapi tanpa Ayu sedari Aril juga menanggung penderitaan yang teramat dalam. Tidak mampu dibayangkan hidupnya nanti bersama orang yang tidak pernah dicintainya itu. Namun Aril sudah tidak mampu untuk memikirkan sebarang jalan untuk membatalkan perkahwinannya. Mungkin jodohnya dengan Ayu. Cuma setakat tiga tahun sahaja. Tidak lebih dari itu. Walaupun terlalu sedih tetapi Aril terpaksa. Ya terpaksa itulah perkataan yang amat sesuai. Cuma jauh disudut hati Aril berharap agar nanti perkahwinan yang dirancang oleh orang tuanya itu biarlah sentiasa bahagia dan kekal hingga keakhir hayat dan semoga Ayu yang amat dicintainya itu akan bertemu kebahagiaan dengan lelaki yang tahu mencintai dirinya. Aril juga sama seperti Ayu yang menyerahkan apa yang terjadi ini pada hari esok. Dia juga belum tahu apa yang terjadi pada esok hari kerana asok belum lagi menampakkan sinarnya.




# ڤرجالنن منوجو كڤوليهن

واهي قوم مسلمين يڠ درحمتي الله،

ماريله كيت منيڠكتكن كتقوأن كيت كڤد الله سبحانه وتعالى دڠن ڤنوه كيقينن دان كإخلاصن دڠن ملاكوكن سكل سوروهنڽ دان منيڠݢلكن سكل لاراڠنڽ. مدهمداهن كيت منجادي إنسان يڠ برإيمان دان برتقوى سرت سلامة ددنيا دان سلامة دآخرة.

مسلمين يڠ درحمتي الله،

سسڠݢوهڽ الله سبحانه وتعالى منجيڤتاكن مأنسي اين دڠن سبايك٢ كجادين دڠن مڠورنياكن عقل دان ڤيكيران سڤاي داڤة منجالني كهيدوڤن ددنيا اين دڠن سمڤرنا دان تراتور. إسلام أمة منيتيقبرتكن ڤنجݢاأن عقل يڠ مروڤاكن أنكره الله سبحانه وتعالى يڠ تيدق بوله دڤرسيا٢كن. عقل ڤرلو دسوبوركن دڠن علم ڤڠتهوان. تتاڤي عقل يڠ دإيسي دڠن علم ڤڠتهوان سهاج تيدق منجوكوڤي تنڤا دڤندو دڠن كتقوأن، كران كتقوأن سهاج يڠ داڤة مڠهالڠ مأنسي دري مڽالهݢوناكن علم يڠ اد ڤداڽ كجالن يڠ ممباوا كبينسأن.

دالم إسلام، ڤرانن عقل ايت ساڠة ڤنتيڠ، كران ايتله إسلام مڠحرامكن سكل ڤركارا يڠ بوله مڠݢڠݢو اتو مروسقكن فوڠسي عقل. اين ترماسوقله مينوم أرق دان سكل بندا يڠ ممابوقكن.

سلاين درڤد مينوم أرق، مڽالهݢوناكن داده جوݢ بوله مروسقكن عقل ڤيكيران بهكن بوله ممباوا موت. ڤرلو دفهمي بهوا ستياڤ يڠ ممابوقكن ايت اداله حرام، اوله كران ڤڽالهݢوناأن داده ايت جوݢ ممابوقكن دان مڠخياليكن، مك حكومڽ جوݢ حرام ساملاه سڤرت ارق. رسول الله صلى الله عليه وسلم برسبدا دالم سبواه حديث:

**عَنِ ابْنِ عُمَرَ رَضِيَ اللهُ عَنْهُمَا، أَنَّ رَسُولَ اللهِ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ: كُلُّ مُسْكِرٍ خَمْرٌ وَكُلُّ مُسْكِرٍ حَرَامٌ**

**{ رواه الإمام مسلم }**

**مقصودڽ:**

**دري ابن عمر رضى الله عنهما، سسڠݢوهڽ رسول الله صلى الله عليه وسلم برسبدا: سموا يڠ مماتبوقكن ايت اداله ترماسوق دالم أرتي كات أرق دان سموا يڠ مماتبوقكن ايت اداله حرام.**

مسلمين يڠ درحمتي الله،

اڤ يڠ مندوكاچيتاكن، ترداڤة سكلينتير اورڠ دڠن سڠهاج مڽالهݢوناكن داده. ڤركارا اين تيدق سڤاتوتڽ برلاكو دزمان يڠ سرب ماجو اين، كران معلومات تنتڠ كبوروقن دان كمضراتن ڤڽالهݢوناأن داده سوده دسيبركن ( دور٢كن ) اوله ڤيهق بركواس ملالوي ميديا مسسا، ملالوي چرامه، تعليمات، چراياوارا دان سأومڤامڽ سباݢي لڠكه ڤنچݢاهن.

كتهويله بهوا ڤڽالهݢوناأن داده بوله مڽببكن اورڠ يڠ ملاكوكنڽ ايت لوڤ ديري، لوڤ أݢام دان لوڤ دنيا كران اي ممبري كسن بوروق كڤد عقل، ملمهكن ڤيكيران دان كچردسن، مڠعقيبتكن ڤڽاكيت أورت سارف سرت بوله مڠݢڠݢو كصيحتن مينتل دان ڤيزيكل. مك جلس بهوا مڽالهݢوناكن داده اين اداله ڤربواتن سڠاج منجمڤقكن ديري كدالم كبينسأن.

**ڤرمان الله سبحانه وتعالى دالم سورة البقرة أية ١٩٥ :**

**تفسيرڽ:**

**دان جاڠنله كامو سڠاج منجمڤقكن ديري كامو دڠن تاڠن كامو سنديري كدالم بهاي كبينسأن. دان بربوات بإيكله كامو كران سسڠݢوهڽ الله مڠاسيهي اورڠ٢ يڠ بربوات كبإيكن.**

ڤڽالهݢوناأن داده جوݢ بوله مڠعقيبتكن منيڠكتڽ ڤرلاكوان جنايه دالم مشاركة سڤرت منچوري، مرومڤق، ڤرس أوكوت، منچدراكن اورڠلاين دان ممبونه. اوله يڠ دمكين، جلسله بهوا كتاݢيهن داده بوله ممباوا كڤد مسأله مينتل يڠ مڠعقيبتكن ڤناݢيه هيلڠ كسإيمبڠن دان كأوڤيأن انتوق برڤيكير سچارا نورمل.

مسلمين يڠ درحمتي الله،

كراجأن تله ممبلنجاكن باڽق واڠ انتوق مناڠني كچلا داده ترماسوق ڤيدياأن ڤوسة رواتن دان ڤموليهن يإيت ڤوسة الإصلاح باݢي ممبنتو مموليهكن ڤناݢيه٢ داده دان جوݢ فرخدماتن سكيم ڤڠاواسن باݢي ڤمنتاون كأتس ڤڠݢونا٢ داده. ڤلباݢي ڤندكتن ڤموليهن دان جوݢ ڤروݢرم٢ دسدياكن كڤد مريك باݢي ممبنتو دان منچوكوڤكن قائده٢ كڤد مريك انتوق مڠهيندركن ديري دري تروس بركنتوڠ كڤد اكتيبيتي مڽالهݢوناكن داده. دالم ڤروسيس منوجو كڤوليهن، ڤلباݢي أسڤيق ڤرلو دبريكن ڤرهاتين دأنتاراڽ مموڤوق كيقينن دان جاتي ديري سرت هالا توجو دان كوميتمن انتوق ممبوات ڤروباهن كأره كهيدوڤن يڠ ڤوسيتيف.

تنڤا اداڽ دوروڠن كلوارݢ اتو مشاركة، مريك اكن راس ترڤيڠݢير كران ميمڠ ددالم ڤميكيران، مريك تيدق لاݢي دتريما اوله كلوارݢ اڤته لاݢي مشاركة. باݢي ديري سي ڤناݢيه داده ڤول، ڤروسيس ڤموليهن بوكنله سوات ڤركارا يڠ بوله دڤندڠ ريڠن. باڽق دوݢأن دان چابران يڠ اكن دهادڤي دسڤنجڠ تيمڤوه ڤموليهن دالم كومونيتي سڤرت ڤڠاروه دان أجقن دري كاون٢ يڠ تيدق جمو٢ انتوق ممباوا برݢيات كمبالي دالم ڤناݢيهن داده.

الحمدلله، ترداڤة جوݢ ڤيهق٢ ترتنتو، ترماسوقله دري سيكتور عوام دان سواستا يڠ ممبريكن سوكوڠن دان كڤرچياأن ترهادڤ مريك يڠ ماسيه ددالم ڤروسيس ڤموليهن اين دڠن ممبريكن مريك ڤكرجأن يڠ برسسواين تنڤا مڠيرا لاتر بلاكڠ مريك، دسمڤيڠ ايت جوݢ ممبنتو ممبريكن سماڠة كڤوليهن دان موتيباسي أݢر مريك داڤة منروسكن كهيدوڤن يڠ لبه سمڤرنا.

سباݢي بكس ڤناݢيه داده يڠ تله ڤوليه دان دبريكن ڤلواڠ دان كڤرچياأن ترسبوت، مريك هندقله مڠݢوناكنڽ دڠن سبايك٢ڽ دان سچارا برتروسن مڠعملكن چارا هيدوڤ يڠ صيحة دان تيدق بركنتوڠ دڠن هاڽ منداڤتكن ڤرتولوڠن اورڠ. مريك هندقله برديكاري انتوق منداڤتكن رزقي يڠ حلال دان دريضاي الله سبحانه وتعالى.

مسلمين يڠ درحمتي الله،

برسمڤنا دڠن سمبوتن هاري أنتارابڠسا منتڠ ڤڽالهݢوناأن داده دان ڤڠيدران داده حرام ڤد تاهون اين يڠ برتيماكن **"ڤرجالنن منوجو كڤوليهن"**، ماريله سام٢ كيت ممبيبسكن ديري كيت، كلوارݢ دان مشاركة دري دڤڠاروهي اوله داده أݢر كهيدوڤن لبه هرموني دان سجهترا. دالم اوسها ممبنترس كچالا اين، ماريله كيت دسموا ڤريڠكة مشاركة سام٢ منيڠكتكن كوميتمن، كسڠݢوهن دان كڤرچياأن سڤنوهڽ دمي منچاڤاي أوبجيكتيف منجاني إيسو ڤڽالهݢوناأن داده دنݢارا بروني دارالسلام. اڤ يڠ لبه ڤنتيڠ اياله دڠن ممڤركتيككن دان مڠعملكن أجارن اسلام يڠ سبنر يإيت منطاعتي ڤرينته دان حكوم الله سبحانه وتعالى سرت منجاوهي سكل لاراڠنڽ. كيت سموا جوݢ هندقله مڠعملكن

**" أمر معروف نهي منكر"** يإيت مڽوروه بربوات كبايكن دان تيدق جامه مات انتوق منݢور دان منچݢه ڤربواتن منكر يڠ برلاكو دهادڤن مات كيت سنديري.

أخيرڽ سام٢له كيت بردعاء سموݢ رعية دان ڤندودوق نݢارا اين اكن سلامة دان ترهيندر دري بهيا داده دان اڤ جوݢ ڤركارا يڠ دحرامكن اوله الله سبحانه وتعالى. آمين يا رب العالمين.

**{ سورة التوبة أية : ٧١ }**

**تفسيرڽ:**

**دان اورڠ٢ مؤمن، لاكي٢ دان ڤرمڤوان، سبهاݢين درڤد مريك ايت منجادي ڤنولوڠ كڤد سبهاݢين يڠ لاين. مريك مڽوروه بربوات يڠ معروف دان ملارڠ درڤد يڠ منكر.**

# Berangkat ke Hafl Al-Takharruj Ke-5 UNISSA

Oleh : Aimi Sani, Hajah Norizan Mahal
Foto : Mohamad Azmi Awang Damit, Haji Ariffin Mohd. Noor, Hernie Suliana Haji Othman, Azmah Haji Ahad



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, Canselor Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA) berkenan mengurniakan Ijazah Doktor Falsafah kepada seorang graduan UNISSA.





KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, Canselor UNISSA berkenan mengurniakan Ijazah Doktor Falsafah kepada seorang graduan (kanan) dan mengurniakan Ijazah Sarjana kepada seorang graduan (kiri), sementara gambar atas kanan, baginda berkenan berangkat ke Majlis Hafl Al-Takharruj Ke-5 UNISSA.



**BANDAR SERI BEGAWAN**, Sabtu, 17 Oktober. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, Canselor Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA) berkenan berangkat ke Majlis Hafl Al-Takharruj Ke-5 UNISSA.

Keberangkatan tiba Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam di Pusat Persidangan Antarabangsa, Berakas dijunjung oleh Menteri Pendidikan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Kerna Dato Seri Setia (Dr.) Haji Awang Abu Bakar bin Haji Apong; Rektor UNISSA, Dr. Haji Norarfan bin Haji Zainal dan Pemangku Pendaftar UNISSA, Dayang Hajah Surianah binti Haji Alias.

Pada majlis itu, Kebawah Duli Yang Maha Mulia berkenan mengurniakan titah dan seterusnya titah kuasa Canselor bagi pengurniaan Ijazah Doktor Falsafah, Ijazah Sarjana, Ijazah Sarjana Muda dan Diploma disusuli dengan laungan takbir 'Allahuakbar' sebagai tanda bermulanya pengurniaan Ijazah.

Kebawah DYMM seterusnya menyempurnakan pengurniaan ijazah kepada seramai 120 graduan UNISSA yang terdiri dari empat orang graduan yang menerima Ijazah Doktor Falsafah, 43 graduan Ijazah Sarjana, 47 graduan Ijazah Sarjana Muda dan 26 graduan menerima Diploma.

Terdahulu, sejurus keberangkatan tiba, Lagu Kebangsaan 'Allah Peliharakan Sultan' dinyanyikan, diikuti dengan bacaan ayat-ayat suci Al-Qur'an, Surah Az-Zumar ayat 22 hingga 28 dibacakan oleh Graduan Program Sarjana Muda Syariah (Fiqh dan Usul), Awang Muhammad Amaluddin bin Jamaluddin.

Bacaan Al-Hadith disampaikan oleh Graduan Program Sarjana Muda Usuluddin (Aqidah dan Dakwah), Awang Abdul Azim bin Haji Abdul Mutalif, sementara inti sari ayat-ayat suci Al-Qur'an berserta Al-Hadith disampaikan oleh graduan Program Sarjana Muda Pengurusan Perniagaan, Awangku Hafis bin Pengiran Damit.

Majlis diteruskan dengan sembah alu-aluan dari Rektor UNISSA, Dr. Haji Norarfan bin Haji Zainal, selaku Pengerusi majlis.

Setelah menjunjung perkenan Kebawah DYMM, Rektor UNISSA seterusnya memaklumkan penerima-penerima pingat dan hadiah buku universiti seperti disenaraikan dalam buku penerima-penerima pingat dan hadiah buku universiti serta penyumbang-penyumbang sempena Hafl Al-Takharruj Ke-5, UNISSA.

Bagi memberkati majlis, doa selamat dibacakan oleh Mufti Kerajaan, Yang Berhormat Pehin Datu Seri Maharaja Dato Paduka Seri Setia (Dr.) Ustaz Haji Awang Abdul Aziz bin Juned.

Sebelum berangkat meninggalkan majlis, baginda dijunjung menyertai sesi bergambar ramai bersama ahli-ahli Majlis UNISSA, jemputan-jemputan luar negara, pegawai-pegawai utama universiti serta bersama lepasan graduan Hafl Al-Takharruj Ke-5 UNISSA sebelum berkenan menerima junjung ziarah.

## Utamakan faktor *marketability*

Dari muka 1

Kebawah Duli Yang Maha Mulia gembira pada mengetahui, pada masa ini UNISSA telah mula menjadi tarikan kepada pelajar-pelajar antarabangsa, khususnya dari rantau Asia Tenggara.

UNISSA, titah baginda, dipilih sebagai destinasi untuk mengikuti pengajian Islam dan bahasa Arab, sama ada program jangka pendek mahupun jangka panjang di mana ini adalah ciri dari kehebatan UNISSA.

Kebawah DYMM juga mengambil kesempatan mengucapkan setinggi-tinggi tahniah di atas kejayaan para graduan dan juga setinggi-tinggi penghargaan kepada para ibu bapa dan penjaga atas sokongan dan pengorbanan mereka sehingga membawa kejayaan kepada para graduan termasuk semua warga UNISSA, yang merangkumi ahli-ahli Majlis, Senat Universiti, Rektor, Pegawai-pegawai Utama, ahli-ahli akademik dan seluruh pegawai serta kakitangan universiti di atas segala sumbangan dan khidmat bakti mereka.

"Semoga usaha yang murni ini sentiasa diberkati oleh Allah Subhanahu Wata'ala dan mendapat rahmat daripada-Nya. Amin," titah baginda.





ANTARA 120 graduan yang berjaya menamatkan pengajian dalam pelbagai jurusan, gembira dengan ijazah masing-masing pada Majlis Hafl Al-Takharruj Ke-5 UNISSA (kiri), sementara gambar kanan, para graduan berbaris untuk menerima ijazah masing-masing di majlis tersebut.



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, Canselor UNISSA berkenan bergambar ramai bersama ahli-ahli Senat dan tetamu-tetamu dari universiti luar negara sempena Majlis Hafl Al-Takharruj Ke-5 UNISSA.





KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia berkenan berkongsi kegembiraan bersama para graduan UNISSA dengan berkenan bergambar kenangan (kiri), sementara gambar kanan, baginda berkenan beramah mesra bersama tetamu yang hadir dari universiti luar negara pada Majlis Hafl Al-Takharruj Ke-5 UNISSA.







AHLI-AHLI Majlis UNISSA, jemputan-jemputan luar negara, pegawai-pegawai utama universiti (kiri), para jemputan khas dan keluarga para graduan (tengah dan kanan) hadir bagi menyaksikan upacara bersejarah Majlis Hafl Al-Takharruj Ke-5 UNISSA dengan penuh kegembiraan.



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, Canselor Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA) berkenan bergambar ramai bersama graduan-graduan Hafl Al-Takharruj Ke-5 UNISSA.

# UNISSA terus memperkasa penggunaan Bahasa Al-Qur'an

**Oleh : Aimi Sani**
**Foto : Mohamad Azmi Awang Damit, Haji Ariffin Mohd. Noor, Hernie Suliana Haji Othman, Azmah Haji Ahad**

**BANDAR SERI BEGAWAN,** Sabtu, 17 Oktober. - Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA) sebagai sebuah institusi pengajian tinggi yang menggunakan bahasa Arab sebagai bahasa pengantarnya akan terus berusaha memperkukuh, memperkasa penguasaan dan penggunaan Bahasa Al-Qur'an dalam kalangan warganya khususnya pelajar UNISSA.

Ke arah itu, jelas Rektor UNISSA, Dr. Haji Norarfan bin Haji Zainal, UNISSA menerusi Fakulti Bahasa Arab dan Tamadun Islam telah menghantar empat orang pelajar siswazahnya ke Kolej Sultan Qaboos, Kesultanan Oman selama dua bulan pada bulan Februari lalu dengan sokongan padu dari Kesultanan Oman yang mana penempatan kursus ini akan dilaksanakan secara berterusan semata-mata bertujuan untuk meningkatkan penguasaan bahasa Arab, selain menambah pengalaman berkomunikasi dengan masyarakat setempat di sana.

Dalam sembah alu-aluan pada Majlis Hafl Al-Takharruj Ke-5 UNISSA yang berlangsung di Pusat Persidangan Antarabangsa, Berakas, Dr. Haji Norarfan menambah, seiring dengan usaha UNISSA untuk terus berkembang, membangun dan memenuhi keperluan dan prospek perkembangan semasa negara dan global, beberapa program akademik baru telah diperkenalkan.

"Disembahkan bermula sesi pengajian 2015/2016, Fakulti Syari'ah dan Undang-Undang telah mula menawarkan Ijazah Doktor Falsafah (Ph.D) Undang-Undang, di samping program Sijil Sistem Keadilan Jenayah Syari'ah yang mendapat sambutan dari para pengamal undang-undang di negara ini di mana kedua-dua program ini adalah sebagai pemangkin ke arah memantapkan lagi usaha negara dalam pelaksanaan Perintah Kanun Hukuman Jenayah Syari'ah 2013," ujarnya.

Keiltizaman UNISSA dalam mendukung pelaksanaan perintah ini, tambahnya, diserlahkan dengan pengiktirafan ke atas kelulusan Program Dwi-Ijazah iaitu Sarjana Muda Undang-Undang (LL.B) dan Sarjana Muda Syariah (BSL) yang ditawarkan UNISSA baru-baru ini.

"Demikian juga, mengikut Aturan-Aturan Mahkamah-Mahkamah Syariah (Peguam Syar'ie) 2002, Bab 10 menjelaskan bahawa kelulusan Sarjana Muda Syariah dari mana-mana universiti atau mana-mana institusi pengajian Islam yang diiktiraf oleh Kerajaan Negara Brunei Darussalam boleh diterima masuk menjadi peguam syar'ie. Ini membuka peluang pekerjaan yang amat luas untuk para graduan yang mengikuti program ini menjadi pengamal undang-undang sama ada dalam sektor-sektor kerajaan mahupun swasta dan korporat," terangnya.

Beliau turut menyembahkan bahawa Pusat Penyelidikan Mazhab Shafi'i, buat julung-julung kalinya menawarkan dua program pengajian lepas ijazah, iaitu Ijazah Sarjana Mazhab Shafi'i dan Ijazah Doktor Falsafah Mazhab Shafi'i bermula sesi pengajian 2015 / 2016.

Tawaran ini, jelasnya, adalah selaras dengan hasrat dan harapan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam untuk menjadikan pusat ini sebagai 'hub' rujukan, kajian dan penyelidikan yang bukan hanya terhad dalam mendalami pengajian Mazhab Shafi'i bahkan juga mazhab-mazhab berkepentingan demi memenuhi keperluan ummah khususnya di rantau sebelah sini yang menjadikan Mazhab Shafi'i sebagai pegangan dalam melaksanakan ibadah.

Menurut beliau, hubungan kerjasama ilmiah khususnya dalam konteks serantau juga dipertingkatkan, termasuk dalam hubungan kerjasama kesarjanaan yang memerlukan transformasi sejajar dengan strategi inovasi global, tanpa menjejaskan *core business* UNISSA sebagai universiti Islam tulen.



SEMBAH alu-aluan disembahkan oleh Rektor UNISSA, Dr. Haji Norarfan bin Haji Zainal selaku Pengerusi Majlis.

# Bertekad jadi graduan berkualiti

**Oleh : Aimi Sani**
**Foto: Haji Ariffin Mohd. Noor, Hernie Suliana Haji Othman**

**BANDAR SERI BEGAWAN,** Sabtu, 17 Oktober. - Kegembiraan jelas terbayang di wajah para graduan pada Majlis Hafl Al-Takharruj Ke-5 Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA) di Dewan Plenari Pusat Persidangan Antarabangsa, Berakas, apabila mereka dianugerahkan dengan Ijazah Doktor Falsafah, Ijazah Sarjana, Ijazah Sarjana Muda, Diploma Lepas Ijazah, Diploma Perundangan Islam dan Guaman Syar'ie serta Diploma Tertinggi Kebangsaan Dirasat Islamiyyah.

Dayangku Siti Nurhamizah Hibriyah binti Pengiran Haji Hamzah, 28 tahun, graduan Sarjana Usuluddin (Jurusan Dakwah) ketika ditemui berkata, dengan pengurniaan ijazah ini setentunya menguatkan lagi semangat beliau untuk melanjutkan pengajian ke peringkat seterusnya.

"Saya berharap agar kajian tesis berkaitan dengan dakwah yang saya buat akan dapat memberikan manfaat kepada para pengkaji serta para pembaca. Saya juga ingin menyarankan kepada semua graduan akan meneruskan perjuangan untuk melanjutkan lagi pelajaran mereka ke tahap seterusnya, selain menggunakan kepakaran yang dimiliki untuk berbakti kepada bangsa dan negara, di samping merealisasikan hasrat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam untuk menjadikan negara Brunei sebagai Negara Zikir," jelasnya.

Dayangku Siti Nurhamizah Hibriyah turut mengongsikan pengalaman pahit dan manis yang beliau tempuhi bersama rakan-rakan sepanjang pengajian dijalankan, iaitu seperti mendapatkan dapatan kajian dan membetulkan bahasa yang dikarang.

Dorongan keluarga, pensyarah-pensyarah dan rakan-rakan, terangnya, membuatkan semangat beliau untuk meneruskan pembelajaran itu semakin kuat dan tidak luput.

Beliau pada kesempatan ini mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan terima kasih kepada semua pensyarah-pensyarah UNISSA, Fakulti Usuluddin khususnya dalam menyampaikan pelajaran yang amat bermanfaat sepanjang pengajian.

Sementara itu, graduan jurusan Sarjana Muda Pengurusan Perniagaan, Dayang Norzafirah binti Haji Rafi, 23, berkata, beliau berharap untuk menjadi graduan yang berguna kepada bangsa, agama dan negara serta mendapat pekerjaan yang tetap agar dapat membantu kedua-dua ibu bapanya di masa depan.

Menurut beliau, pengalaman pembelajaran selama empat tahun yang ditempuhinya telah banyak mengorbankan masa dan tenaga demi untuk mendapat keputusan yang sangat baik diiringi dengan berkat dorongan dan sokongan yang sangat dihargai daripada kedua-dua ibu bapa, pensyarah-pensyarah UNISSA serta kawan-kawan seperjuangan.

Usaha yang gigih, tegasnya, amat diperlukan untuk menyiapkan buku tesis yang diwajibkan bagi setiap pelajar tahun akhir yang bakal menamatkan pengajian.

Beliau melahirkan rasa syukur kerana diberikan peluang oleh Kerajaan Kebawah DYMM untuk menuntut di UNISSA dalam menimba ilmu yang sangat berguna, bukan saja dari segi duniawi malahan ukhrawi.

Manakala bagi Awang Md. Zafri bin Haji Abdul Rashid, 24, graduan jurusan Sarjana Muda Syariah Fiqh dan Kehakiman pula berharap untuk menjadi seorang graduan yang berkualiti, selain menerapkan ilmu keagamaan dan pengajian Islam di dalam bidang Syariah, di samping menggunakan segala ilmu, kepakaran dan kepintaran beliau untuk terus menyumbangkan khidmat bakti kepada masyarakat dan Negara Brunei Darussalam.

"Saya juga berharap agar selepas ini, akan mendapat pekerjaan yang bersesuaian dengan bidang yang saya ceburi agar dapat menjadi contoh yang baik kepada masyarakat," tambahnya.

Pengalaman selama empat tahun menuntut ilmu di UNISSA, terangnya, mendidik beliau untuk menjadi seorang yang berdisiplin dan bertanggungjawab dalam setiap tugasan yang diberikan.



DAYANGKU Siti Nurhamizah Hibriyah binti Pengiran Haji Hamzah, graduan Sarjana Usuluddin (Jurusan Dakwah).



DAYANG Norazafirah binti Haji Rafi, graduan jurusan Sarjana Muda Jurusan Perniagaan.



AWANG Md. Zafri bin Haji Abdul Rashid, graduan jurusan Sarjana Muda Syariah Fiqh dan Kehakiman.

# Rondaan tidak temui perbuatan jenayah



RONDAAN Pengawasan Kejiranan yang dijalankan oleh Balai Polis Muara bersama Pengawasan Kejiranan Rancangan Perumahan Negara (RPN) Kampung Mentiri Kawasan 2.

**MUARA**, Jumaat, 16 Oktober. - Balai Polis Muara bersama Pengawasan Kejiranan Rancangan Perumahan Negara (RPN) Kampung Mentiri Kawasan 2 telah mengadakan rondaan pencegahan jenayah pada 13 Oktober lalu dan tidak menemukan perkara yang menyalahi undang-undang.

Terdahulu sebelum rondaan dijalankan, taklimat situasi jenayah diadakan di Rumah Ketua Kampung RPN Kampung Mentiri Kawasan 2, Pengiran Haji Ibrahim bin Pengiran Haji Hidop.

Rondaan tersebut melibatkan ahli Pengawasan Kejiranan seramai 13 orang dan dijalankan di kawasan jagaan Ketua Kampung RPN Mentiri Kawasan 2.

Hadir semasa rondaan tersebut ialah Pegawai Penguasa Balai Polis Muara, Ketua Inspektor Pengiran Khairul Anuar bin Pengiran Haji Salleh dan Penolong Pegawai Penguasa Balai Polis Muara, Inspektor Nuradiba binti Mohamad bersama anggota Balai Polis Muara.

Rondaan yang bermula pada pukul 11.50 malam itu selesai pada pukul 1.30 pagi.

# JSKLL giat usaha kurangkan kemalangan

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Jumaat, 16 Oktober. - Pasukan Polis Diraja Brunei (PDB) melalui Jabatan Siasatan dan Kawalan Lalu Lintas (JSKLL) telah mengambil tindakan ke atas pemandu yang telah didapati melakukan pelbagai kesalahan lalu lintas semasa mengadakan operasi penguatkuasaan mahupun semasa rondaan penguatkuasaan lalu lintas pada bulan September lalu.

JSKLL telah mengadakan beberapa Operasi Penguatkuasaan Lalu Lintas yang mana hasil penguatkuasaan tersebut telah merekodkan sebanyak 49 operasi telah dijalankan yang merekodkan sebanyak 1,423 kes atas pelbagai kesalahan lalu lintas.

JSKLL Gadong telah merekodkan 1,291 kes dengan sebanyak 32 kali operasi dan JSKLL Cawangan Batu 3, Belait juga merekodkan 132 kes sebanyak 17 kali operasi serta rondaan 24 jam.

Sebanyak 265 kes kemalangan jalan raya telah dilaporkan dalam bulan berkenaan termasuk lapan kes kemalangan maut yang melibatkan 11 kematian.

Sementara itu, menurut Siaran Akhbar PDB, pada minggu pertama bulan Oktober 2015, sebanyak enam operasi telah dijalankan oleh JSKLL dan merekodkan sebanyak 198 kes pelbagai kesalahan lalu lintas.

JSKLL Gadong telah merekodkan sebanyak 146 kes dengan tiga kali operasi, manakala JSKLL Cawangan Batu 3, Belait merekodkan 52 kes dengan tiga kali operasi.

Sebanyak 75 kes kemalangan jalan raya telah dilaporkan sepanjang minggu pertama bulan Oktober 2015.

Manakala pada minggu kedua bulan Oktober 2015, sebanyak sembilan operasi telah dijalankan oleh JSKLL yang merekodkan sebanyak 174 kes pelbagai kesalahan lalu lintas.

JSKLL Gadong merekodkan 162 kes dengan tujuh kali operasi serta rondaan 24 jam dan JSKLL Cawangan Batu 3, Belait merekodkan 12 kes dengan dua kali operasi serta rondaan 24 jam.

Sebanyak 57 kes kemalangan jalan raya termasuk satu kes kemalangan maut yang melibatkan satu kematian telah dilaporkan sepanjang minggu kedua bulan Oktober 2015.

Menurut Siaran Akhbarnya, PDB menasihatkan kepada pengguna-pengguna jalan raya agar sentiasa mematuhi peraturan-peraturan jalan raya dan sentiasa mengamalkan sikap pemanduan yang berhemah demi sama-sama menjaga keselamatan semua ketika berada di jalan raya.

# Ops CEKUP JIPK tahan 18 warganegara asing

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Sabtu, 17 Oktober.- Jabatan Imigresen dan Pendaftaran Kebangsaan (JIPK) mengingatkan kepada majikan / penjamin (pas kerja / lawatan) supaya sentiasa memastikan tempoh pas imigresen pekerja asing / pemegang pas lawatan masih sah kerana adalah menjadi kesalahan sekiranya pekerja/ orang yang di bawah jaminan majikan / penjamin tersebut telah mansuh dan seterusnya menasihatkan agar sentiasa mengetahui keberadaan mereka.

Pemegang pas kerja / lawatan juga diingatkan supaya tidak akan menyalahgunakan pas mereka di negara ini jika sabit kesalahan pas imigresen mansuh akan diusir setelah dipenjarakan dan secara pentadbiran akan disenaraihitamkan, manakala penjamin juga akan berdepan dengan tindakan undang-undang.

7. Cakera Padat (CD) dan keterangan lanjut mengenai perkara ini bolehlah diperolehi seperti alamat yang dinyatakan di perenggan 5 di atas.

8. Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam tidak akan terikat untuk menerima tawaran yang terendah atau apa-apa jua tawaran.

**TAWARAN SEBUT HARGA : JPN/K/1/11/TT/2015/12**

**TAWARAN KONTRAK PENYEWAAN KANTIN DI TINGKAT I BANGUNAN UNDANG-UNDANG DAN MAHKAMAH-MAHKAMAH**

1. ADALAH dengan ini Pejabat Peguam Negara, Jabatan Perdana Menteri akan menawarkan penyewaan ruangan kecil bagi perkhidmatan kantin secara berkontrak di Tingkat I, Bangunan Undang-Undang dan Mahkamah-Mahkamah, Jalan Raja Isteri Pengiran Anak Saleha, BA1910, Negara Brunei Darussalam.

2. Kepada syarikat-syarikat yang berminat bolehlah mendapatkan keterangan lanjut mengenainya dan borang tawaran boleh didapati di Bahagian Pentadbiran dan Kewangan, Unit Pengurusan, Tingkat I, Bangunan Undang-Undang dan Mahkamah-Mahkamah, Jalan Raja Isteri Pengiran Anak Saleha, BA1910, Negara Brunei Darussalam.

3. Borang-borang tawaran yang telah diisikan dengan lengkap hendaklah dimasukkan ke dalam peti tawaran yang beralamat :

**Bahagian Pentadbiran dan Kewangan**
**Unit Pengurusan, Tingkat I**
**Bangunan Undang-Undang dan Mahkamah-Mahkamah**
**Jalan Raja Isteri Pengiran Anak Saleha**
**BA1910**
**Negara Brunei Darussalam**

4. Yuran tawaran (*tender fee*) bagi *soft copy* dokumen Kontrak dalam bentuk DVD sebanyak BND5.00 dan TIDAK AKAN DIKEMBALIKAN.

**Sesi Penerangan : hari Isnin**
**12 Oktober 2015, Jam: 9.30 Pagi**
**Tarikh Tutup : Hari Selasa**
**27 Oktober 2015, Jam: 2.00 Petang**

**Waktu Menerima Bayaran**
**ISNIN - KHAMIS**
**8.00 PAGI - 11.00 PAGI**
**2.00 PETANG - 3.00 PETANG**
**SABTU**
**8.00 PAGI - 10.00 PAGI**

5. Tawaran-tawaran yang lewat diterima dari tarikh dan masa yang ditetapkan tidak akan dilayan.

6. Semua tawaran hendaklah dikirim dengan sampul surat yang tertutup rapi (*sealed*) tanpa menunjukkan sebarang identiti pemborong dan bahagian atas sampul surat hendaklah dituliskan dengan label nama TAWARAN KONTRAK PENYEWAAN KANTIN DI TINGKAT I, BANGUNAN UNDANG-UNDANG DAN MAHKAMAH-MAHKAMAH.

---

## PUSAT PENYELIDIKAN DAN INOVASI BIODIVERSITI
## KEMENTERIAN PERINDUSTRIAN DAN SUMBER-SUMBER UTAMA

**PEMBERITAHUAN SEBUT HARGA PUSAT PENYELIDIKAN DAN INOVASI BIODIVERSITI KEMENTERIAN PERINDUSTRIAN DAN SUMBER-SUMBER UTAMA NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

1. SEBUT HARGA-SEBUT HARGA hendaklah dialamatkan kepada Pengerusi Jawatankuasa Sebut Harga dan masukkan ke dalam Peti Sebut Harga KPSSU, Tingkat Bawah, Bangunan Kementerian Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama, Jalan Menteri Besar, BB3910, Negara Brunei Darussalam **tidak lewat dari jam 2.00 Petang pada hari Khamis, 5 November 2015.**

**SH/BIORIC/TBC/02/2015 : MENANAM TUMBUHAN-TUMBUHAN HERBA**

2. Sebut Harga-sebut harga yang diterima lewat dari tarikh dan masa yang ditetapkan tidak akan dilayan.

3. Sebut Harga-sebut harga hendaklah dalam sampul surat yang bertutup dan pada bahagian atas sebelah kiri sampul surat hendaklah ditulis dengan bahagian / tajuk sebut harga dan tarikh tutup sahaja tanpa menunjukkan identiti pembekal.

4. Satu Contoh dokumen sebut harga akan diperlihatkan dan pembayaran yuran boleh dibuat di Tingkat 4, Bahagian Pengurusan dan Kewangan, Bangunan Kementerian Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama, Jalan Menteri Besar, BB3910, Negara Brunei Darussalam.

5. Yuran sebut harga sebanyak **BND10.00** wang tunai bagi satu tajuk sebut harga adalah dikehendaki dan tidak akan dikembalikan kepada setiap penender.

6. Dokumen dan borang sebut harga boleh diperolehi di Pusat Nadi Borneo Brunei Darussalam, Tingkat Bawah, Bangunan Kementerian Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama dengan membawa dan melihatkan resit pembayaran yang telah pun dibuat di Kementerian Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama.

7. Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam tidak terikat untuk menerima sebut harga yang paling rendah atau sebarang sebut harga.

8. Salinan sijil pendaftaran perniagaan hendaklah disertakan bersama.

9. Semua penender dan / atau wakilnya hendaklah dimestikan hadir untuk mendengar sesi taklimat dan penerangan sebut harga di atas pada **29 Oktober 2015 dan 31 Oktober 2015 (hari Khamis dan Sabtu), jam 9.00 Pagi, bertempat di Tropical Biodiversity Centre, Labi, Belait.**

10. Penjualan borang dokumen tawaran berakhir pada **24 Oktober 2015 (hari Sabtu).**

## KEMENTERIAN KESIHATAN

**PEMBERITAHUAN TAWARAN KEMENTERIAN KESIHATAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

1. DOKUMEN-DOKUMEN tawaran serta penerangan lanjut bolehlah diperolehi dari Bahagian Pembelian dan Perbekalan, Tingkat Bawah, Kementerian Kesihatan, Commonwealth Drive, Bandar Seri Begawan, semasa waktu-waktu bekerja, mulai **hari Rabu, 30 September 2015**. Sila layari *website* Kementerian Kesihatan ***www.moh.gov.bn.***

2. Tawaran-tawaran hendaklah dihantar dalam sampul surat yang tertutup dengan menyatakan bilangan tajuk tawaran serta tarikh tutup tanpa menunjukkan identiti pemborong dan dialamatkan kepada :-

**Pengerusi Lembaga Tawaran Kecil**
**Peti Tawaran, Tingkat Bawah**
**Kementerian Kesihatan**
**Commonwealth Drive**
**Bandar Seri Begawan, BB 3910**
**Negara Brunei Darussalam.**

3. Tawaran-tawaran hendaklah disediakan dengan menggunakan borang-borang tawaran yang telah ditetapkan dan disediakan dalam dua (2) salinan termasuk salinan asal atau seperti mana yang dinyatakan. Dokumen-dokumen tawaran hendaklah dihantar **tidak lewat dari jam 2.00 Petang, hari Selasa pada 27 Oktober 2015.** Tawaran yang diterima lewat dari tarikh dan masa yang ditetapkan tidak akan dilayan.

4. Yuran tawaran (*tender fee*) bagi tiap-tiap tawaran adalah seperti dinyatakan dan dikehendaki pembayaran dengan WANG TUNAI sahaja (dan yuran tawaran tidak akan dikembalikan). Pembayaran hendaklah dibuat di Bahagian Akaun, Tingkat Bawah, Kementerian Kesihatan, Commonwealth Drive, Bandar Seri Begawan semasa waktu- waktu bekerja.

**Waktu Menerima Bayaran**
**ISNIN - KHAMIS**
**8.00 PAGI - 11.00 PAGI**
**2.00 PETANG - 3.00 PETANG**
**SABTU**
**8.00 PAGI - 10.00 PAGI**

5. Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam tidak semestinya menerima tawaran yang paling rendah atau lain-lain tawaran.

6. Tawaran adalah dibukakan kepada pemborong-pemborong dan hendaklah mempunyai kelayakan seperti berikut :-

• Sijil Pendaftaran Perniagaan yang Masih Sahlaku dan Berdaftar dengan Kementerian Kesihatan.

• Manakala bagi pemborong / pembekal yang menyertai tawaran ubat-ubatan (*Drug and Medicine*) mestilah mempunyai Lesen Racun yang sah *Poison Act* (*Cap. 114*).

• Manakala bagi pemborong / pembekal yang menyertai tawaran bagi kerja-kerja pembangunan dan pendawaian elektrik mestilah mempunyai Lesen Pendaftaran yang masih sah dari Kementerian Pembangunan.

7. Penender yang menolak atau membatalkan tawaran atau kontrak setelah kebenaran tawaran diperolehi atau setelah tutup tawaran akan dikenakan denda selaras dengan peraturan dan garis pandu yang diberikan oleh Lembaga Tawaran Negara.

**TAWARAN**

| BIL TAWARAN | KETERANGAN | YURAN TAWARAN | TARIKH TUTUP Tidak lewat Jam 2.00 petang |
|---|---|---|---|
| KK/85/2015 (LAB)(TC) | SUPPLY AND DELIVERY OF LABORATORY CONSUMABLES (BLOOD DONATION CENTRE & HAEMATOLOGY ) FOR DEPARTMENT OF LABORATORY SERVICES FOR A PERIOD OF THREE(3) YEARS | $50.00 | 27/10/2015 |
| KK/86/2015 (SSBH)(TC) | TRANSPORTATION SERVICES FOR SURI SERI BEGAWAN (SSB) HOSPITAL, KUALA BELAIT, MINISTRY OF HEALTH FOR A PERIOD OF THREE(3) YEARS<br><br>Kelayakan Pemborong / Pembekal :-<br>Berdaftar dengan Kementerian Kesihatan dan Jabatan Pengangkutan Darat | $30.00 | 27/10/2015 |
| KK/87/2015 (ESTET) | REPLACEMENT OF NEW AIR HANDLING UNITS AT SURI SERI BEGAWAN HOSPITAL, KUALA BELAIT<br><br>Kelayakan Pemborong / Pembekal :-<br>Berdaftar dengan Kementerian Kesihatan dan Kementerian Pembangunan<br><br>Kelas: III dan keatas Kategori: M01, E01 & E02 | $30.00 | 27/10/2015 |
| KK/88/2015 (ESTET)(RKN) | RENOVATION AND UPGRADING WORKS ACCIDENT AND EMERGENCY PMMPMHAMB HOSPITAL TUTONG<br><br>Kelayakan Pemborong / Pembekal :-<br>Berdaftar dengan Kementerian Kesihatan dan Kementerian Pembangunan<br><br>Kelas: III dan Keatas Kategori: B01 & E01 | $50.00 | 27/10/2015 |

**IKLAN WEBSITE PADA 30HB SEPTEMBER 2015**

2

## KEMENTERIAN KESIHATAN

**PEMBERITAHUAN TAWARAN KEMENTERIAN KESIHATAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

1. DOKUMEN-DOKUMEN tawaran serta penerangan lanjut bolehlah diperolehi dari Bahagian Pembelian dan Perbekalan, Tingkat Bawah, Kementerian Kesihatan, Commonwealth Drive, Bandar Seri Begawan, semasa waktu-waktu bekerja, mulai **hari Sabtu, 3 Oktober 2015.** Sila layari *website* Kementerian Kesihatan ***www.moh.gov.bn.***

2. Tawaran-tawaran hendaklah dihantar dalam sampul surat yang tertutup dengan menyatakan bilangan tajuk tawaran serta tarikh tutup tanpa menunjukkan identiti pemborong dan dialamatkan kepada :-

**Pengerusi Lembaga Tawaran Kecil**
**Peti Tawaran, Tingkat Bawah**
**Kementerian Kesihatan**
**Commonwealth Drive**
**Bandar Seri Begawan, BB 3910**
**Negara Brunei Darussalam.**

3. Tawaran-tawaran hendaklah disediakan dengan menggunakan borang-borang tawaran yang telah ditetapkan dan disediakan dalam dua (2) salinan termasuk salinan asal atau sepertimana yang dinyatakan. Dokumen-dokumen tawaran hendaklah dihantar **tidak lewat dari jam 2.00 Petang, hari Selasa pada 3 November 2015.** Tawaran yang diterima lewat dari tarikh dan masa yang ditetapkan tidak akan dilayan.

4. Yuran tawaran (*tender fee*) bagi tiap-tiap tawaran adalah seperti dinyatakan dan dikehendaki pembayaran dengan WANG TUNAI sahaja (dan yuran tawaran tidak akan dikembalikan). Pembayaran hendaklah dibuat di Bahagian Akaun, Tingkat Bawah, Kementerian Kesihatan, Commonwealth Drive, Bandar Seri Begawan semasa waktu-waktu bekerja.

**Waktu Menerima Bayaran**
**ISNIN - KHAMIS**
**8.00 PAGI - 11.00 PAGI**
**2.00 PETANG - 3.00 PETANG**
**SABTU**
**8.00 PAGI - 10.00 PAGI**

5. Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-pertuan Negara Brunei Darussalam tidak semestinya menerima tawaran yang paling rendah atau lain-lain tawaran.

6. Tawaran adalah dibukakan kepada pemborong-pemborong dan hendaklah mempunyai kelayakan seperti berikut :-

• Sijil Pendaftaran Perniagaan yang Masih Sahlaku dan Berdaftar dengan Kementerian Kesihatan.

• Manakala bagi pemborong / pembekal yang menyertai tawaran ubat-ubatan (*Drug and Medicine*) mestilah mempunyai Lesen Racun yang sah *Poison Act* (*Cap. 114*).

• Manakala bagi pemborong / pembekal yang menyertai tawaran bagi kerja-kerja pembangunan dan pendawaian elektrik mestilah mempunyai Lesen Pendaftaran yang masih sah dari Kementerian Pembangunan.

7. Penender yang menolak atau membatalkan tawaran atau kontrak setelah kebenaran tawaran diperolehi atau setelah tutup tawaran akan dikenakan denda selaras dengan peraturan dan garis pandu yang diberikan oleh Lembaga Tawaran Negara.

**TAWARAN**

| BIL TAWARAN | KETERANGAN | YURAN TAWARAN | TARIKH TUTUP Tidak lewat Jam 2.00 petang |
|---|---|---|---|
| KK/87/2015 (LAB)(TC) | SUPPLY AND DELIVERY OF LABORATORY TEST KITS (CLINICAL CHEMISTRY - DRUG TESTING ANALYSER (SIMENES) FOR DEPARTMENT OF LABORATORY SERVICES FOR A PERIOD OF THREE(3) YEARS | $30.00 | 3/11/2015 |
| KK/88/2015 (UPP)(TC) | SUPPLY AND DELIVERY OF CONSUMABLES ITEMS FOR STERRAD 100S MACHINE (CSSD) AND STERRAD NX MACHINE (OPERATION THEATRE ) FOR CENTRAL STERILE SUPPLY DEPARTMENT (CSSD), RAJA ISTERI PENGIRAN ANAK SALEHA HOSPITAL FOR A PERIOD OF THREE(3) YEARS | $100.00 | 3/11/2015 |
| KK/89/2015 (UPP)(TC) | SUPPLY AND DELIVERY OF CHEMICAL DETERGENT AND DISINFECTANT FOR CENTRAL STERILE SUPPLY DEPARTMENT (CSSD), RAJA ISTERI PENGIRAN ANAK SALEHA HOSPITAL FOR A PERIOD OF THREE(3) YEARS | $100.00 | 3/11/2015 |
| KK/90/2015 (MOH)(TC) | THE PROVISION OF SECURITY SERVICES FOR THE MINISTRY OF HEALTH HEADQUARTERS, DEWAN AL-AFIAH AND HEALTH PROMOTION CENTRE FOR A PERIOD OF THREE(3) YEARS | $30.00 | 3/11/2015 |
| KK/91/2015 (JPK)(TC) | THE PROVISION OF SECURITY SERVICES FOR JUBLI PERAK SENGKURONG HEALTH CENTRE FOR A PERIOD OF THREE(3) YEARS | $30.00 | 3/11/2015 |
| KK/92/2015 (JPK)(TC) | THE PROVISION OF SECURITY SERVICES FOR PENGIRAN ANAK PUTERI HAJAH RASHIDAH SA'ADATUL BOLKIAH SUNGAI ASAM HEALTH CENTRE FOR A PERIOD OF THREE(3) YEARS | $30.00 | 3/11/2015 |
| KK/93/2015 (JPK)(TC) | THE PROVISION OF SECURITY SERVICES FOR BERAKAS 'B' HEALTH CENTRE FOR A PERIOD OF THREE(3) YEARS | $30.00 | 3/11/2015 |
| **BIL TAWARAN** | **KETERANGAN** | **YURAN TAWARAN** | **TARIKH TUTUP Tidak lewat Jam 2.00 petang** |
| KK/94/2015 (JPK)(TC) | THE PROVISION OF SECURITY SERVICES FOR PENGIRAN ANAK PUTERI HAJAH MUTA-WAKILLAH HAYATUL BOLKIAH GADONG HEALTH CENTRE FOR A PERIOD OF THREE(3) YEARS | $30.00 | 3/11/2015 |
| KK/95/2015 (JPK)(TC) | THE PROVISION OF SECURITY SERVICES FOR HEALTH SCREENING CENTRE BERAKAS FOR A PERIOD OF THREE(3) YEARS | $30.00 | 3/11/2015 |
| KK/89/2015 (ESTET) | SUPPLY AND INSTALL MEDICAL GAS MANIFOLD SYSTEM WITH PLANT ROOM FOR MALE, FEMALE AND PAEDIATRIC WARDS, PIHM HOSPITAL, TEMBURONG<br><br>Kelayakan Pemborong / Pembekal :-<br>Berdaftar dengan Kementerian Kesihatan dan Kementerian Pembangunan<br><br>Kelas: III dan keatas Kategori: B01, E01 & E02 | $30.00 | 3/11/2015 |
| KK/90/2015 (ESTET) | MENGUBAHSUAI DAN MENAIKTARAF BANGUNAN HOSPITAL SERTA MEMBAIKI KEBOCORAN ATAP HOSPITAL PIHM TEMBURONG PHASE 1<br><br>Kelayakan Pemborong / Pembekal :-<br>Berdaftar dengan Kementerian Kesihatan dan Kementerian Pembangunan<br><br>Kelas: III dan keatas Kategori: KA01, B01 & KBP02 | $50.00 | 3/11/2015 |

**IKLAN WEBSITE PADA 3HB OKTOBER 2015**

## JABATAN PENTADBIRAN DAN PERKHIDMATAN-PERKHIDMATAN KEMENTERIAN PENDIDIKAN

### TAWARAN PERKHIDMATAN KANTIN

| BILANGAN TAWARAN | KETERANGAN | BAYARAN YURAN/ DOKUMEN TAWARAN | TARIKH TUTUP DAN WAKTU |
|---|---|---|---|
| MOE/LTK/43/2015/2016 (DA[BPPA-OKT-2015] | TAWARAN PERKHIDMATAN KANTIN BAGI IBU PEJABAT KEMENTERIAN PENDIDIKAN, DAERAH BRUNEI MUARA, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM. BAGI TEMPOH DUA [2] TAHUN | $10.00 [Bayaran Dokumen Tawaran tidak dikembalikan] | 27/10/2015 [Tidak lewat jam 2.00 petang] |

### TAWARAN MEMBEKAL DAN MENGHANTAR

| BILANGAN TAWARAN | KETERANGAN | BAYARAN YURAN/ DOKUMEN TAWARAN | TARIKH TUTUP DAN WAKTU |
|---|---|---|---|
| MOE/LTK/44/2015/2016 (DA[BPPA-OKT-2015] | TAWARAN MEMBEKAL DAN MENGHANTAR PERALATAN BILIK TIDUR ASRAMA, BANTAL DAN SINGLE COMFORTER SET, DIBAWAH KEMENTERIAN PENDIDIKAN, BAGI DAERAH BRUNEI MUARA DAN DAERAH BELAIT, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM. BAGI TAHUN KEWANGAN 2015/2016 | $10.00 [Bayaran Dokumen Tawaran tidak dikembalikan] | 27/10/2015 [Tidak lewat jam 2.00 petang] |

HARI DAN WAKTU PENERIMAAN WANG BAYARAN YURAN/DOKUMEN TAWARAN.

| | | |
|---|---|---|
| ISNIN HINGGA KHAMIS | : | 8:00 PAGI HINGGA 11:45 PAGI<br>1:45 PETANG HINGGA 3:00 PETANG |
| SABTU | : | 8:00 PAGI HINGGA 10:00 PAGI |

**KEMENTERIAN PENDIDIKAN**
**NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

**SYARAT-SYARAT IKLAN TAWARAN**

1. TAWARAN adalah dipelawa daripada syarikat-syarikat yang berdaftar dengan Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.

2. Bayaran yuran tawaran bagi setiap tawaran adalah dikehendaki dalam bentuk Wang Tunai. Penender adalah dikehendaki membayar semua yuran tawaran seperti yang diiklankan. Yuran tawaran tidak akan dikembalikan kepada setiap penender sama ada yang berjaya atau yang tidak berjaya setelah menghantar tawaran yang jujur (*bone-fide tender*).

3. Kadar yuran tawaran adalah seperti yang ditetapkan dalam iklan tawaran.

4. Sebelum mengambil borang, setiap penender hendaklah membayar yuran tawaran, di Tingkat 1, Blok 'B', Kaunter 1, Unit Tunai dan Hasil, Bahagian Perkhidmatan Kewangan 'B', Jabatan Pentadbiran dan Perkhidmatan-Perkhidmatan, Kementerian Pendidikan, Lapangan Terbang Lama Berakas, Negara Brunei Darussalam. Sila pastikan resit pembayaran yuran tawaran yang diterima adalah betul.

**HARI DAN WAKTU PENERIMAAN**
**WANG BAYARAN YURAN / DOKUMEN TAWARAN**
**ISNIN HINGGA KHAMIS**
**8.00 PAGI HINGGA 11.45 PAGI**
**1.45 PETANG HINGGA 3.00 PETANG**
**SABTU**
**8.00 PAGI HINGGA 10.00 PAGI**

5. Borang-borang tawaran boleh diperolehi di Tingkat 1, Blok 'A', Kaunter 6, Unit Tawaran dan Sebut Harga, Bahagian Perkhidmatan Kewangan 'A', Jabatan Pentadbiran dan Perkhidmatan-Perkhidmatan, Kementerian Pendidikan, Lapangan Terbang Lama Berakas, Negara Brunei Darussalam dengan menyertakan resit pembayaran.

6. Setiap borang tawaran yang telah diisi dengan lengkap hendaklah menyertakan Salinan Sijil Pendaftaran Perniagaan dan Salinan Resit Bayaran Yuran Tawaran.

7. Tawaran-tawaran hendaklah dihantar dalam sampul surat biasa dan ditutup rapi. Pada bahagian atas kiri sampul surat hendaklah ditulis Bilangan Tawaran, Tajuk Tawaran dan Tarikh Tutup Tawaran tanpa menunjukkan identiti penender dan ditujukan kepada :-

**PENGERUSI**
**LEMBAGA TAWARAN KECIL**
**KEMENTERIAN PENDIDIKAN**
**BLOK 'A', TINGKAT 1**
**BAHAGIAN PERKHIDMATAN KEWANGAN 'A'**
**LAPANGAN TERBANG LAMA BERAKAS**
**BANDAR SERI BEGAWAN, BA 3510**
**NEGARA BRUNEI DARUSSALAM.**

8. TAWARAN hendaklah dimasukkan ke dalam Peti Tawaran, Lembaga Tawaran Kecil, Blok 'A', Tingkat 1, Bahagian Perkhidmatan Kewangan 'A', Kementerian Pendidikan, Lapangan Terbang Lama Berakas, Negara Brunei Darussalam.

9. Tawaran-tawaran yang lewat diterima dari tarikh dan masa yang ditetapkan akan dikira sebagai tawaran tidak jujur (*non-bone-fide-tender*) dan tidak akan dilayan.

10. Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam tidak terikat untuk menerima tawaran yang paling rendah atau sebarang tawaran yang tidak munasabah.

11. Setiap tawaran yang diisi dan ditulis dengan tidak betul, tidak jelas dan tidak lengkap adalah dikira rosak dan ditolak.

12. Penender yang menolak atau membatalkan tawaran atau kontrak setelah kebenaran tawaran diperolehi atau setelah tutup tawaran akan dikenakan denda selaras dengan peraturan dan garis pandu yang diberikan oleh Lembaga Tawaran Negara.

## JABATAN PENTADBIRAN DAN PERKHIDMATAN-PERKHIDMATAN KEMENTERIAN PENDIDIKAN

### KONTRAK PENGGAL BAGI PERKHIDMATAN PEMEMOTONGAN RUMPUT DAN PEMELIHARAAN KEBERSIHAN KAWASAN MAKTAB / SEKOLAH / ASRAMA / PEJABAT / PERUMAHAN

| BILANGAN SEBUTHARGA | KETERANGAN | BAYARAN YURAN/ DOKUMEN SEBUTHARGA | TARIKH TUTUP DAN WAKTU |
|---|---|---|---|
| DA/JKSH/55/2015/2016 [UPPK-OKT-2015] | BM ZON 8D KONTRAK PENGGAL BAGI PERKHIDMATAN PEMOTONGAN RUMPUT DAN PEMELIHARAAN KAWASAN BAGI MAKTAB / SEKOLAH / ASRAMA / PEJABAT / PERUMAHAN KERAJAAN DIBAWAH KEMENTERIAN PENDIDIKAN, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM. UNTUK 12 BULAN SEKOLAH RENDAH SULTAN ABDUL BUBIN DAERAH BRUNEI MUARA. | $5.00 [Bayaran Dokumen Sebutharga tidak dikembalikan] | 31/10/2015 [Tidak lewat jam 9.00 pagi] |
| DA/JKSH/56/2015/2016 [UPPK-OKT-2015] | TM ZON 1 KONTRAK PENGGAL BAGI PERKHIDMATAN PEMOTONGAN RUMPUT DAN PEMELIHARAAN KAWASAN BAGI MAKTAB / SEKOLAH / ASRAMA / PEJABAT / PERUMAHAN KERAJAAN DIBAWAH KEMENTERIAN PENDIDIKAN, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM. UNTUK 12 BULAN FLAT GURU-GURU PEKAN BANGAR DAERAH TEMBURONG. | $5.00 [Bayaran Dokumen Sebutharga tidak dikembalikan] | 31/10/2015 [Tidak lewat jam 9.00 pagi] |

2

HARI DAN WAKTU PENERIMAAN WANG PEMBAYARAN YURAN/DOKUMEN SEBUTHARGA

| | | |
|---|---|---|
| ISNIN HINGGA KHAMIS | : | 8:00 PAGI HINGGA 11:45 PAGI<br>1:45 PETANG HINGGA 3:00 PETANG |
| SABTU | : | 8:00 PAGI HINGGA 10:00 PAGI |

**KEMENTERIAN PENDIDIKAN**
**NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

**SYARAT-SYARAT IKLAN SEBUT HARGA**

1. SEBUT HARGA adalah dipelawa daripada syarikat-syarikat yang berdaftar dengan Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.

2. Bayaran dokumen sebut harga bagi setiap sebut harga adalah dikehendaki dalam bentuk Wang Tunai. Penender adalah dikehendaki membayar semua bayaran dokumen sebut harga seperti yang diiklankan. Yuran sebut harga tidak akan dikembalikan kepada setiap penender sama ada yang berjaya atau yang tidak berjaya setelah menghantar sebut harga yang jujur (*bone-fide tender*).

3. Kadar bayaran dokumen sebut harga adalah seperti yang ditetapkan dalam iklan sebut harga.

4. Sebelum mengambil borang, setiap penender hendaklah membayar borang dokumen sebut harga, di Tingkat 1, Blok 'B', Kaunter 1, Unit Tunai dan Hasil, Bahagian Perkhidmatan Kewangan 'B', Jabatan Pentadbiran dan Perkhidmatan-Perkhidmatan, Kementerian Pendidikan, Lapangan Terbang Lama Berakas, Negara Brunei Darussalam. Sila pastikan resit pembayaran borang dokumen sebut harga yang diterima adalah betul.

**HARI DAN WAKTU PENERIMAAN**
**WANG PEMBAYARAN YURAN / DOKUMEN SEBUT HARGA**
**ISNIN HINGGA KHAMIS**
**8.00 PAGI HINGGA 11.45 PAGI**
**1.45 PETANG HINGGA 3.00 PETANG**
**SABTU**
**8.00 PAGI HINGGA 10.00 PAGI**

5. Borang-borang sebut harga boleh diperolehi di Tingkat 1, Blok 'A', Kaunter 6, Unit Tawaran dan Sebut Harga Bahagian Perkhidmatan Kewangan 'A', Jabatan Pentadbiran dan Perkhidmatan-Perkhidmatan, Kementerian Pendidikan, Lapangan Terbang Lama Berakas, Negara Brunei Darussalam dengan menyertakan Resit Pembayaran Dokumen.

6. Setiap borang sebut harga yang telah diisi dengan lengkap hendaklah menyertakan Salinan Sijil Pendaftaran Perniagaan dan Salinan Resit Bayaran Dokumen Sebut Harga.

7. Sebut Harga-sebut harga hendaklah dihantar dalam sampul surat biasa dan ditutup rapi. Pada bahagian atas kiri sampul surat hendaklah ditulis Bilangan Sebut Harga, Tajuk Sebut Harga dan Tarikh Tutup Sebut Harga tanpa menunjukkan identiti penender dan ditujukan kepada :- **Pengerusi, Jawatankuasa Sebut Harga, Jabatan Pentadbiran dan Perkhidmatan - Perkhidmatan Kementerian Pendidikan, Bangunan Kementerian Pendidikan, Blok 'A', Tingkat 1, Bahagian Perkhidmatan Kewangan 'A', Lapangan Terbang Lama Berakas, Bandar Seri Begawan, BB3510, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM.**

8. SEBUT HARGA hendaklah dimasukkan ke dalam Peti Sebut Harga, Unit Tawaran dan Sebut Harga, Jabatan Pentadbiran dan Perkhidmatan-Perkhidmatan, Blok 'A', Tingkat 1, Bahagian Kewangan 'A', Bangunan Kementerian Pendidikan, Lapangan Terbang Lama Berakas, Negara Brunei Darussalam.

9. Sebut Harga-sebut harga yang lewat diterima dari tarikh dan masa yang ditetapkan akan dikira sebagai sebut harga tidak jujur (*non-bone-fide-tender*) dan tidak akan dilayan.

10. Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam tidak terikat untuk menerima sebut harga yang paling rendah atau sebarang sebut harga yang tidak munasabah.

11. Setiap sebut harga yang diisi dan ditulis dengan tidak betul, tidak jelas dan tidak lengkap adalah dikira rosak dan ditolak.

12. Penender yang menolak atau membatalkan sebut harga atau kontrak setelah kebenaran sebut harga diperolehi atau setelah tutup sebut harga akan dikenakan denda selaras dengan peraturan dan garis pandu yang diberikan oleh Lembaga Tawaran Negara.

**MAHKAMAH TINGGI NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**
**NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

**KEBANKRAPAN NO. 100 TAHUN 2015**
**THE HONGKONG AND SHANGHAI BANKING CORPORATION LIMITED**
**… Pemiutang Penghakiman / Pemetisyen**
**Vs**
**MOHAMMAD AZMI BIN HAJI MATALI**
**(BYIC NO. 00-077791)**
**… Penghutang Penghakiman / Penentang**

**NOTIS PERINTAH PENERIMAAN**

Sila ambil perhatian bahawa :

a) Satu Perintah Penerimaan telah dibuat terhadap Penghutang yang berikut pada **29 Ogos 2015.**

Nama dan alamat terakhir diketahui :
MOHAMMAD AZMI BIN HAJI MATALI
No. 730, Kampung Panchor Murai
Jln. Pengkalan Batu, BH3123
Brunei Darussalam.
Tarikh Petisyen : 17 Jun 2015.

**NOTIS KEPADA PEMIUTANG UNTUK PERJUMPAAN PERTAMA**

Di bawah Perintah Penerimaan bertarikh **29 Ogos 2015.**

Notis adalah dengan ini diberikan bahawa satu perjumpaan pemiutang-pemiutang mengenai perkara di atas akan diadakan di Pejabat Pegawai Penerima Rasmi, Mahkamah Besar pada **13 Oktober 2015, jam 2.15 Petang.**

Pemeriksaan awam bagi penghutang adalah ditetapkan pada **13 Oktober 2015, jam 2.15 Petang.**

Bertarikh : 22 September 2015.

**KEBANKRAPAN NO. 326 TAHUN 2014**
**HSBC LIMITED**
**… Pemiutang Penghakiman / Pemetisyen**
**Vs**
**KADIR BIN HAJI BUJANG**
**(BYIC NO. 00-122382)**
**… Penghutang Penghakiman / Penentang**

**NOTIS PERINTAH PENERIMAAN**

Sila ambil perhatian bahawa :

a) Satu Perintah Penerimaan telah dibuat terhadap Penghutang yang berikut pada **11 Jun 2015.**

Nama dan alamat terakhir diketahui :
KADIR BIN HAJI BUJANG
No. 1'E', Simpang 363-29-73-11
RPN Kampung Pandan 7
Kuala Belait, KA1931
Brunei Darussalam.
Tarikh Petisyen : 17 Jun 2015.

**NOTIS KEPADA PEMIUTANG UNTUK PERJUMPAAN PERTAMA**

Di bawah Perintah Penerimaan bertarikh **11 Jun 2015.**

Notis adalah dengan ini diberikan bahawa satu perjumpaan pemiutang-pemiutang mengenai perkara di atas akan diadakan di Pejabat Pegawai Penerima Rasmi, Mahkamah Besar pada **25 November 2015, jam 9.30 Pagi.**

Pemeriksaan awam bagi penghutang adalah ditetapkan pada **25 November 2015, jam 9.30 Pagi.**

Bertarikh : 11 Ogos 2015.

**KEBANKRAPAN NO. 179 TAHUN 2015**
**BIBD AT-TAMWIL BHD**
**… Pemiutang Penghakiman / Pemetisyen**
**Vs**
**HAMDAN BIN HAJI AHMAD**
**(BYIC NO. 00-117573)**
**… Penghutang Penghakiman / Penentang**

**NOTIS PERINTAH PENERIMAAN**

Sila ambil perhatian bahawa :

a) Satu Perintah Penerimaan telah dibuat terhadap Penghutang yang berikut pada **16 Julai 2015.**

Nama dan alamat terakhir diketahui :
HAMDAN BIN HAJI AHMAD
No. 5, Spg 2228, Kampung Junjongan, BH3123
Brunei Darussalam.
Tarikh Petisyen : 30 Mei 2015.

**NOTIS KEPADA PEMIUTANG UNTUK PERJUMPAAN PERTAMA**

Di bawah Perintah Penerimaan bertarikh **16 Julai 2015.**

Notis adalah dengan ini diberikan bahawa satu perjumpaan pemiutang-pemiutang mengenai perkara di atas akan diadakan di Pejabat Pegawai Penerima Rasmi, Mahkamah Besar pada **10 Disember 2015, jam 9.30 Pagi.**

Pemeriksaan awam bagi penghutang adalah ditetapkan pada **10 Disember 2015, jam 9.30 Pagi.**

Bertarikh : 27 Ogos 2015.
11 Ogos 2015.

**KEBANKRAPAN NO. 106 TAHUN 2014**
**BIBD AT-TAMWIL BHD.**
**… Pemiutang Penghakiman / Pemetisyen**
**Vs**
**PG. IBRAHIM BIN PG. HJ. BUNGSU**
**(BYIC NO. 00-043238)**
**… Penghutang Penghakiman / Penentang**

**NOTIS PERINTAH PENERIMAAN**

Sila ambil perhatian bahawa :

a) Satu Perintah Penerimaan telah dibuat terhadap Penghutang yang berikut pada **16 Julai 2015.**

Nama dan alamat terakhir diketahui :
PG. IBRAHIM BIN PG. HJ. BUNGSU
No. 4, Spg 51-14-6, STKRJ Rimba Gadong
Brunei Darussalam.
Tarikh Petisyen : 15 September 2015.

**NOTIS KEPADA PEMIUTANG UNTUK PERJUMPAAN PERTAMA**

Di bawah Perintah Penerimaan bertarikh **16 Julai 2015.**

Notis adalah dengan ini diberikan bahawa satu perjumpaan pemiutang-pemiutang mengenai perkara di atas akan diadakan di Pejabat Pegawai Penerima Rasmi, Mahkamah Besar pada **10 Disember 2015, jam 9.30 Pagi.**

Pemeriksaan awam bagi penghutang adalah ditetapkan pada **10 Disember 2015, jam 9.30 Pagi.**

**KEBANKRAPAN NO. 329 TAHUN 2014**
**BIBD AT-TAMWIL BHD.**
**… Pemiutang Penghakiman / Pemetisyen**
**Vs**
**HJH. NURUL AFIZAH BTE HAMDANI @ NORDDIN**
**(BYIC NO. 00-305152)**
**… Penghutang Penghakiman / Penentang**

**NOTIS PERINTAH PENERIMAAN**

Sila ambil perhatian bahawa :

a) Satu Perintah Penerimaan telah dibuat terhadap Penghutang yang berikut pada **06 Ogos 2015.**

Nama dan alamat terakhir diketahui :
HJH. NURUL AFIZAH BTE HAMDANI @ NORDDIN
No. 29, Spg 512, Kampung Bukit Bunga
Mukim Lumapas 'A', BJ3324
Brunei Darussalam.
Tarikh Petisyen : 25 Februari 2015.

**NOTIS KEPADA PEMIUTANG UNTUK PERJUMPAAN PERTAMA**

Di bawah Perintah Penerimaan bertarikh **06 Ogos 2015.**

Notis adalah dengan ini diberikan bahawa satu perjumpaan pemiutang-pemiutang mengenai perkara di atas akan diadakan di Pejabat Pegawai Penerima Rasmi, Mahkamah Besar pada **22 Oktober 2015, jam 9.00 Pagi.**

Pemeriksaan awam bagi penghutang adalah ditetapkan pada **22 Oktober 2015, jam 9.00 Pagi.**

Bertarikh : 22 September 2015

b) Semua si piutang-si piutang kepada nama penghutang yang tersebut di atas hendaklah menghadapkan borang-borang bukti hutang yang boleh diperolehi di Pejabat Pegawai Penerima Rasmi dengan seberapa boleh.

c) Semua hutang yang seharusnya dibayar kepada penghutang tersebut di atas hendaklah dihadapkan kepada Pegawai Penerima Rasmi, Tingkat Dua, Bangunan Mahkamah Besar, Bandar Seri Begawan, Brunei Darussalam.

Bagi membolehkan kamu mengundi di sana bukti-bukti kamu mestilah diserah simpan kepada saya tidak lewat dari 24 jam sebelum waktu yang ditetapkan bagi perjumpaan ini.

Proksi-proksi yang akan digunakan di perjumpaan ini mestilah diserah simpan kepada saya tidak lewat dari 24 jam sebelum waktu yang telah ditetapkan bagi perjumpaan ini.

Mana-mana pihak pemiutang yang telah menyerahkan bukti, atau wakil-wakilnya yang diberi kuasa secara bertulis, bolehlah menyoal penghutang semasa pemeriksaan awam penghutang, mengenai dengan hal-halnya dan juga sebab kegagalannya.

**Timbalan Pegawai Penerima Rasmi**
**Mahkamah Besar**

**SYARIKAT (PENGGULUNGAN) NO. 6 TAHUN 2015**

**DALAM PERKARA AKTA SYARIKAT, BAB 39**
**DAN**
**DALAM PERKARA BRUMAS GRAVEL (B) SDN. BHD.**

**NOTIS PERINTAH PENGGULUNGAN**

Nama Syarikat: BRUMAS GRAVEL (B) SDN. BHD.
Alamat Pejabat Berdaftar: No. 4, 1st Floor, Kompleks Zainuddin, Kg. Anggerek Desa Spg. 11, Berakas, BB3713
Brunei Darussalam
Tarikh Perintah Penggulungan : 27 Ogos 2015
Tarikh dan Tempat Perjumpaan: 21 Oktober 2015, jam 10.30 Pagi

**Pejabat Pegawai Rasmi**
**Mahkamah Besar**
**Jalan Raja Isteri Pengiran Anak Saleha**
**Negara Brunei Darussalam**

Bertarikh : 29 September 2015.

**NOTIS KEPADA PEMIUTANG**

Di bawah Perintah Penerimaan bertarikh **27 Ogos 2015.**

Notis adalah dengan ini diberikan bahawa satu perjumpaan pemiutang-pemiutang mengenai perkara di atas akan diadakan di Pejabat Pegawai Penerima Rasmi, Mahkamah Besar pada **21 Oktober 2015, jam 10.30 Pagi.**

Bagi membolehkan kamu mengundi di sana bukti-bukti kamu mestilah diserah simpan kepada saya tidak lewat dari 24 jam sebelum waktu yang ditetapkan bagi perjumpaan ini.

Proksi-proksi yang akan digunakan di perjumpaan ini mestilah diserah simpan kepada saya tidak lewat dari 24 jam sebelum waktu yang telah ditetapkan bagi perjumpaan ini.

**DK. HJH. NORISMAYANTI PG. HJ. ISMAIL**
**Timbalan Pegawai Penerima Rasmi**
**Mahkamah Besar**

# Brunei DPMM FC kekal berada di tangga teratas Liga S



YANG Teramat Mulia Paduka Seri Duli Pengiran Muda 'Abdul Malik ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah berkenan berangkat ke Kejohanan Liga Singapura (Liga S) di antara pasukan Brunei DPMM FC bertemu Home United FC.



PENYERANG Brunei DPMM FC cuba membuat asakan serangan ke atas pertahanan benteng Home United FC.



AKSI pemain Brunei DPMM FC dengan kawalan ketat pemain Home United FC.

**Oleh : Haji Mahmud Hafidzie Haji Ali Mashod**
**Foto : Muhammad Asri Haji Awang Abas**

**BANDAR SERI BEGAWAN,** Sabtu, 17 Oktober. - Pasukan Brunei DPMM FC kekal berada di tangga teratas liga dengan 40 mata walaupun terikat 4 - 4 dengan pasukan Home United FC Kejohanan Liga Singapura (Liga S) di Stadium Negara Hassanal Bolkiah, Berakas.

Berangkat menyaksikan kejohanan tersebut ialah Yang Teramat Mulia Paduka Seri Duli Pengiran Muda 'Abdul Malik ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah dan Yang Amat Mulia Pengiran Anak Isteri Pengiran Raabi'atul 'Adawiyyah binti Pengiran Haji Bolkiah, Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Rashidah Sa'adatul Bolkiah binti Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah dan kerabat diraja yang lain.

Sebaik sahaja perlawanan dimulakan, pasukan Brunei DPMM FC terus membuat serangan ke atas pasukan Home United FC.

Pada minit ke-4 pemain Home United FC dilayangkan kad kuning selepas mengasari pemain Brunei DPMM FC, Paulo Sergio.

Sepakan percuma yang dilakukan sendiri oleh Paulo Sergio terkena palang gol pasukan Home United FC dan berjaya diselamatkan oleh pertahanan pasukan Home United FC.

Pasukan Brunei DPMM FC mempunyai peluang untuk menjaringkan gol pembukaan pada minit ke-17 melalui Rafael Ramazotti hasil hantaran cantik daripada Paulo Sergio, namun percubaannya tersasar daripada palang gol.

Pada minit ke-20 pula, pasukan Home United FC hampir menjaringkan melalui Ken Ilso, namun percubaannya berjaya diselamatkan oleh Wardun Yussof.

Peluang Brunei DPMM FC untuk menjaringkan gol pertama seterusnya terhidang pada minit ke-30 melalui Azwan Ali Rahman selepas melepasi beberapa pertahanan Home United FC, namun percubaannya tersasar daripada palang gol.

Home United FC juga hampir mendahului pada minit ke-33 melalui Azhar Sairudin, namun sepakannya berjaya diselamatkan sekali lagi oleh Wardun Yussof.

Sebaik sahaja separuh masa kedua dimulakan, pasukan Brunei DPMM FC terus melakukan serangan sehingga pada minit ke-49, Paulo Sergio berjaya membuka jaringan selepas menerima hantaran daripada Joe Gamble yang berjaya melepasi kawalan pertahanan Home United FC.

Selang tiga minit kemudian, pasukan Home United FC pula berjaya menyamakan kedudukan melalui Ken Ilso.

Dengan jaringan penyamaan daripada pasukan Home United FC itu pasukan Brunei DPMM FC terus bangkit untuk menambah jaringan.

Pada minit ke-64 pasukan Brunei DPMM FC dihadiahkan sepakan penalti selepas Yasir Hanapi terkena bola ditangan beliau dalam petak penalti, Rafael Ramazotti tidak mensia-siakan peluang dengan menjaringkan gol kedua pasukan Brunei DPMM FC.

Rafael Ramazotti sekali lagi berjaya menjaringankan gol ketiga Brunei DPMM FC pada minit ke-78 selepas menerima hantaran daripada Paulo Sergio.

Selepas ketinggalan dua gol, pasukan Home United FC bangkit membuat serangan ke pertahanan Brunei DPMM FC.

Pada minit ke-82, sekali lagi Ken Ilso berjaya menewaskan Wardun Yussof melalui sepakan percuma beliau yang terus menerjah masuk ke pintu gol Brunei DPMM FC.

Ken Ilso berjaya menjaringkan hatrik pada minit ke-86 selepas menerima hantaran daripada Imran Sahib.

Pasukan Home United FC pula berjaya mendahului pasukan Brunei DPMM FC melalui jaringan Imran Sahib pada minit ke-87.

Pemain pasukan Home United FC seakan-akan meraikan kemenangan selepas jaringan tersebut, namun ia dimusnahkan dengan jaringan Maududi Hilmi pada minit ke-88 selepas menerima hantaran daripada Azwan Ali Rahman.

# Kejohanan Golf Amal UBD 2015 bermula 31 Oktober

**Oleh : Hajah Siti Zuraihah Haji Awang Sulaiman**
**Foto : Haji Masmaleh Haji Mohd. Ali**

**BANDAR SERI BEGAWAN,** Sabtu, 17 Oktober. - Orang ramai terutamanya para penggemar sukan golf adalah dialu-alukan bagi menyertai Kejohanan Golf Amal UBD 2015 yang akan diadakan selama empat hari, iaitu bermula pada 31 Oktober, 1 November, 7 dan 8 November 2015 bertempat di Kelab Golf Diraja Diraja Brunei.

Kejohanan ini merupakan acara bagi meraih dana untuk pembangunan Alumni UBD termasuk membina hubungan antara majikan dan alumni dalam usaha meningkatkan peluang-peluang pekerjaan bagi alumni serta menarik potensi pelabur-pelabur bagi projek-projek dan kerjasama akan datang.

Pada masa yang sama, ia juga sebagai platform kepada para majikan untuk menyediakan maklum balas agar program-program UBD akan sentiasa relevan di dalam industri, di samping mempromosikan inisiatif dan kesediaan UBD melabur dalam sukan, di samping menyediakan platform bagi perjumpaan semula (Alumni).

Perkara tersebut dijelaskan oleh Timbalan Pengarah Pejabat Perhubungan dan Kemajuan Alumni (OARA), Universiti Brunei Darussalam (UBD), Lim Kok Shien pada Sidang Media yang berlangsung di Kelab Golf Diraja Brunei.

Menurutnya, kejohanan ini menyasarkan penyertaan dari para mahasiswa / mahasiswi UBD, kakitangan UBD, pihak-pihak berkepentingan, alumni dan juga orang ramai.

Sebanyak 10 kategori bakal dipertandingkan pada kejohanan kali ini, iaitu Kategori 'Men's Gross'; 'Ladies Gross'; 'Men's Overall Nett'; 'Ladies Overall Nett'; Division 'A' Nett; Division 'B' Nett; Division 'C' Nett; Men's Senior Nett (umur 55 tahun ke atas); Ladies Senior Nett (umur 55 tahun ke bawah) dan Junior Nett.




TIMBALAN Pengarah Pejabat Perhubungan dan Kemajuan Alumni (OARA), Universiti Brunei Darussalam (UBD), Lim Kok Shien (dua dari kanan) dalam Sidang Media menjelaskan mengenai Kejohanan Golf Amal UBD 2015.

Majlis penyampaian hadiah akan diadakan pada hari terakhir kejohanan iaitu 8 November yang dijangka akan disempurnakan oleh Menteri Pendidikan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Kerna Dato Seri Setia (Dr.) Haji Awang Abu Bakar bin Haji Apong.

Pelbagai hadiah menarik disediakan untuk para pemenang kejohanan termasuk hadiah berupa kereta bagi pemenang *hole-in-one* dan juga hadiah-hadiah wang tunai dan lain-lain.

Borang pendaftaran boleh didapati di Kelab Golf Diraja Brunei atau di Pejabat Perhubungan dan Kemajuan Alumni, Universiti Brunei Darussalam (UBD) di mana pembayaran setiap penyertaan bagi orang ramai adalah BND120, alumni dan pelajar BND100 dan penyertaan untuk bermain kali kedua (*2nd round*) adalah BND100.

Setiap penyertaan akan diberikan pek hadiah dan permulaan (*gift packs / starter packs*) bagi kejohanan tersebut.

Kejohanan yang julung kali dianjurkan ini akan diadakan dalam dua sesi pagi dan petang dan tarikh tutup pendaftaran ialah sehari sebelum bermulanya acara berkenaan dan juga tertakluk kepada keramaian penyertaan.

# JKED juara kejohanan futsal



SETIAUSAHA Tetap (Prestasi) di Kementerian Kewangan, Awang Eddie bin Dato Paduka Haji Sunny bergambar ramai bersama pasukan-pasukan dalam Kategori Terbuka.



SETIAUSAHA Tetap (Prestasi) di Kementerian Kewangan, Awang Eddie diperkenalkan kepada pemain-pemain yang beraksi dalam perlawanan peringkat akhir.

**Berita dan Foto : Mohamad Azmi Awang Damit**

**BANDAR SERI BEGAWAN,** Sabtu, 17 Oktober. - Jabatan Kastam dan Eksais Diraja (JKED) muncul johan Kategori Terbuka dan Kategori Veteran dalam Kejohanan Futsal Kementerian Kewangan dan Jabatan-jabatan di bawahnya bagi Tahun 2015 yang berlangsung di Kompleks Sukan Jabatan Kerja Raya.

Hadir menyaksikan perlawanan dan seterusnya menyampaikan hadiah kejohanan ialah Setiausaha Tetap (Prestasi) di Kementerian Kewangan, Awang Eddie bin Dato Paduka Haji Sunny.

Juga hadir ialah ketua-ketua jabatan dan bahagian, pegawai-pegawai dan kakitangan Kementerian Kewangan serta jabatan-jabatan di bawahnya.



SETIAUSAHA Tetap (Prestasi) di Kementerian Kewangan, Awang Eddie hadir selaku tetamu kehormat pada Kejohanan Futsal Kementerian Kewangan dan Jabatan-jabatan di bawahnya bagi Tahun 2015.

Bagi Kategori Terbuka, tempat kedua dimenangi oleh Jabatan Perbendaharaan, manakala tempat ketiga dimenangi bersama oleh Jabatan Perbekalan dan Stor Negara (JPSN) dan Darussalam Asset Sendirian Berhad.

JPSN pula memenangi tempat kedua bagi Kategori Veteran, diikuti oleh Pejabat Penerbangan Kebawah Duli Yang Maha Mulia, tempat ketiga.

Sementara itu, Azmi bin Ahmad dari Pejabat Penerbangan Kebawah Duli Yang Maha Mulia dan Awang Hazrul Hazmi dari Jabatan Perbendaharaan serta Salleh muncul sebagai penjaring terbanyak kejohanan bagi setiap kategori.

Kejohanan ini merupakan salah satu aktiviti sukan tahunan Kementerian Kewangan yang mana pada tahun ini telah dikelolakan oleh JPSN.



JABATAN Kastam dan Eksais Diraja sebagai juara bagi Kategori Terbuka.



JABATAN Perbendaharaan menjadi naib juara dalam Kategori Terbuka.

# Kejohanan Tarik Kalat Jemputan 21 November

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Jumaat, 16 Oktober. - Persatuan Tarik Kalat Negara Brunei Darussalam (PTKNBD) akan menganjurkan Kejohanan Tarik Kalat Jemputan Negara Brunei Darussalam 2015.

Kejohanan tersebut akan dibahagikan kepada dua kategori, iaitu Tarik Kalat Dalam Dewan lapan penarik berat badan 600 kilogram dan Tarik Kalat Luar Dewan (Tarikan menggunakan Kasut Jungle Boot atas Rumput) lapan penarik berat badan 640 kilogram.

Menurut Siaran Akhbar PTKBD ia dijangkakan akan berjalan selama dua hari, iaitu 21 hingga 22 November depan.

Tempat kejohanan akan dimaklumkan kemudian sewaktu undi dan taklimat.

Kejohanan tersebut mendapat respons yang hangat bukan saja dari pasukan-pasukan dalam negara, bahkan pasukan Republik Singapura, Malaysia dan Thailand akan ikut menyertai kejohanan itu nanti.

Oleh yang demikian, borang penyertaan telah pun dibukakan kepada pasukan-pasukan di negara ini dan bolehlah diperolehi melalui Pengiran Iskandar (8921668), Pengiran Haji Bakar (8778067), Awang Jumaat Damit (8895086) dan Awang Haji Aman (8923693) dan tarikh akhir menghantar borang penyertaan ialah pada 10 November 2015.



GAMBAR HIASAN ... Persatuan Tarik Kalat Negara Brunei Darussalam (PTKNBD) menganjurkan Kejohanan Tarik Kalat Jemputan November ini.



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, Canselor UNISSA ketika bertitah pada Majlis Hafl Al-Takharruj Ke-5 UNISSA berlangsung di Pusat Persidangan Antarabangsa, Berakas. - Foto : Azmah Haji Ahad.

# Lahirkan jurulatih tempatan yang berkelayakan, berwibawa, berintegriti

Oleh : Abu Bakar Haji Abdul Rahman
Foto: Ihsan NFABD

**BANDAR SERI BEGAWAN,** Sabtu, 17 Oktober. - Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Bendahara Seri Maharaja Permaisuara Pengiran Muda Haji Sufri Bolkiah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Presiden Persatuan Bola Sepak Kebangsaan Negara Brunei Darussalam (NFABD) bersabda, agar EXCO dan Jawatankuasa-Jawatankuasa Tetap NFABD yang berkenaan supaya sama-sama menilai dan menangani isu berhubung kemajuan bola sepak di negara ini yang menurut pengamatan Duli Yang Teramat Mulia belum lagi mencapai seperti yang diharapkan.

Ini, jelas DYTM, sama ada pasukan senior, bawah umur 23, 21, 19 tahun dan sebagainya dan begitu juga dengan futsal yang belum lagi mencapai tahap yang membanggakan.

DYTM bersabda semasa Kongres Biasa NFABD yang diadakan di NFABD House di Jalan Persidangan, di sini.

"Jika difikirkan perlu, saya juga tidak ada halangan, supaya satu Jawatankuasa Khas ditubuhkan, khususnya untuk mengenal pasti, faktor-faktor kritikal dan menyediakan pelan strategik yang meliputi semua aspek yang berkaitan," sabda DYTM.

Salah satu faktor kritikal itu, menurut DYTM ialah kejurulatihan, di mana, menurutnya, kita perlu melahirkan jurulatih-jurulatih tempatan yang berkelayakan, berwibawa dan berintegriti.

Hanya dengan tiga perkara inilah sahaja, tekan DYTM, seorang jurulatih itu akan dihormati dan digalati bukan sahaja dalam kalangan pemain tetapi juga pegawai-pegawai di sekelilingnya dan ini sudah tentu sedikit sebanyak akan mempengaruhi perkembangan bola sepak khususnya kemajuan pemain dan pasukan di bawah jaganya.

"Sehubungan dengan perkara ini pada Kongres NFABD yang telah diadakan pada 4 Februari 2014, kita telah membuat keputusan, supaya semua jurulatih yang terlibat dengan Liga Perdana, mempunyai Sijil 'C' AFC mulai Musim 2015 / 2016, manakala bagi Liga Super, semua jurulatih-jurulatih yang terlibat, mempunyai sekurang-kurangnya Sijil 'B' AFC mulai Musim 2016 / 2017," sabda DYTM.

Dalam hubungan ini, DYTM mengingatkan kepada semua jurulatih Liga Super untuk mengambil serius mengenai syarat tersebut dan berusaha untuk mendapatkan kelayakan tersebut sebelum Musim 2016 / 2017 bermula.

Pada kongres tersebut, DYTM turut melahirkan pendapat agar pihak kejurulatihan di negara ini mempunyai persatuan kejurulatihan kebangsaan yang mana selama ini masih kosong demi kepentingan dan kemajuan jurulatih-jurulatih tempatan.

Bercakap mengenai kepentingan jurulatih ini, DYTM bersabda, tidak adil jika kita tidak menitikberatkan kepentingan pemain-pemain dan oleh yang demikian, DYTM menyarankan supaya *players group* juga akan dapat ditubuhkan dengan secepat mungkin seperti yang diperuntukkan dalam Perlembagaan NFABD di bawah Artikel 21.



DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Bendahara Seri Maharaja Permaisuara Pengiran Muda Haji Sufri Bolkiah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Presiden Persatuan Bola Sepak Kebangsaan Negara Brunei Darussalam (NFABD) berkenan berangkat menghadiri Kongres Biasa NFABD di NFABD House, Jalan Persidangan.

# Pakai kaedah ulama muktabar

Dari muka 1

Kebawah Duli Yang Maha Mulia menegaskan, kaedah ulama muktabar yang cantik dan sempurna ini, hendaklah dipegang dan dipakai terus oleh UNISSA dan lain-lain pihak di negara ini.

"Adapun kaedah-kaedah baru yang berlawanan dengan kaedah para ulama muktabar adalah tidak berkenaan dengan kita," titah baginda seterusnya.

Terdahulu, baginda juga berasa gembira kerana dengan lahirnya para graduan UNISSA ini, maka bertambahlah lagi sumber tenaga manusia yang memiliki pengetahuan ugama.

"Ini pada hemat beta, adalah amat mustahak untuk menjamin *survival* ugama dan negara, kerana merekalah pengimbang antara tuntutan duniawi dan ukhrawi, khasnya dalam kalangan tenaga kerja manusia," titah baginda.

Oleh itu, tegas baginda, adalah amat penting bagi pelajar-pelajar UNISSA dilengkapi dengan pendidikan ugama yang mantap sebagai benteng menghadapi era globalisasi yang serba mencabar, agar tidak terumbang-ambing dan mudah diseret oleh arus perubahan.

# WI hadiri ACWW di Kuala Lumpur



ROMBONGAN seramai 20 ahli Pertubuhan Perkumpulan Perempuan (WI) Negara Brunei Darussalam yang diketuai oleh Yang Dipertua WI, Dayang Hajah Marhani binti Abd. Latif bergambar ramai sebelum berlepas ke Kuala Lumpur, Malaysia untuk menghadiri Persidangan Persatuan Wanita Desa Sedunia (Associated Country Women of the World - ACWW) bagi Rantau Asia Tenggara dan Timur Jauh.

Oleh : Rohani Haji Abdul Hamid
Foto : Azmah Haji Ahad

**BANDAR SERI BEGAWAN,** Ahad, 18 Oktober. - Rombongan seramai 20 ahli Pertubuhan Perkumpulan Perempuan (WI) Negara Brunei Darussalam yang diketuai oleh Yang Dipertua WI, Dayang Hajah Marhani binti Abd. Latif berlepas ke Kuala Lumpur, Malaysia untuk menghadiri Persidangan Persatuan Wanita Desa Sedunia (Associated Country Women of the World - ACWW) bagi Rantau Asia Tenggara dan Timur Jauh.

Persidangan yang bermula hari ini hingga 22 Oktober 2015 itu membawa tema 'Bekerja Bersama bagi Masa Depan yang Lebih Baik' (Working Together for a Better Future) diisikan dengan pelbagai program, antaranya sesi dialog dan lawatan ke Perbadanan Kemajuan Kraf Tangan Malaysia serta Berjaya University College Hospitality.

Persidangan bertujuan untuk meningkatkan taraf hidup wanita dan keluarga luar bandar melalui program-program pendidikan, latihan dan pembangunan masyarakat.

Selain itu persidangan juga untuk memberikan sokongan praktikal kepada ahli-ahli dan membantu mereka menubuhkan skim bagi menjana pendapatan, di samping memberi ruang bagi wanita luar bandar menyuarakan pendapat di peringkat antarabangsa melalui status perundingan dengan beberapa agensi Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB).

**PENDIDIKAN UGAMA BENTENG HADAPI ERA GLOBALISASI**

دتربيتكن اوله جابتن ڤنراڠن، جابتن ڤردان منتري دان دچيتق اوله جابتن ڤرچيتقن كراجان، نڬارا بروني دارالسلام.

Diterbitkan oleh Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri dan dicetak oleh Jabatan Percetakan Kerajaan, Negara Brunei Darussalam.